

**Jilid V
No. 21**



**Hari Khamis
16hb Januari, 1969**

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
3341]**

RANG UNDANG²:

**Rang Undang² Perbekalan, 1969 (Bachaa Kali Yang
Kedua) [Ruangan 3358]**

**JAWAPAN² BERTULIS KAPADA PERTANYAAN²
[Ruangan 3461]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Khamis, 16hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
 TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, K.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, S.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN HAJI SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIDAK HADHIR :

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kesihatan Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²

KEMUDAHAN TALIPON DI-
SABAH—TALIPON OTOMATIK
BAGI KENINGAU

1. Tuan Mohd. Arif Salleh (Sabah):
bertanya kepada Menteri Kerja Raya,
Pos dan Talikom:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa kebanyakan permohonan² untuk mendapatkan talipon² otomatik belum di-penohi terutama sekali di-Keningau, Sabah dan bahawa panggilan² talipon yang di-buat di-seluruh negeri Sabah buruk sambutan-nya;

PEMBENAAN JAMBATAN² DI-
SUNGAI PAGALAN DI-SUNGAI
SINAGANG, DI-SUNGAI BAYAYOH
DAN SUNGAI² LAIN

- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak membena jambatan²—
- (i) di-Sungai Pagalan di-Jalan Raya Keningau—Pensiangan,
- (ii) di-Sungai Sinagang di-Jalan Raya Keningau—Tenom, dan
- (iii) di-Sungai² Bayayoh, Apin² dan Mansaluring di-Jalanraya Keningau—Tambenan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan):
Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa permintaan bagi memasang talipon di-pekan² di-Sabah yang belum dapat

di-pasangkan. Di-Keningau sahaja ada 19 permintaan yang maseh menunggu. Sa-bilangan kecil daripada permintaan² itu ada-lah bagi kawasan² luar pekan Keningau yang payah dan mahal bagi membekalkan talipon. Lain² permintaan di-pekan Keningau akan dapat di-beri dalam tahun ini apabila ibusawat di-Keningau di-perbesarkan.

Berkenaan dengan pendengaran yang tidak baik bagi panggilan² di-Sabah seperti yang telah saya nyatakan dahulu rangkaian talikom di-Sabah hendak-lah di-perbaiki dan tindakan telah pun di-ambil dan sekarang ini panggilan di-antara Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau sudah pun bertambah baik.

Sambongan gelombang microwave akan di-adakan dalam tahun² yang akan datang dan ini akan memberi perhubungan talipon dan TV yang baik.

Soalan (b) (i). Jawapan kepada soalan ini ia-lah tidak ada feri di-tempat itu.

(b) (ii). Ya, kerja ini telah pun di-panggil tender dan pembenaan di-jangka akan bermula dalam tahun ini.

(b) (iii). Penyiasatan kejuruteraan bagi ketiga² jambatan itu sedang di-jalankan dan pembenaan jambatan di-Mansalorong mungkin dapat di-mulakan dalam tahun ini.

MENJIMATKAN PERBELANJAAN DI-SABAH

2. Tuan Mohd Arif Salleh bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri ada-kah benar Kerajaan berchadang hendak menjimatkan perbelanjaan di-negeri Sabah dengan mengurangkan bilangan pekerja² Kerajaan di-negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, memang-lah menjadi dasar Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan di-mana² negeri dalam Malaysia, bukan-lah sahaja di-Sabah. Bagaimana pun Kerajaan tidak akan chuba berjimat chermat dengan mengurangkan pekerja² Kerajaan jika langkah ini akan merendahkan taraf

perkhidmatan yang di-beri kepada ra'ayat atau pun akan menghalang perjalanan yang baik pentadbiran negara.

PERBADANAN TABONG HAJI

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, berhubung dengan kenyataan beliau baharu² ini (a) ada-kah Perbadanan Tabong Haji akan di-perbesar; (b) apa-kah perubahan² besar yang sedang di-ranchang oleh beliau; dan (c) ada-kah Kerajaan berchadang hendak menetapkan agar sa-tiap bakal haji wajib menyimpan wang kepada Perbadanan Tabong Haji sa-chara beransor-ansor atau membayar kepada Perbadanan itu sabanyak 1/3 daripada jumlah bayaran tambang sa-kurang²nya enam bulan terlebih dahulu daripada masa bertolak dan baki-nya pada masa bertolak.

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji atau Tabong Haji tidak akan di-perbesarkan lebeh daripada yang ada sekarang ini.

Perbadanan tersebut akan di-chantumkan dengan Pejabat Urusan Haji untuk menjadi sa-buah Lembaga baharu yang akan mempunyai kuasa dan tugas² bagi melichin dan meluaskan kerja² Simpanan Wang Bakal² Haji, menggunakan simpanan wang itu untuk penanaman modal yang lebeh luas lagi dan memberi kemudahan² yang sewajar-nya kepada bakal² haji dalam persediaan dan perjalanan mereka pergi dan balek menunaikan fardhu haji.

Satu Rang Undang² sedang di-gubal bagi penubohan Lembaga tersebut di-atas dan butir² yang di-tanyakan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan terkandung dalam perishtiharan yang berkenaan apabila Rang Undang² itu di-bentangkan di-dalam persidangan ini kelak.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedia menimbangkan bagi menanam modal yang lebeh luas

lagi dalam perbadanan ini ia-itu menchadangkan anggota² Tabong Haji bagi tiap² peserta² dalam Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan yang memberi faedah kepada peserta² itu juga kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ini, Tuan Yang di-Pertua, terpulang-lah kepada Lembaga Tabong Haji ini sendiri memutuskan. Jika di-fikirkan memberi faedah terpulang-lah kepada mereka menanamkan modal di-mana² sahaja yang mereka itu suka, tetapi di-dalam Ranchangan Tanah tentu-lah tidak ada penanaman modal daripada orang ramai tetapi di-dalam ranchangan tanah private (persendirian), Lembaga tersebut tidak ada tegahan untuk berbuat seperti itu.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi satu Undang² sedang di-gubalkan. Saya suka jikalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan kepada soalan (c), sebab soalan (c) ini mustahak sedikit bagi ra'ayat hendak tahu ada-kah kena dipaksakan orang² yang hendak naik ka-Mekah itu kena menjadi ahli Perbadanan ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak-lah berchadang hendak mewajibkan tiap² sa-orang yang hendak pergi mengambil haji itu menyimpan wang di-dalam Perbadanan tersebut, tetapi Ahli² Yang Berhormat boleh-lah membuat chadangan untuk di-masokkan di-dalam rangka Perlembagaan yang baharu kelak apabila di-bahathkan dalam persidangan ini.

KENYATAAN OLEH MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI—ANASIR² KOMINIS AKAN MELAKUKAN KACHAU BILAU DALAM PILEHAN RAYA UMUM

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Hal Ehwai Dalam Negeri, berhubung dengan kenyataan beliau yang di-buat di-Melaka ia-itu anasir² Kominis akan melakukan kachau bilau dalam pilihanraya umum tahun hadapan (a)

ada-kah dia berchadang hendak membentang satu undang² bagi membatalkan kera'ayatan anasir² Kominis itu; (b) apa-kah rupa kachau bilau yang di-jangkakan; dan (c) apa-kah ta'arif kata "kachau bilau"; dan ada-kah perbuatan sa-orang pengundi menjual \$10 sa-helai kertas undi yang tidak berpangkah kepada sa-saorang lain di-tempat membuang undi merupakan "kachau bilau".

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak-lah berchadang hendak membentangkan satu Rang Undang² baharu bagi membatalkan kera'ayatan anasir² kominis ini, kerana pada pendapat Kerajaan syarat² pembatalan kewarganegaraan seperti yang terchatet di-dalam Perlembagaan pada masa ini ada-lah di-fikirkan memada'i. Tidak-lah dapat saya hendak menggambarkan dengan jelas rupa atau bentuk kachau bilau yang akan di-lakukan oleh mereka itu kerana chara²-nya sangat-lah banyak. Ahli Yang Berhormat sendiri, saya perchaya, boleh memikirkan rupa kachau bilau itu memandang kepada kachau bilau yang telah di-lakukan oleh anasir² kominis pada masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan "kachau bilau" itu telah di-gunakan terjemahan perkataan Inggeris "disturbance". Perkataan "disturbance" chara umum-nya berma'ana perbuatan yang mengancam keamanan dan ketenteraman awam. Dan oleh itu perkataan "kachau bilau" itu di-gunakan dengan ma'ana yang sama. Oleh kerana itu perbuatan menjual kertas undi tidak-lah boleh di-anggap sa-bagai "kachau bilau", tetapi sa-bagai satu kesalahan di-bawah Undang² Election Offences Ordinance.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah telah sampai ka-pengetahuan Kementerian ini di-antara tindak tandok anasir kominis yang akan merupakan kachau bilau ia-itu mereka sedang mengarahkan anggota² Parti Buroh memeram bulb lampu letrik yang di-isikan acid, paku, untuk di-gunakan kachau bilau dalam pilihanraya kita yang akan datang ini?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka membuat tindakan yang sa-macham itu nyata-lah, ini bertentangan dengan undang² negara dan tindakan sa-wajar-nya akan di-ambil.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedia menghantar anggota Pasokan Penchegehah Rasuah dalam masa pembuangan undi bagi mengekori manusia² yang menjual kertas undi, atau memujuk chalun².

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, langkah yang sa-wajar-nya akan di-ambil.

TINDAKAN TERHADAP ENCHE' KASSIM AHMAD YANG MEMBUAT KECHAMAN DI-ATAS KERTAS PUTEH KERAJAAN MENGENAI KEGIATAN MILITAN KOMINIS DI-MALAYSIA

5. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan telah mengambil apa² tindakan terhadap Enche' Kassim Ahmad yang telah mengulas dan mengecham Kertas Puteh Kerajaan mengenai kegiatan militan Kominis Malaysia sa-bagaimana yang tersiar dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 28hb. November, 1968; dan jika ada, apakah tindakan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya Enche' Kassim Ahmad telah membuat kechaman terhadap Kertas Puteh Kerajaan mengenai kegiatan Militan Kominis di-Malaysia ada-lah sa-bagai Ketua Parti Ra'ayat. Tidak ada apa² tindakan telah di-ambil oleh Kerajaan terhadap-nya di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri oleh kerana Kerajaan ini ada-lah mengamalkan demokrasi dan sa-sorang warga-negara berhak mengeluarkan buah fikiran-nya terhadap apa² juga langkah yang di-ambil oleh Kerajaan. Sa-balek-nya jika satu kechaman itu boleh di-anggap sa-bagai hasutan untuk menjalankan kegiatan² yang akan mengancam keselamatan negara, tindakan yang sewajar-nya akan di-

ambil mengikut Undang² Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini mengambil satu kesimpulan bahawa kechaman² yang di-buat oleh Kassim Ahmad itu, Yang di-Pertua Parti Ra'ayat sa-bagai terompet suara Parti Kominis Malaya melalui beliau.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Ketua Parti Ra'ayat tak dapat tiada-lah Enche' Kassim Ahmad ini menyuarakan dasar Parti-nya, atau pun kehendak² Parti-nya.

NEGARA² YANG AMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN MEMBACHA QURAN, TAHUN 1968

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) bertanya kepada Perdana Menteri (a) ada-kah benar bahawa banyak negara Islam yang di-jangka akan turut serta dalam Pertandingan Membacha Quran tahun 1968 telah tidak berbuat demikian; dan (b) nyatakan sebab²-nya.

Menteri Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, 20 buah negara telah di-jemput menghadziri Pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Quran Peringkat Antara Bangsa 1968. 10 buah negara sahaja telah mengambil bahagian ia-itu termasuk negara² yang menghantar peserta, pemerhati dan juga hakim. Sungguh pun bilangan ini berkurang daripada bilangan tahun lalu tetapi tidak-lah perlu kita membandingkan kejayaannya dengan kejayaan² tahun lepas tadi, dan dalam tahun 1967 kita mendapat bilangan teristimewa besar-nya jika di-bandingkan dengan tahun² yang sudah. Dalam tahun 1967 bilangan negara² yang mengambil bahagian ada-lah 14 buah negara.

Jawapan kepada (b) ia-lah dalam tahun ini Vietnam mithal-nya telah tidak dapat menghantar peserta sunggoh pun negara itu telah menyatakan mereka akan datang. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kerana pertukaran jadual penerbangan Air Vietnam di-waktu yang terakhir.

Hakim dari Arab Saudi tidak dapat datang pada tahun ini, kerana beliau dalam perjalanan-nya dari Mekah hendak datang ka-Kuala Lumpur telah jatuh sakit dan masuk dalam Rumah Sakit di-Jeddah.

Pakistan juga tidak dapat hadir oleh kerana keadaan² negara-nya di-waktu itu genting dan bagi Pulau Maldiva pula pada tahun ini mula²-nya saya telah menerima surat menyantakan mereka itu akan hadir, tetapi oleh kerana Kerajaan baharu Maldiva hendak membuat pertukaran yang berseluruh dalam Perlembagaan negeri-nya, maka Kerajaan itu telah menyatakan dukachita-nya tidak dapat mengambil bahagian. Saya telah dapat tahu hal ini pada tingkat yang akhir sa-kali. Walau pun demikian, Tuan Yang di-Pertua, bilangan 10 buah negara ini ada-lah sama banyak-nya, atau lebih banyak lagi daripada tahun² yang sudah kechuali tahun 1967 tersebut tadi, dan mereka² yang mengambil bahagian termasuk peserta² dan yang lain² telah menerangkan bagaimana perasaan sukachita mereka dapat kesempatan bersama² dengan kita pada masa yang tersebut itu. Jangan-lah ini di-ta'arifkan oleh kerana bilangan tahun ini kurang daripada tahun 1967 maka makin sa-tahun sambutan daripada negara² luar semakin tidak begitu baik, ini bukan-lah begitu. Sebab² dalam negeri mereka sendiri telah tidak membenarkan peserta² itu datang ka-Kuala Lumpur pada masa tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa sa-orang pembacha daripada Philipina telah datang menyertai dalam pertandingan ini. Ada-kah pembacha itu di-hantar oleh Kerajaan Philipina, atau pun dia datang sendiri?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Tuan Yang di-Pertua, kita menghantar undangan kepada Kerajaan negeri Philipina dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah menerima jawapan daripada satu pertubohan di-Philipina yang telah sentiasa menguruskan hal ini di-masa² yang lalu tadi menyatakan tiga

orang peserta akan hadir. Peserta yang datang itu telah di-hantar oleh badan pertubohan Philipina ini oleh kerana beliau sangat² benar hendak datang ka-sini, maka beliau sendiri telah terpaksa menchari wang tambang bagi beliau sendiri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ini berarti bahawa banyak pembacha² yang datang itu di-kirim oleh pertubohan, bukan di-kirim oleh negeri-nya?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Tuan Yang di-Pertua, ini pun telah berlaku di-masa² yang dahulu juga, Tuan Yang di-Pertua, daripada Vietnam pada permulaan-nya mithalnya, segala tambang, segala lain² telah di-uruskan oleh pertubohan yang menjaga hal ehwal ummat² Islam di-negeri itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini bersedia untuk menambahkan lagi kemajuan dan meriah-nya Pertandingan Qur'an ini pada tahun akan datang, Yang Berhormat Menteri itu sedia masuk pertandingan membacha Qur'an?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu sanggup lawan saya, saya sanggup lawan dia (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon (Batu):

Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Ahli Yang Berhormat dari Bachok menerima chabaran dari Yang Berhormat Menteri itu? (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, any time saya terima, kalau Ahli Yang Berhormat dari Batu sanggup menjadi hakim. (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi berhubung dengan peserta pertandingan Qur'an kita pada tahun ini daripada Philipina, ada-kah Kerajaan kita memberi sagu hati tambang kepada mereka itu, atau ada-kah badan² lain yang memberi tambang kepada mereka itu?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memberi sagu hati tam-bang, atau sagu hati yang lain, tetapi banyak orang² persendirian, pertubohan seperti daripada Perak, daripada Johor, harus juga Ahli Yang Berhormat sendiri ada menghantar, wallah hu'alam dan mereka yang ada di-Kuala Lumpur pun seperti Pergerakan Pemuda Kampong Dato' Keramat, Pergerakan Pemuda UMNO ada menghantar sagu hati kepada beliau itu.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengubati atau pun meminta pertolongan daripada Bank Mata bagi mengubati mata salah sa-orang daripada kariah yang datang daripada Kelantan, atau pun meminta pula Kerajaan Kelantan memberikan jasa baik-nya mengubati beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

PINDAHAN KELUARGA² MELAYU DARI BAGAN AJAM, BUTTERWORTH

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah benar bahawa kira² 100 keluarga Melayu telah terpaksa berpindah pada akhir tahun 1968 di-Bagan Ajam, Butterworth akibat dari usaha Kementerian hendak mengelokkan kawasan itu; jika ya, apa-kah pertolongan yang dapat di-beri oleh Kerajaan kepada keluarga yang malang itu.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya tidak benar, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tidak ada rancangan mengenai pemindahan lebeh kurang 100 keluarga orang² Melayu di-Bagan Ajam, Butterworth.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Boleh jadi saya yang silap dalam pertanyaan ini, mengemukakan kepada Menteri Perdagangan, sebab saya kaitkan dengan Kementerian Perdagangan. Apa-kah Kementerian Perdagangan dapat menyatakan bahawa

benda ini berlaku, tetapi bukan tanggung-jawab Menteri Perdagangan?

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Saya dapat tahu Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada satu rancangan untuk menempatkan sa-mula keluarga orang² Melayu yang mendudoki tanah Kerajaan di-Bagan Ajam di-atas sabidang tanah yang sama mengikut plan lay out yang di-luluskan. Bayaran habuan berjumlah \$20,000 akan di-bayar kepada mereka yang terlibat dalam rancangan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya dapat ma'alumat ini kenamengena dengan keluarga Melayu sahaja, ada-kah Menteri Yang Berhormat dapat mencheritakan keluarga yang bukan Melayu pun ada terlibat dalam masalah ini, dan bila-kah wang² yang akan di-bayar itu boleh di-bayar.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh minta dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

SUROHAN MENTERI PENGANGKUTAN KAPADA PEDAGANG² DIPULAU PINANG KELUAR DARI MALAYSIA—SIARAN AKHBAR BERITA HARIAN 29-10-1968

8. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah yang sa-benar-nya sudah berlaku di-antara Menteri Pengangkutan dengan beberapa orang ahli perusahaan dan saudagar di-Pulau Pinang dalam bulan Ogos, 1968 sa-hingga Menteri itu di-katakan telah menghalau pedagang² tersebut keluar dari Malaysia seperti tersiar berita-nya dalam akhbar *Berita Harian* 29hb Ogos, 1968.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon): Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya tidak ada sa-suatu yang kurang elok yang berlaku di-antara saya dengan saudagar² di-Pulau Pinang, oleh kerana saya tidak pernah menyuroh saudagar² itu atau orang lain sa-kali pun keluar daripada Malaysia. Keributan yang tersebut, dalam akhbar² itu telah timbul oleh

kerana apa yang saya katakan sa-benar-nya di-perjumpaan UMNO di-Seberang Perai itu telah di-salah ambil dan kemudian-nya di-salah tafsirkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak betul tolong perbetulkan. Ada-kah benar silap faham itu berlaku satu sikap yang kurang sedap ia-itu Yang Berhormat Menteri kita yang di-sayangi ini telah menceritakan bahawa "aku tahu perkara ini kerana aku sa-orang lawyer" (*Ketawa*). Jadi ini-lah yang menyebabkan orang² itu berasa kechil hati dan timbul perkara ini dalam surat² khabar sa-hingga jawab-menjawab. Ada-kah benar perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, tak benar. Saya harap-lah Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu jangan-lah katakan saya lawyer. Sekarang saya Menteri, tak buka perniagaan lawyer lagi. Insha' Allah, kalau tak jadi Menteri, buka lawyer balek datang-lah (*Ketawa*).

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum itu saya memohon izin, minta soalan ini di-dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Di-dalam bahasa apa?

Tuan Geh Chong Keat: Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris senang sadikit, takut ada teknikal (*Ketawa*). Could the Honourable Minister inform this House that the remark made could be one of those sporadic remarks which he made and quite promptly forgot about it and he felt sorry for it (*Laughter*).

Tan Sri Haji Sardon: I cannot be sorry for what I did not say, Sir. (*Laughter*) I have clarified in fact to convince the Honourable Member from Penang. He should be with me that afternoon when I met all those members of the commercial community. They were very happy. We said: "We will try to help you, and whatever you want we will see what we can do". Therefore, there is no point for me to apologise. I did not make any remark, I did not make any mistake.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Dewan ini meminta supaya bila Menteri Pengangkutan membuat ucapan apa² pada masa² yang akan datang ia akan buat rekod supaya kita dapat tahu apa yang sa-benar-nya dia berchakap? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon: Saya harap kalau Kerajaan boleh benarkan membeli tape recorder boleh bawa Kerajaan punya boleh saya rekodkan, tetapi kalau saya hendak beli tape recorder, tak ada fasal-lah.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh terjadi itu di-jadikan apabila Menteri yang berkenaan berkata of the calf bukan for publication dan wartawan² itu di-siarkan di-surat khabar.

Tan Sri Haji Sardon: Saya tidak berkata of the calf, Yang Amat Berhormat Ketua Negeri Pulau Pinang pun ada bersama. Meshuarat UMNO bukan satu orang, bukan macham meeting Geram, saya tidak tahu-lah, ramai orang dengar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Menteri menceritakan sadikit sabanyak bagaimana Yang Berhormat Menteri itu dapat menyentoh hal² kena-mengena dengan saudagar, sebab perkara saudagar ini kena-mengena dengan Kementerian Perdagangan. Jadi bagaimana begitu berani Menteri ini

Tan Sri Haji Sardon: Saya sudah napikan, saya tak ada kata begitu yang saya sebutkan, mereka yang berniaga menggunakan perahu² kerana mengangkat cargo, itu sa-bahagian daripada saudagar² juga, tetapi saudagar yang meniaga, ada mempunyai kapal besar, mengangkat cargo di-keliling Penang Port Commission, itu-lah yang berhubongan-nya. (*Ketawa*).

REVIEW OF BAN ON BOOKS IN UNIVERSITY OF MALAYA

9. Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Asks the Minister of Home Affairs if a review of the 100 banned books locked up in a special

room in the library of the University of Malaya has been made. If not, why. Is the Minister aware that this practice is not compatible with the autonomy of the University of Malaya and that the students have urged that this ban be removed.

Tun Haji Abdul Razak (*dengan izin*): Sir, the question of reviewing the list of banned books is being studied by the Ministry of Home Affairs and the University authority. As I have stated on previous occasions, the present practice of keeping banned books away from the open library does not in any way interfere with the autonomy of the University. Autonomy, to my mind, does not place the University above the law of the land. The books referred to have been banned in accordance with our law in the interests of the security of our country. However, in the interest of higher education, provision of the law had been relaxed in this instance in favour of the University.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Home Affairs aware that—I think it was more than 6 months ago, when I asked almost the same type of question—the answer given by the Honourable Assistant Minister of Home Affairs was that he had undertaken to review the list of banned books, because what was considered prejudicial to the security of the nation way back, let us say, in the early 1950s perhaps may not be so in the late 1960s. Consequently, can the Honourable Minister of Home Affairs explain this long delay in completing a review of not too many books?

Tun Haji Abdul Razak: Sir, a few months ago the Permanent Secretary to the Ministry of Home Affairs asked the present Vice-Chancellor of the University to prepare a list of the books which he considered would no longer be prejudicial to the interests of the security of the country. Once the list is prepared, the list can be studied and reviewed by the Ministry of Home Affairs, and if we are satisfied that these books are no longer prejudicial to the interests of the security of Malaysia, then, as I said,

the books can be taken out from the list of the banned books.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister of Home Affairs confirm that whereas before it was necessary for any person intending to read such books in the pursuit of his studies to give his name, his identity card number and his home address, now it is no longer necessary to do so? Now one has to get permission only and does not have to give one's name, one's identity card number and one's home address if one wants to get permission to read such a book.

Tun Haji Abdul Razak: Sir, I am not familiar with the mechanics of the exercise in the University of Malaya.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Home Affairs aware that such impositions have been made not by the University of Malaya but at the insistence of the Ministry of Home Affairs? Is he also aware that there has been a statement to such effect by the Permanent Secretary to the Ministry of Home Affairs? I merely seek a confirmation of this because it is very important. Academic people of whatever shade of political opinion that I have talked to in the University of Malaya have all been against this ban.

Tun Haji Abdul Razak: As I said, Sir, the whole matter is under review now. The Government does not wish to keep these books away from University students or University professors, if the Government can be satisfied that they are not prejudicial to the interests of the country; but if they are prejudicial to the interests of the country, obviously certain precautionary measures must be taken to protect the interests of the country.

Dr Tan Chee Khoon: Will the Honourable Minister kindly let me have a list of such books if and when it is given by the Vice-Chancellor of the University of Malaya, because I understand that, amongst other books that are being kept under lock and key there, are such books like "Red Star Over China" by Edgar Snow. Such a

book was written in the middle thirties, I think, and I do not see how it can be prejudicial to the security of this country when lots of other books on Mao, thoughts of Mao, can be bought openly in the bookshops in Kuala Lumpur.

Tun Haji Abdul Razak: I am sorry I cannot give the list to the Honourable Member. The discretion in this matter is with the Government and it is my right to use my discretion and whatever decision has been made, I am prepared to be fully responsible for that decision.

Tuan Haji Abu Bakar Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Kerajaan sedar bahawa langkakah melarang student² itu membacha buku² ini menggendalakan sa-bahagian besar daripada pelajar² yang berkenaan itu dalam menyediakan thesis mereka itu bagi akhir tahun ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar kerana buku² ini ada di-simpan di-Universiti akan tetapi penggunaan yang terhad kerana keselamatan negara kita, itu sahaja; buku itu ada di-simpan tetapi penggunaan-nya terhad.

USE OF TEAR GAS AT PEACEFUL DEMONSTRATION BY ABOUT 150 STUDENTS OF UNIVERSITY OF MALAYA

10. Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): asks the Minister of Home Affairs what justification is there for the Federal Reserve Unit to fire tear gas at the peaceful demonstration by about 150 students of the University of Malaya at the Russian Embassy at Jalan Pekeliling on 24th August, 1968.

Tun Haji Abdul Razak (*Dengan izin*): Sir, tear gas was used, because in the opinion of the O.C.P.D., who was on the spot, that method was the most practical way of dispersing the crowd after repeated appeals to disperse from the Police had been ignored by the students. Furthermore, the discomfort caused by tear gas is only temporary. The demonstration had to be dispersed as it was staged without permission

from the Police as required by the Police Act and, therefore, the demonstration was illegal.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Home Affairs aware that there have been many demonstrations as well where there had been no prior police permit obtained and therefore illegal in the eyes of the law? For example, there were demonstrations against the annexation of Sabah by the Philippine Government. Now, is the Honourable Minister aware that where in one instance the Police almost encouraged the people to demonstrate, in the other instance the Police fired tear gas at a mere handful of 150 students. Can the Honourable Minister of Home Affairs explain this double standard on the part of the police?

Tun Haji Abdul Razak: Sir, there is no question of the Police employing double standard, all being dependent on the circumstances of the case. As I said, every demonstration to be held must have permission of the police. If a demonstration is held without the permission of the Police and the police considered that the demonstration would cause disturbance, then it is the duty of the police to see that the demonstration is dispersed. Normally, the Police officer in charge would appeal to the demonstrators to disperse, and if they do not heed the appeal then the Police officer is entitled to use the minimum force necessary to disperse the demonstrators.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Bachaaan Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang". (15hb. Januari, 1969.)

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak beri tahu kapada Ahli² Yang Berhormat, perbahathan di-atas soalan ini untuk Ahli² Yang Berhormat hari

ini sahaja-lah, sebab esok hari barang-kali Menteri² akan menjawab.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama menyokong belanjawan yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu dan saya penoh perchaya ra'ayat tentu-lah menyambut akan belanjawan ini, kerana bukan sahaja ra'ayat akan tidak menanggung bebanan chukai yang banyak, tetapi dengan chukai² yang baharu yang di-umumkan itu akan menjamin keadaan kedudukan hasil² keluaran dari negeri kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan perlantikan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang baharu, dan perlantikan Pengarah yang baharu ini, saya mengatakan-lah sudah kena pada tempat-nya, memandangkan kapada proses kedaulatan Bahasa Kebangsaan kita yang menjadi bahasa rasmi yang tunggal di-negara kita ini. Penggantian ini boleh-lah saya katakan, "patah tumbuh hilang berganti". Kita tentu-lah menguchapkan terima kaseh kapada bekas Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang dahulu yang telah dapat mempelupori dan menjalankan tugas yang banyak atas perkembangan Bahasa Kebangsaan di-negeri kita ini. Di-samping itu kita juga berasa lapang hati di-atas beberapa pengumuman baharu yang telah di-buat oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang baharu dan telah mengumumkan beberapa projek dan pembetulan yang akan di-laksanakan terhadap Dewan Bahasa yang di-bawah arahan-nya kelak. Apa yang saya harapkan dan ra'ayat negeri kita ini berharap jangan-lah biasa-nya pengumuman ini tinggal pengumuman sahaja, tetapi hasil-nya hendak-lah di-laksanakan dengan ber-sungguh².

Kita tentu-lah menguchapkan sa-tinggi² tahniah atas kesanggupan Pengarah yang baharu ini menerima kehendak Kerajaan kita melantek-nya menjadi Pengarah itu. Samoga dengan apa yang telah di-umumkan-nya itu, Dewan Bahasa dan Pustaka kita akan menempah satu sejarah baharu dan

akan berjalan dengan mendapat penoh sokongan dari sa-genap lapisan sama ada dari Kementerian² yang berkenaan, atau dari para cherdek pandai kita yang lain.

Satu sejarah yang patut kita perhatikan sa-lama ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah di-tubuhkan dari sejak tahun 1956 di-Johor Bharu sa-hingga-lah pada hari ini dengan mempunyai rumah yang besar tersergam, apa-kah hasil yang telah dapat di-sempurnakan oleh Dewan itu sa-lama ini, terutama sa-kali atas perkara yang paling mustahak sa-kali tentang dari segi persediaan buku² teks di-sekolah² di-negara kita ini. Apa yang saya ketahui sa-hingga hari ini Dewan Bahasa dan Pustaka maseh belum lagi dapat menyediakan sa-penoh-nya buku² teks di-sekolah² dan maseh lagi kita menggunakan buku² yang keluar dari perchetakan² yang lain. Saya berharap pada masa² yang akan datang penggunaan buku² teks di-sekolah² hendak-lah keluaran dari Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja. Keadaan yang ada sekarang ini ada-lah sangat menyusahkan ibu bapa kita dengan sebab pada tiap² kenaikan kelas sekolah² tidak dapat menyamakan keluaran buku² itu, dengan sebab² yang demikian manakala kanak² menaiki kelas² dari sa-tahun ka-satahun, buku²-nya tidak boleh di-gunakan lagi oleh kanak² yang lain itu, kerana sekolah yang lain pula menggunakan buku keluaran yang lain pula. Jika buku² teks ini hanya keluaran oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja, maka kesulitan ini tidak akan di-hadapi oleh ibu bapa kita. Sunggoh pun ini merupakan satu chara monopoli, tetapi Kementerian boleh menimbangkan satu chara yang sesuai supaya kesusahan ibu bapa dari segi ini dapat di-elakkan.

Saya juga ada-lah menguchapkan terima kaseh dan ra'ayat juga tentu-lah merasa lapang apakala mendengar salah satu dari usaha Kementerian dan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang baharu hendak mengeluarkan buku² teks dengan harga yang murah, dengan mempunyai mutu pelajaran yang tinggi. Kita tidak-lah mahu lagi buku² yang kulit tebal berwarna-warni,

tetapi harga-nya mahal, akan menyusahkan ra'ayat. Apa yang kita mahu seperti negara² lain juga dapat mengeluarkan buku² yang murah dan bermutu tinggi dan menyenangkan ra'ayat yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kehendak ini dapat di-laksanakan dengan sa-berapa segera-nya dan Dewan Bahasa dan Pustaka di-bawah Pengarah yang baharu ini akan dapat menjalankan jentera-nya dengan menggunakan minyak pelichin yang baik dengan menggunakan umpama-nya minyak Shell Super Zoom bukan menggunakan minyak diesel. Mudahan² segala ranchangan yang di-tunggu oleh ra'ayat sa-lama ini hasil dari Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat di-nekmati oleh ra'ayat seperti penyediaan Kamus Bahasa Kebangsaan dan penyamaan ejaan Malaysia—Indonesia yang lama telah kita ranchangkan itu. Saya berharap juga jika dengan ada-nya usaha yang bersungguh² oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini sa-hingga kita dapat mempengaruhi beratus² juta ra'ayat di-Tenggara Asia kita ini dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan, maka pada satu hari dalam masa yang pendek kita dapat pula menuntut supaya bahasa kita dapat di-terima menjadi salah satu bahasa yang boleh di-gunakan di-Bangsa² Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berkenaan dengan pelajaran ia-lah bagaimana yang kita semua tahu sekarang ini kita dapat tahu bahawa banyak sa-kali tumbuh-nya sekolah² taman kanak² di-merata² cherok di-negara kita ini, tetapi nampak-nya keadaan ini hanya di-lepaskan sahaja kepada badan² bersendirian untuk menjalankan-nya. Kerajaan, khas-nya Kementerian Pelajaran, tidak langsung mengambil tahu atas perkembangan pelajaran anak² kecil kita itu dan guru² yang mengajar di-sekolah² itu hanya di-ambil daripada guru² yang tidak terlatah. Saya menhadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya pehak Kementerian Pelajaran akan mengenakan satu² peratoran ia-itu guru² yang hendak mengajar serta melatah anak² kita di-sekolah kanak² ini hendak-lah di-ambil dari guru² yang terlatah. Ini

akan tidak merosakkan pelajaran anak² kita itu.

Saya suka juga menarek perhatian di-atas satu perkara berkenaan dengan anak² wakil² kita serta pegawai² Kedutaan kita yang ada sa-makin banyak di-luar² negeri. Saya di-beri peluang melawat keluar negeri dan kebanyakan anak² pegawai² Kedutaan kita tidak dapat pelajaran sa-chukup-nya bagaimana dasar pelajaran kita yang ada pada masa ini, kerana pada kebiasaannya pegawai² itu tidak-lah dudok menetap di-satu² tempat, malahan akan bertukar dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Saya harap Kerajaan dapat mengambil berat atas perkara ini dan saya menhadangkan pada tiap² sabuah Kedutaan kita di-luar negeri hendak-lah di-hantar sa-kurang²-nya sa-orang guru yang berkebolehan untuk mengajar anak² mereka dan dapat di-atorkan achara² pepereksaan bagaimana dasar pelajaran kita yang ada pada hari ini. Dengan jalan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, nasib masa hadapan anak² pegawai² kita di-luar negeri itu akan dapat terjamin kehidupan-nya sesuai dengan keadaan negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat negara kita ini tentu-lah berasa lapang hati terutama ra'ayat bumiputra yang mana Kerajaan telah pun menjalankan beberapa ranchangan melalui MARA yang mana ini merupakan satu nafas baharu yang di-hadapi oleh kaum bumiputra kita untuk menuju kepada persainbangan dari segala lapangan penghidupan di-negara kita ini. Dengan apa yang telah di-jalankan oleh Pengerusi MARA sa-lama beliau di-berikan tugas dalam hal ini ada-lah sangat menggalakkan tambahan pula kita berasa beruntung kerana Kerajaan telah memilih sa-orang lagi Timbalan kepada Pengerusi MARA yang akan membantu kerja² yang banyak itu supaya dapat berjalan dengan lebeh kemas dan lichin lagi. Mudahan² sabuah bahtera yang di-pandu oleh sa-orang nakhoda serta penolong-nya yang chekap dan berkebolehan maka chita² ra'ayat bumiputra kita akan dapat menuju kepada matalamat yang berkejaan.

Sungguh pun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah membuat beberapa tegoran di-atas apa yang telah di-jalankan oleh sa-tengah² yang di-mithalkan oleh anak² bahtera MARA ini dalam masa menjalankan tugas-nya yang kadang² terpaksa ditegor sedikit, mudahan² ini akan di-jadikan satu pengajaran kepada kita. Mithal-nya sekarang ini kita sedang memungut Derma Yayasan Pelajaran MARA dan nampak-nya pungutan derma itu telah pun dapat sambutan dan sokongan dari Negeri² dan juga orang ramai. Salah satu daripada chara pungutan derma yang di-jalankan oleh pihak MARA ia-lah dengan jalan memasukkan penari² dan penyanyi² pop dari Indonesia. Chara yang di-jalankan untuk mengambil penari² genit dari Indonesia ini apa yang di-ketahui menurut akhbar² ia-lah dengan chara beberapa orang pegawai² MARA pergi ka-Indonesia untuk memileh dan mencari penari² pop itu. Sa-telah itu baharu-lah mereka itu di-bawa ka-mari untuk di-pentaskan. Satu kelemahan yang saya nampak ia-lah chara menjimatkan wang dari segi pengambilan penari² itu. Apa salah-nya pihak MARA meminta sahaja diuruskan oleh Kedutaan kita di-sana, rasa saya pegawai² Kedutaan kita di-sana boleh menolong bagi memileh penari² pop itu tambahan pula mereka sa-mang-nya telah masak dengan keadaan di-sana. Tetapi dengan menghantar pegawai², maka beberapa banyak wang perbelanjaan itu telah mem-badzir sahaja.

Satu perkara lagi yang menyedehkan, Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun perkara ini di-anggap kecil tetapi, perkara yang sa-kecil ini jika tidak di-perbaiki akan merosakkan perkara yang lain yang besar² lagi. Di-dalam akhbar² telah di-beritakan manakala di-tanya pegawai² yang bertanggung-jawab mengapa tidak di-ambil penari² dan penyanyi² kita di-sini berkenaan dengan pementasan itu, maka telah pun di-jawab bahawa penyanyi² dan penari² kita di-sini tidak berkelayakan, atau berkebolehan seperti Indonesia. Ini telah menjadikan satu kesan yang mengechiwakan sa-tengah² gulungan daya penarek di-negara kita ini. Saya fikir penari² serta penyanyi²

di-negara kita ini tidak kurang juga baik-nya dengan apa yang di-bawa dari Indonesia itu, malahan ada juga perkara yang boleh di-buat oleh penari² dan penyanyi² kita, tetapi tidak boleh di-adakan oleh pihak Indonesia itu. Bukan-kah ulasan ini akan merosakkan image gulungan penyanyi² kita di-sini dengan sebab orang² kita sendiri telah merendahkan kebolehan mereka itu. Bukan-kah ada lebeh baik jika hendak di-adakan pementasan pungut derma yang serupa itu boleh-lah di-satukan penari² dan penyanyi² yang datang dari luar dan di-gandingkan mereka yang berkebolehan di-negara kita ini, seperti dari badan² kesenian di-negara kita ini. Jangan-lah kebolehan mereka² di-negeri kita ini di-perkecil²kan dan ini juga akan merosakkan kehidupan serta kebolehan mereka serta merendahkan nama baik mereka, kerana mereka juga bilangan ra'ayat yang mahu hidup dari segi kebolehan dan lapangan-nya dan kepada mereka juga pada satu hari kita harapkan akan membawa nama baik negara kita di-negara luar seperti yang di-buat oleh mereka² yang di-datangkan dari negara² lain itu. Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua barangkali ini-lah satu² sebab keperchayaan negara² luar sangat susah hendak menerima rombongan kebudayaan² kita bagi mengunjongi negara-nya walau pun telah beberapa kali di-ranchangkan, kerana mereka menganggap penari² dan penyanyi² kita tidak bermutu dan berkebolehan sa-bagaimana yang telah di-tegaskan oleh pegawai² kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses kita hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat di-luar² bandar, Kerajaan telah pun menyalorkan gerakan ini dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bermacham² gerakan telah di-jalankan umpama-nya Gerakan Maju, Gerakan Jaya Diri dan sa-bagai-nya. Nampak-nya dengan gerakan² ini ra'ayat semakin lama sa-makin memahami akan langkah² Kerajaan ini, maka usaha Kerajaan itu telah dapat berjalan dengan baik-nya.

Satu perkara yang saya suka menarek perhatian Kerajaan, Tuan Yang

di-Pertua, dalam bidang Gerakan Maju, Sharikat² kerjasama ada-lah satu daripada rukun² untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat. Apa yang saya alami sa-lama ini perkara yang tidak dapat di-gerakkan sa-penoh-nya ia-lah gerakan sharikat² kerjasama. Pada tiap² kali kursus² di-adakan markah² yang paling mundur sa-kali ia-lah dari bidang sharikat² kerjasama. Jika di-kaji sejak Gerakan Maju di-jalankan beberapa peratus sahaja sharikat² kerjasama dapat di-jalankan atau pun di-tubuhkan. Pernah juga di-tanya pegawai² sharikat² kerjasama telah mengatakan mereka tidak bergerak chergas bagaimana yang di-kehendaki kerana kurang peruntukan elaun perjalanan maka dengan sebab² itu mereka tidak dapat membuat lawatan² penerangan, jika di-kehendaki. Saya menhadangkan, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Sharikat² Kerjasama ini boleh ditukarkan sahaja kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ini bukan sahaja sesuai dengan proses Gerakan Maju yang kita sedang jalankan tetapi akan memesatkan lagi perjalanan-nya dari sa-masa ka-samasa. Yang Berhormat Menteri yang dahulu-nya bernama Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama, boleh-lah di-sebut dengan nama Menteri Pertanian dan Perikanan sahaja, kerana negara kita ini ada-lah negara pertanian, maka beliau boleh-lah menumpukan sa-penoh perhatian berkenaan dengan memesatkan lagi perjalanan pertanian di-dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir saya hendak chakapkan ia-lah berkenaan dengan dasar luar negeri kita ia-itu berkenaan dengan soal Israel. Kita tentu-lah menguchapkan terima kaseh atas pendirian Kerajaan kita pada hari ini terhadap Israel. Tunku Perdana Menteri telah pun menyatakan sikap-nya mengutok Israel terutama sa-kali baharu² ini Israel telah mengebom Lapangan Terbang Beirut. Ini merupakan satu perbuatan yang kejam dan luar dari landasan keamanan di-negara dunia kita ini. Kita tahu Israel sa-buah negara yang kecil, tetapi bernafsu besar serta berkebolehan. Apa-kah hasil-nya

dengan kutokan yang di-buat oleh negara kita tentang soal ini, sedangkan negara² sahabat kita tidak dapat kata sepakat di-atas kutokan ini, sa-kurang²-nya kutokan itu akan menjadi kesan kapada negara Israel yang terkutok itu. Kita patut-lah mengambil perhatian yang berat kapada negara sahabat yang paling dekat sa-kali dengan kita saperti Singapura. Negara kita telah pun membuat perjanjian persahabatan dan pertahanan dengan negara Singapura, tetapi apakah langkah dan sikap Singapura terhadap Israel itu. Apa yang saya tahu bahawa Singapura sa-hingga hari ini maseh lagi banyak menggunakan pegawai² teknik serta pakar² dari Israel khas-nya pegawai² melateh tentera²-nya. Sa-bagai sa-buah negara sahabat yang paling dekat dan ikrah tidak-kah dapat Kerajaan kita menggunakan perjanjian persahabatan dan pertahanan itu supaya meminta Singapura menukarkan sikap-nya terhadap pengambilan pegawai² Israel itu supaya dengan jalan itu sedikit sa-banyak kesan² dari kutokan kita itu akan dapat terasa oleh negara Israel. Sekian, terima kaseh.

Dato' Ling Beng Siew (Sarawak):

Mr Speaker, Sir, I would like to make some comments on the 1969 Budget.

Mr Speaker, Sir, I am glad to note that the largest vote is allocated for the Ministry of Education. I always believe that education is one of the best ways of investment. It is, again, disappointing to note that, the Comprehensive education system is not going to be introduced into East Malaysia this year, though it has been adopted in West Malaysia for the last few years. I would like to urge the Federal Government to consider seriously of introducing the Comprehensive education system into East Malaysia as soon as possible.

Mr Speaker, Sir, during the visit of the Honourable Prime Minister to Sarawak in October, 1967, he declared that the Government would endeavour to turn Sarawak into the rice-bowl of Malaysia. The Prime Minister even suggested that in order to achieve this purpose, mechanisation would be adopted. It seems that, besides sending

a few Japanese experts to make investigations on this project, not much has been done. I would like to take this opportunity to urge the Federal Government to take all measures necessary to speed up this scheme.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has rightly said that we suffer from the paradox of land hunger in the midst of plenty; and furthermore, he urged those Ministries and Departments of the Federal Government concerned, in collaboration with the State Governments, to speed up the process of land alienation for agricultural and industrial purposes. The Honourable Minister of Finance knows exactly what our sickness is and he has also given a right prescription to cure it. What we have to do now is to follow and carry out his advice. I am sure that many Honourable Members of this House have visited Taiwan and I understand that they have been greatly impressed how the Government there tackles the land problems by carrying out land reforms and adopting advanced methods of farming. Because of this it is possible for the farmers in Taiwan to farm in their own land and the country is able to export surplus food overseas. In order to provide more jobs to our growing population and in order to raise up the standard of living of our people, more land should be made available. We have always been trying to combat subversive activities in this country. I believe one of the most effective ways of doing it is by giving land to those who would like to do farming for a living. When a person has a stake in this country he has to think twice before he would attempt to do anything foolish.

Mr Speaker, Sir, it is always easy to increase the expenditure year by year. It is gratifying to note that this year the Government sees fit to reduce operating costs by taking appropriate measures. For doing this it requires wisdom and courage. It is only the Malaysian Alliance Government which can provide both. The tempo of development in various fields in this country is well maintained. On the

whole, the Budget is very sound. Mr Speaker, Sir, I beg to support this Bill.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan Perikatan yang telah memandu ekonomi negara kita Malaysia dalam tahun 1968 dengan begitu bijak dan jaya-nya. Sa-bagai sa-orang yang tidak faham tentang selok-belok kewangan kebangsaan dan antara bangsa, saya telah beberapa kali berasa ragu² apa-kah akibat-nya kejatohan matawang dunia seperti pound sterling ka-atas kedudukan kewangan Malaysia. Wang rupa²nya bukan-lah wang, tetapi satu kepercayaan sama juga dengan ideology dan lain² kepercayaan. Kalau tidak ada kepercayaan maka wang tidak ada harga. Tetapi walau pun pound sterling dan French franc terancam dalam tahun 1968 dan wang ringgit Malaysia ada ikatan yang besar dan banyak dengan pound sterling, kedudukan ringgit Malaysia selalu tegap dan telah dapat penghargaan yang penoh oleh dunia. Ini ia-lah satu perkara yang ra'ayat Malaysia patut berasa sombong dan berbangga dengan ada-nya satu Kerajaan yang begitu chekap menjaga kedudukan ekonomi kita. Sa-bagai penyokong Kerajaan saya mengalu²kan kejayaan ini dan ra'ayat yang sadar dan bertanggung-jawab mesti-lah ingat tentang kejayaan ini dan betapa mustahak-nya mengadakan Kerajaan yang chekap dalam masa² yang akan datang di-mana banyak lagi masalah ekonomi, politik dan sosial akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, di-masa membayangkan ekonomi negara mengikut chara² yang sangat di-gemari oleh pakar² ekonomi banyak-lah angka² yang di-tayangkan di-antara-nya kita di-beritahu ia-itu G.N.P. telah naik 5% menjadikan 10.2 billion dan per capita income bertambah 3% ia-itu daripada \$965.00 pada satu tahun dalam tahun 1967 kepada \$980.00 dalam tahun 1968. Saya percaya penoh dengan angka² ini. Tetapi agak payah sedikit bagi saya menerangkan kepada orang² hulu di-Kota Star Selatan yang mereka sekarang kaya

3% lebih daripada tahun 1967. Kami di-sana, Tuan Yang di-Pertua, chuma menanti Ranchangan Sungai Muda untuk merasai kenaikan G.N.P. Sehingga sekarang yang merasai kenaikan G.N.P. ia-lah orang² dari luar yang datang membena ampong² dan saluran² ayer di-sana. Kami kurang faham kenapa mesti di-ambil orang yang jauh untuk membena saluran² ayer ini pada hal kami sendiri dapat membuat kerja ini. Jawapan yang kami terima ia-lah ini ia-lah syarat World Bank. Bagi kami yang bodoh ini sudah chukup dan kami tidak akan soal lagi. G.N.P. sekarang chuma untuk orang lain. Masa kami, kami harap akan tiba.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi angka sahaja yang menarek perhatian saya ini berthabit dengan penganggoran. Mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan peratus penganggoran ia-lah 6.8 bagi Malaysia Barat, tetapi bagi kawasan luar bandar pula kata Yang Berhormat Menteri Kewangan peratus-nya chuma 5.4; barangkali angka ini di-pungut oleh pakar² statistics dengan teliti. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya berlainan sedikit. Saya tidak-lah pergi ka-kampung² untuk membilang siapa yang bekerja dan siapa yang tidak, tetapi sa-bagai wakil dari kawasan luar bandar, saya bukan sahaja tahu kedudukan yang sa-benar di-kampung², tetapi juga saya tahu loghat chakap orang² kampung. Kalau kita tanya kepada siapa pun yang dudok di-kampung. "apa kerja?", jawab-nya selalu-lah "Bendang"—atau pun kata orang di-sabelah sini "sawah". Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan selalu berma'ana ia-nya ada bendang untuk menchari makan, kerap kali yang dimaksudkan ia-lah bapa saya bekerja di-sawah dan saya sa-tahun sa-kali turun ka-bendang untuk menolong-nya, kadang² ini pun tidak. Kalau ia-nya anak petani biasa-nya di-jawab bendang kalau di-tanya apa kerja. Dengan sa-chara otometik sahaja mereka membuat jawapan ini kerana ia menolong sa-kali pun ia tidak bergaji, apa yang ia terima ia-lah duit poket yang biasa di-beri oleh bapa kepada anak-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-adakan sample survey tentang peng-

anggoran di-kawasan luar bandar, maka sedap-lah hati Kerajaan kerana nampak-nya tidak ada langsung penganggoran di-kampung². Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, keadaan di-kampung² sangat-lah mendukachitakan kalau di-bahagikan perolehan dengan bilangan penduduk² ia-itu kalau di-buat per capita income khas-nya untuk orang² kampung, maka angka yang kita akan dapat akan menyedehkan. Rumah² batu tumbuh beribu² di-kota² dan aerial T.V. bercheranggah di-bumbong², tetapi mereka di-kampung² maseh berumah dengan rumah yang berdingin atap yang agak baik sedikit sahaja daripada reban ayam di-pekan².

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kepada Kerajaan supaya di-adakan sedikit *heart searching*. Ada-kah angka² yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini benar. Kalau G.N.P. dan per capita income kita pukul sama rata sa-olah² orang kampung dapat sama banyak dengan orang² dalam bandar. Bila kita bentangkan pula angka penganggoran, kita underline dan emphasise yang kedudukan di-kampung lebih baik daripada pekan². Kalau kita hendak membezakan angka penganggoran antara kampung dengan pekan, baik-lah kita bezakan juga angka G.N.P. dan per capita income. Kalau tidak ta' usah-lah bezakan langsung. Kalau hendak buat sample survey datang-lah ka-Kota Star Selatan dan saya akan bersama² meng-interview orang² kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan foreign exchange proceeds yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beruchap di-dalam bahasa Inggeris.

According to the Honourable Minister of Finance, a new arrangement to ensure that all foreign exchange proceeds from exports to non-Sterling Area countries would be received in Malaysia instead of by intermediaries outside Malaysia has been instituted. This arrangement has resulted in some of the accumulation of foreign reserves that were mentioned by the Minister of Finance.

Mr Speaker, Sir, I was glad to learn recently that the M.S.A., or the Malaysian-Singapore Airlines, is not about to break up. The M.S.A., I believe, earns a fair amount of foreign exchange. As the Head Office of this Airline is in Singapore, I am sure that all receipts and accounting are done in Singapore. In a way, the sale of passenger seats by the M.S.A. is a form of export where the sale is made abroad. If the actual handling of the finances of the M.S.A. is done in Singapore, then the new arrangement that the Honourable Minister of Finance spoke of cannot have been applied to the M.S.A., in which case, of course, we are not getting the full benefit from the operation of this bi-national Airline.

Sir, I fully realise that the M.S.A. is a commercial venture. The Minister of Transport repeats this *ad nauseam*. Now, if it is a commercial venture, why did we acquire shares in it when it was being run by the B.O.A.C. and other British interests? Surely, our participation in this national Airline was dictated by political consideration. If it is purely a commercial enterprise, I would suggest that the whole Airline be run by some Americans, who seem to have a knack for making airlines succeed. We should allow them to do what they like, employ whom they like, for so long as we get the dividends. As it is every time we query why Malaysian interests have been relegated to the back-ground, the answer invariably is that it is a commercial enterprise, and the non-application of the Minister of Finance's new arrangement to the M.S.A. is yet another instance of a loss to Malaysia. If it is impossible for the accounting to be done here in Kuala Lumpur, so that we can reap benefit from the foreign exchange receipts of the M.S.A., then I suggest that it is about time that Malaysia has its very own national airline. One of the biggest benefits is that the Kuala Lumpur-Singapore sector will not be monopolised by the M.S.A., and this will result in more airlines making a stop-over in Kuala Lumpur. If airlines stop in Kuala Lumpur we can reap a rich return not only from the more frequent use of our costly Airport, but

also from tourists who can break journey in Kuala Lumpur. I hope this matter receives the serious consideration and attention of the powers that be.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menarek perhatian saya dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ia-lah berkenaan dengan chara baharu membuat Budget—chara yang di-panggil Programme and Performance Budget. Saya tidak tahu-lah ada-kah chara ini mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Saya fikir chara baharu ini chuma di-buat di-perengkat Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu biasa menjadi pegawai Kerajaan ia-itu sa-bagai Medical and Health Officer Pulau Langkawi. Saya tidak tahu langsung berkenaan dengan membuat anggaran perbelanjaan, tetapi saya sa-bagai pegawai yang bertugas di-kehendaki membuat anggaran ini. Saya terpaksa bertanya kepada pegawai² di-bawah saya dan mengikut mereka chara yang sa-habis senang sa-kali ia-lah meniru anggaran tahun yang lepas dan menambah sedikit sa-banyak di-sini dan di-sana, tetapi yang mustahak sa-kali, kata mereka, ia-lah kita mesti meminta empat kali ganda daripada yang patut di-buat. Ini ia-lah dengan kerana lazimnya Kementerian sendiri akan mengurangkan anggaran yang kita buat itu, sa-paroh sa-tengah, dan Kementerian Kewangan pula akan mengurangkan sa-paroh daripada sa-paroh tadi sehingga tinggal $\frac{1}{4}$ daripada anggaran yang kita buat mula. Jadi dengan chara demikian dapat-lah kita terima apa yang kita hendak yang sa-benar-nya.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, chara ini amat-lah pelek. Berasas kepada apa-kah yang Kementerian² mengurangkan anggaran? Adakah ini di-sebabkan oleh kekurangan wang atau pun dengan kerana mereka sendiri tahu anggaran pertama yang di-buat oleh pegawai di-bawah memang empat kali ganda daripada yang patut di-buat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sa-macham ini terjadi oleh kerana pegawai² tidak di-tunjokkan bagaimana membuat anggaran. Sa-orang doktor

walaupun pandai sa-bagai doktor tidak akan dengan sendiri-nya tahu chara² membuat anggaran, mereka patut-lah di-ajar sedikit sa-banyak berkenaan dengan perkara ini. Kalau chara baharu ini mahu mendapat kejayaan yang penuh antara pegawai yang di-luar daripada Kementerian maka mesti-lah Kementerian Kewangan mengajar mereka, jikalau tidak, apa usaha sa-kali pun tidak akan dapat kejayaan yang berpatutan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan penutup ucapan-nya. Kata Menteri Kewangan, "kita mengalami kelaparan tanah di-tempat yang mewah dengan tanah." Perkara ini telah pun di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak yang baharu sahaja berucap. "Di-Malaysia Timor mengikut angka² penduduk chuma 16 orang sahaja ada di-dalam satu batu persegi dan di-Malaysia Barat pula sungguh pun ada sa-banyak 16 juta ekar tanah yang boleh di-tanam chuchok, chuma 9 juta ekar sahaja yang di-gunakan." Kedudukan yang sa-macam ini, kata Yang Berhormat Menteri Kewangan menghalangkan pembangunan. Pemodal² susah mendapat tanah untuk memulakan estate² baharu dan tapak² perusahaan.

Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah maksud Yang Berhormat Menteri Kewangan menutupkan ucapan-nya dengan alasan yang cryptic ini. Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, kalau² sungutan ini merupakan satu detik pertama untuk menyerang dan memecahkan satu daripada syarat² yang terbesar yang ada termaktub di-dalam Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ada pihak² yang berkata sebab-nya negeri Sarawak yang begitu luas, tetapi kurang perusahaan bertanam chuchok ia-lah dengan kerana kebanyakan daripada tanah² di-sana ia-lah native reserve. Di-Malaysia Barat pula kebanyakan daripada tanah² yang belum di-buka ia-lah tanah dalam Simpanan Melayu.

Perlembagaan negara kita yang di-persetujui oleh semua pihak ada

terkandung di-dalam-nya penentuan tentang simpanan² Melayu dan bumi-putera. Syarat² ini tidak boleh di-ketepikan melainkan Perlembagaan sendiri di-pinda.

Saya tahu ada sa-golongan orang yang berkata syarat² ini menyekatkan kejayaan ekonomi negara kita, dari itu patut-lah kita longgarkan atau pun buangkan langsung syarat² itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama yang saya tidak bersetuju, tanah ini menjadi halangan besar kepada pendirian fektori² atau pun perusahaan tanam chuchok. Ada chukup tanah untuk fektori² kalau Kerajaan ingin membeli tanah dengan harga berpatutan. Ada banyak estate² getah yang tidak mendatangkan hasil yang banyak yang boleh di-jadikan industrial estate, tetapi Kerajaan ingin mengambil tanah murah dan menchari untong yang banyak. Saya tahu di-mana perkara ini telah terjadi. Kalau Kerajaan berani berbelanja sedikit dan menjalankan pentadbiran dengan cekap dan pantas, Kerajaan boleh menyediakan dengan mudah bagi industrial estate. Saya tak ingin mengambil Singapura sa-bagai contoh, tetapi kalau tanah yang menjadi halangan yang besar, maka Singapura tak akan dapat menyelenggarakan industrial programme-nya. Tetapi kita tahu kejayaan Singapura dalam bidang ini dan mereka yang tahu berkata apa yang senang di-Singapura ia-lah decision making, "yes" atau "no" di-berikan dengan sa-chepat mungkin, tetapi di-Malaysia tiap² permohonan akan terhayun², berbulan², malahan bertahun baharu-lah keputusan di-beri.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya golongan² yang tertentu tidak chuba gunakan economic interest untuk menewaskan janji² yang di-buat pada masa Malaya merdeka. Rakyat² memerhati perkara ini. Perikatan di-sokong oleh semua kaum oleh kerana Perikatan adil kepada semua. Malangnya ada kaum yang nyaring suara-nya dan ada pula kaum yang tidak kenderangan sama sa-kali. Pihak yang nyaring boleh memesongkan Kerajaan daripada saluran yang adil. Kerajaan patut-lah berhati² atas perkara ini. Kalau-lah akibat desakan daripada sa-golongan

yang kecil, Kerajaan mengambil tindakan yang tidak adil, maka Kerajaan akan hilang sokongan yang besar yang di-beri sekarang kepada Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perchaya bahawa Kerajaan Perikatan akan melakukan perkara yang tidak adil. Saya tak perchaya Kerajaan Perikatan akan chuba membuang sharat² berkenaan dengan tanah simpanan native atau pun Melayu. Saya chuma menyuarakan perkara ini supaya ra'ayat yang berasa ragu² mendengar penutup ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan di-beri penerangan yang jelas yang Kerajaan tak akan chuba mengubah Perlembagaan. Penerangan ini mustahak supaya keperchayaan ra'ayat kepada Kerajaan akan kekal. Penerangan ini mustahak supaya perkara ini tidak di-jadikan bahan² untuk Perikatan di-serang oleh Parti² Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong peruntukan dan chukai² baharu yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin sa-kali lagi menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kepada umum-nya Kerajaan Perikatan yang sa-kali lagi telah berjaya memandukan negara Malaysia dari ekonomi yang gelap di-hujung tahun 1967 kepada ekonomi yang agak cerah sedikit sekarang walau pun kedudukan wang dan politik dunia mengalami huru-hara. Terima kasih.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya sedar bahawa Anggaran Perbelanjaan ini telah di-beri beberapa nama, ada yang memanggil-nya Anggaran Perbelanjaan Pilihanraya dan ada juga yang memanggil-nya "Anggaran Perbelanjaan Apples and Oranges."

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Anggaran Perbelanjaan dan ucapan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dua tiga hari yang lepas itu ia-lah sabetul-nya membayangkan pentadbiran dan chara Kerajaan ini mentadbirkan

negara kita yang telah merdeka sa-lama sa-belas tahun berasas kepada dua prinsip. Ia-itu yang pertama prinsip berani dan yang kedua prinsip *realis*. Saya menyatakan bahawa prinsip berani telah di-amalkan oleh Kerajaan Perikatan ia-lah di-sebabkan bahawa tiap² kali Pegawai² Kerajaan, atau pun Ketua² Perikatan bangun memberi ucapan pada tiap² tahun apabila mereka membentangkan Anggaran Perbelanjaan, mereka dapat membuat beberapa pengakuan atas kekurangan² dan kelemahan² yang maseh lagi banyak belum dapat di-atasi oleh kita sendiri. Saya mengatakan bahawa Kerajaan Perikatan telah dapat membayangkan diri-nya sa-bagai Kerajaan yang *realis*, oleh sebab tiap² kali kita membuat Anggaran Perbelanjaan, kita membuat Anggaran ini berdasarkan kepada kemampuan keadaan, atau pun kemampuan ekonomi pada masa sekarang. Jadi kalau-lah kita kaji akan angka² dan kata² yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan dua tiga hari dahulu kita nampak-lah bahawa terang² kita ia-lah mengamalkan kedua² prinsip berani dan *realis* ini.

Sa-belum saya membuat ulasan² yang sa-chara am, saya suka terutama sa-kali menguchapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah berani menukarkan chara Development Tax yang telah di-kenakan beberapa tahun dahulu. Oleh sebab pertukaran ini ia-lah berma'ana bahawa penjaja² dan peniaga² yang sangat kurang pendapatan-nya pada masa sekarang telah terkeluar daripada di-kenakan Development Tax ini. Dan saya menguchapkan tahniah kepada Menteri Kewangan atas Anggaran Perbelanjaan ini yang di-beri nama oleh sa-tengah² kalangan sa-bagai Anggaran Perbelanjaan Apples and Oranges, oleh sebab ini juga membayangkan bahawa Kerajaan sedang chuba dan sudah pun memulakan dasar-nya untuk menggalakkan pendudok² dan ra'ayat negara ini supaya lebeh suka makan buah²an tanaman dalam negeri daripada luar negeri. Oleh sebab kalau kita ingat pada masa dahulu, pada masa penjajah dahulu apabila kita pergi ka-sekolah pepatah

Inggeris telah di-popularkan di kalangan ra'ayat di-sini, ia-itu mengatakan dalam bahasa Inggeris: "An apple a day, keeps the doctor away". Dengan dasar baharu ini agak-nya Kerajaan akan dapat membuat kajian atas buah²an di-Malaysia ini. Barangkali kita dapat agak-nya menukarkan pepatah ini atau pun galakkan ini kepada: "A jambu batu a day will keep the doctor away", atau buah²an lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Slepas perkataan itu di-buat dahulu pada kurun masehi yang ke-18, perkara itu di-dapati tidak betul; jadi sekarang tak patut-lah kita keluarkan perkara itu, ia-itu kalau makan apple satu barrel satu hari pun tak habis.

Tuan Musa bin Hitam: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tak payah di-jawab atas pandangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-betul-nya pada tahun 1969 ini ia-lah tahun pertengahan kita dapat mengkaji akan Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama. Kita telah mendengar sa-malam bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah mengecham dasar Kerajaan dan mengatakan pula konon-nya Kerajaan ini tidak ada satu² dasar yang tertentu dan tidak ada satu² matlamat yang tertentu di-dalam ranchangan² pembangunan-nya. Tetapi sa-betul-nya di-dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama, saya suka-lah menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa pada mula-nya memang ada 10 matlamat dan objective yang telah tertera di-dalam ranchangan ini. Dua daripada objective ini, saya suka menarek perhatian Ahli² Dewan pada hari ini. Ia-itu objective yang pertama menuju ka-arrah "intergrasi", atau pun "intergration"—penyatuan dalam Bahasa Kebangsaan atau pun membawa, mendekatkan kawasan², wilayah² di-Malaysia ini terutama sa-kali wilayah² Malaysia Timor dengan Malaysia Barat dan juga intergrasi di-antara beberapa kaum di-dalam negeri ini. Matlamat yang keempat yang

tersebut di-dalam Ranchangan Pembangunan Lima Tahun kita ia-lah berhubung dengan soal hendak mengurangkan penganggoran.

Soal penganggoran, Tuan Yang di-Pertua, telah di-bangkitkan, boleh dikatakan tiap² kali wakil² kita, tiap² kali Ahli² Yang Berhormat bangun beruchap sa-panjang kita membahathkan Rang Undang² Belanjawan kita ini. Saya juga suka mengambil kesempatan menyebutkan perkara ini. Oleh sebab baharu² ini di-dalam pilihan raya di-kawasan saya sendiri, saya telah sedar bagaimana sa-betul-nya soal penganggoran ini ia-lah di-sebabkan oleh keadaan bahawa Kerajaan nampak-nya kurang ada kordinasi di-antara satu sama lain. Ini yang mustahak pada pandangan saya, kalau kita kaji akan butir², angka² yang telah di-beri oleh Menteri Kewangan di-dalam ucapan-nya, kita nampak mithal-nya bagaimana kelapa sawit yang dahulu-nya, pada tahun 1967 telah bagitu sedikit di-keluarkan daripada pengeluaran getah mithal-nya, tetapi pada tahun yang lepas, kelapa sawit telah bertambah pengeluaran-nya kepada 50½%. Ini sa-betul-nya berm'ana bahawa dengan penanaman kelapa sawit di-estate², di-kampong², di-luar bandar terutama sa-kali banyak kaum buroh yang telah berkhidmat di-dalam ladang² getah telah terpaksa keluar menchari kerja lain. Saya diberitahu, bahawa anggaran-nya ia-lah, kalau ladang getah di-tukarkan kepada menjadi ladang kelapa sawit, maka 90% daripada pekerja² di-ladang getah itu terpaksa keluar dan chuma 10% daripada-nya sahaja yang dapat berkhidmat bekerja dalam ladang kelapa sawit. Di-kawasan Segamat Utara mithal-nya kita boleh nampak bagaimana ladang getah yang besar² pada masa dahulu telah di-tukarkan daripada getah ka-kelapa sawit. Dan apabila kita tanya ka-mana-kah pergi mereka yang telah berhenti kerja, di-sebutkan bahawa mereka telah "balek kampong", atau pun "pergi ka-bandar".

Saya mengatakan bahawa nampak-nya kurang kordinasi ia-lah kerana saya fikir tiap² kali kita hendak memberi peluang atau pun memberi kebenaran kepada sa-suatu pihak sama

ada pihak ini ia-lah pihak yang mempunyai ladang² yang begitu besar, atau pun sa-siapa juga apabila hendak menukarkan daripada getah kepada kelapa sawit hendak-lah pada mula²-nya pihak Kerajaan ada ranchangan untuk memberi kerja lain, atau pun memberi tanah kepada orang² yang terpaksa keluar daripada kerja yang telah di-pegang oleh mereka di-dalam beberapa puluh tahun. Jadi nampaknya tidak ada kordinasi, nampaknya juga tiap² kali orang² keluar terbuang kerja mereka terpaksa mencari tanah. Sunggoh pun saya di-beritahu bahawa permohonan tanah sekarang tak susah hendak di-processkan dan ra'ayat senang mendapat tanah dalam dua minggu sahaja kita boleh dapat tanah, tetapi nampak permohonan² tidak dapat di-penohkan dengan begitu lekas, dengan begitu chergas, dan mengambil masa yang begitu panjang seperti disebutkan oleh sahabat saya yang baharu sahaja berchapak tadi. Jadi harus-lah di-kaji oleh Kerajaan apakah sebab²-nya yang betul² maka tanah sunggoh pun ada banyak, seperti yang disebutkan oleh Menteri Kewangan di-dalam ucapan-nya ra'ayat tidak dapat tanah. Barangkali kerana kekurangan pegawai² Kerajaan yang dapat melaksanakan, barangkali kerana kelambatan mereka bekerja, barangkali kerana kurang ada ranchangan yang tertentu yang di-kira dari segi jangka panjang. Jadi ini-lah soal yang sedang kita hadapi yang menyebabkan penganggoran. Apabila kita menyebutkan penganggoran di-luar bandar yang diperkatakan 5.4% dan di-dalam bandar 11.2%, apabila orang² kampung ka-bandar pula oleh sebab di-luar bandar tidak ada kerja, bila mereka tiba ka-bandar, nampaknya mereka pun tidak dapat kerja juga dan di-dalam hal ini saya suka-lah menyebutkan bahawa nampaknya kordinasi yang kurang yang saya katakan tadi ia-lah di-dalam matlamat² Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Pertama. Soal penganggoran harus-lah di-awasi oleh tiap² pihak dan apakala di-ambil tindakan di-laksanakan sa-suatu dasar dan ranchangan Kerajaan jangan-lah hendak-nya Kementerian² atau pun Jabatan² Kerajaan keluar daripada landasan objective matlamat ini.

Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di-dalam Summary Budget Anggaran Belanjawan ini, Kementerian Perumahan ada ranchangan-nya untuk mendirikan rumah² murah di-dalam bandar. Ini ranchangan yang baik. Ini ranchangan yang menarek dan ini ranchangan yang memberi keuntungan kepada orang² di-dalam bandar. Tetapi mithal-nya, kalau-lah kita kaji dari segi penganggoran, kita akan nampak, tak tahu-lah saya bukan begitu expert, bukan pakar di-dalam hal ini, tetapi saya dapat tahu mithal-nya—di-sebut di-sini ranchangan Kementerian Perumahan akan mendirikan rumah² murah bertingkat² using industrialize housing technique dan ini di-jangka akan memakan belanja \$20 million. Industrialize Housing Technique yang di-ikuti oleh Kementerian Perumahan ini, sa-betul-nya baik kalau di-pandang dari segi lekas hendak dapat di-buat tetapi saya tak tahu, saya dengar ada juga orang yang mengatakan Industrialize Housing Technique ini sa-betul-nya harga-nya mahal, sa-betul-nya di-katakan tidak sesuai. Apa yang mustahak, yang kena pada tempat berhubung dengan soal penganggoran ini ia-lah bahawa ranchangan ini tidak akan menggunakan buroh, tidak akan menggunakan lebih lagi pekerja² dan dari segi penganggoran, saya fikir harus-lah di-awasi. Saya minta Menteri Perumahan mengkaji balek akan soal ini. Tolong-lah ingatkan bahawa di-dalam bandar, pula tidak ada pekerjaan banyakan orang² yang datang daripada luar bandar, atau pun yang di-dalam bandar dan ini akan menambahkan, memberatkan lagi soal penganggoran yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, soal intergrasi, ma'af saya gunakan huruf intergrasi oleh sebab huruf ini yang agak-nya tepat di-gunakan di-dalam matlamat objective pembangunan kita dan intergrasi yang saya sebutkan ini sa-betul-nya ia-lah matlamat utama di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama yang saya sebutkan tadi. Kita mengutamakan matlamat ini oleh sebab kita sedar bahawa di-dalam Malaysia yang baharu di-tubuhkan, wilayah² di-Sarawak dan di-Sabah maseh jauh

daripada kita, maseh belum dapat rapat, maseh belum dapat di-pereratkan perhubungan di-antara satu sama lain dan keadaan di-negeri Sabah dan Sarawak maseh agak-nya di-dalam beberapa lapangan tertinggal dengan begitu lama. Oleh sebab itu-lah pada mula²-nya apabila Malaysia di-tubuhkan, saya sedar bahawa rakan² kita daripada Sarawak dan Sabah selalu berkeliaran datang ka-mari, kita pun pergi ka-sana dengan maksud, tujuan kita supaya dapat memahami dan membawa ra'ayat kedua² pehak ini memahami akan keadaan di-antara satu sama lain dan dengan ini akan mendekatkan kita sama kita sa-bagai warga negara satu negara ini. Saya berharap langkah² yang pada masa dahulu di-ambil oleh pehak Kerajaan dan di-galakkan oleh pehak Kerajaan di-mana orang², ra'ayat² daripada Sarawak dan di-Sabah datang ka-mari beramai² akan terus dapat di-jalankan, oleh sebab ini ia-lah satu langkah yang baik sa-kali untuk kita dapat mempereratkan tali persaudaraan kita sama kita.

Soal yang kedua berasas kepada intigerasi yang di-sebutkan di-dalam tujuan Ranchangan Lima Tahun kita ia-lah soal intigerasi yang mendekatkan, menchapai fahaman di-antara kaum di-dalam negara kita ini. Beberapa kali pehak² Pembangkang telah menakutkan² kita, mengatakan² kita bahawa di-dalam negara ini kaum² Melayu, China, terutama sa-kali ia-lah di-dalam keadaan takut, di-dalam keadaan hendak bergaduh dan di-dalam negeri ini pada masa yang tidak lama lagi agak-nya akan terchetus satu pergaduhan di-antara kaum. Saya fikir sa-betul-nya keadaan ini ia-lah disebabkan oleh Parti² Pembangkang sendiri yang saya nampak tidak ada modal langsung di-dalam masa mereka bertanding untuk merebut kuasa di-dalam negeri kita ini.

Kalau kita tengok sa-lama sa-belas tahun kita menchapai kemerdekaan tidak ada satu parti pun yang berani bangun di-khalayak ramai menunjokkan bagaimana Kerajaan telah tidak mengambil apa² langkah dari segi ekonomi, dari segi infra structure ekonomi dan tidak ada Parti² Pem-

bangkang pun yang dapat menunjokkan kepada ra'ayat bahawa Kerajaan tidak mendirikan jalan, tidak membuat pusat kesihatan, tidak ada tali ayer, tidak ada perigi, dan sa-bagai-nya. Tiap² kali dia bangun, jikalau dia kata tidak ada, ra'ayat nampak bahawa kemudahan² ini sudah pun di-jalankan oleh Kerajaan. Jadi nampak saya, ini menjadi bahaya oleh sebab Parti² Pembangkang ini chuba hendak merebut kuasa, tetapi modal-nya dari segi ekonomi tidak ada. Jadi modal yang senang ia-lah dengan mereka menggunakan chara menakutkan² kaum² di-dalam negeri ini, mengatakan bahawa kaum satu akan menindas kaum yang lagi satu dan sa-balek-nya.

Saya berharap Kerajaan akan dapat mengawasi dan sedar bahawa di-dalam masa kita bertelingkah di-antara satu sama lain, dan parti² Pembangkang juga harus sedar bahawa yang untong-nya sa-kira-nya terjadi pergaduhan disebabkan oleh Parti² Pembangkang ini, yang untong-nya ia-lah anasir² yang anti-demokratik yang tidak bersetuju dengan chara demokrasi yang di-anuti oleh kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berchakap di-dalam bahasa Inggeris sedikit di-dalam soal pertahanan.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, during the last few months we have been plagued by the question of defence. We are all worried in this country over the threat to our security, both internal and external, based on the fact that for the last few years since independence, and before independence, we have been well protected by the British. I think we are well aware of the necessity of security, internal as well as external, but at this period during which we are thinking about the problem, when we are arguing with one another about the problem, I think it is necessary for the Government to think ahead in terms of a few decades, to think ahead in terms of the future, and be realistic and realise ourselves that whether we like it or not we cannot depend on foreign powers to protect us for any length of time. Whatever is promised by good old Britain, whatever is promised by any other

power around us, we must realise the fact that we will have to depend on ourselves, and these countries would not take any interest in our security as long as it does not interest them, as long as it does not affect their own interest. This has been the principle of British protection. The British were interested in protecting us, because they felt that they had an economic interest especially in this country; because of the old links that they had with us, because of the opportunities that have been provided in this country for them to gain from the development of this country. They were prepared to do it, but then good old Britain is no more young, it is old—I mentioned it as “old Britain”—and Britain herself is having her own difficulties in her economics. So we are looking around for any possible help from other foreign powers.

Defence, I think, cannot be separated from foreign affairs. In this respect, I would like to congratulate our Government that within the last two or three years we seem to have become more realistic, we seem to have become more liberal in our attitude towards relations with other countries. I feel that this is a good development. I would like to bring to the attention of this House the proposal made by a distinguished Member of the Government, the former Minister of Home Affairs, who put forward to the House the idea of neutrality of South-East Asia. Now, this is a very difficult problem; this is a very far-reaching proposal as expounded by the former Minister of Home Affairs; but I think this is a very realistic, this is a very practical problem, if you think in terms of time to come. Being small countries in this area, we have been for centuries being used as the pawn between big powers. Neutrality, I think, cannot be effective if all the big powers or even if one of the big powers is not prepared to respect it. At the moment, I do realise, of course, that one of the difficulties in realising this idea of neutrality is Communist China. Communist China has still not given up the idea of world conquest, has not given up the

the idea of extra-constitutional struggle. This is definitely unacceptable to us and this cannot make any idea of neutrality a success. However, if we think in terms of a decade or two, we must be rather optimistic in this, sooner or later I think that Communist China itself will be realistic and accept the principle of co-existence, as I see the Russians have come around to it, and no longer brand us simply as imperialist agents and attempt to conquer us. When the time comes for that, I think neutrality could become effective. But neutrality in South-East Asia would be very difficult, of course, to be achieved, if all the countries in South-East Asia themselves, if everyone of the countries, or even if one of the countries in South-East Asia is not prepared to accept this principle. But we cannot begin to move towards this direction unless we ourselves think in terms of our objective of achieving neutrality in our country in time to come. I feel that we are moving towards this direction. Even the Philippines is moving towards this direction, although I feel that the Philippines might take a much, much longer time than we, there is talk already in the Philippines of establishing relations with the East European countries—we have already started in this direction. Neutrality, I think, must be accepted as synonymous with survival.

On the question of defence again, Mr Speaker, Sir, this is my last point—we have always stated in our Budget every time, every year during the last few years, that one of the restraining influences in our Budget is the ever increasing burden of defence. As time goes by, we have looked around for ways and means of lightening, making it easier for us to meet defence expenditure. I would like to draw your attention, Mr Speaker, Sir, to a method of taxation which we had adopted when we faced the difficulty of financing our education. We had imposed taxation, which we called “education tax,” on land owners in which even land owners of the smallest piece of land had to pay a dollar each on education, and I submit that the Government should consider the possibility of imposing what

could be called "defence tax," defence tax which could be imposed on foreign companies of certain categories—the details could be worked out by the Treasury or by the Minister of Finance himself—certain categories of business which should contribute to the defence of this country. Because it is to their interest to see that security is maintained, it is to their interest to see that there is peace in this country, and they should share specifically in the defence of this country, in the expenses that we have to incur on defence.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Itu-lah sahaja ucapan saya.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the 1969 Budget presented by the Honourable Minister of Finance is a very reasonable one, with depth of feeling and understanding for the general public and warrants support. While charged with the solemn duty of exploring funds to finance the Government's obligations through the various Ministries, he still had thought for the voluminous petitions and gave concessional considerations. We are indeed very fortunate to have such a dedicated man as our Honourable Minister of Finance for the last 10 years, and I must honestly admit that I too had his pleasure and displeasure through supporting and criticising his Budget for the last 10 years and he has really earned my admiration and respect.

We really practise parliamentary democracy in this House, and we the Alliance back-benchers have proved that we are not rubber stamps as accused by the Opposition but healthy oppositions and critics within our own Alliance Government. For the last 10 years we have been providing for the recognition of an Opposition Leader in this august House, but the Opposition was too busy playing politics to be concerned with the necessity of having one. This proved their divergent interests and intentions in our nation building.

Sir, I am sure that the small tradesmen, hawkers and streets stall holders are grateful for the consideration taken

to relieve their undue hardships as stated by the Honourable Minister of Finance, I quote "on whom this development tax was not designed". May I appeal for reconsideration of the maximum tax payable by an individual partner in a partnership business on development income in excess of \$1,000 per annum to include the sole proprietor, and the deductible amount to be increased to in excess of \$3,000. Many hawkers are very small tradesmen in the markets or open spaces; they are sole owners and do not have partners but relations or members of the family to assist them. Their income is just sufficient to meet their daily needs. Most of them are rural folks and unemployed. Therefore it would cause extra burden to pay \$100 per year. Most of these people have to raise loans to purchase the high priced commodities with a small yield of profit. For example, a country bicycle repairer who sells two bicycles per month and earns a small profit of \$10 will have to pay \$144 development tax on the capital turnover of \$2,880, which is \$24 more than he earns. Therefore, Sir, you can imagine his dilemma when he has to pay the tax at the end of the year.

Business Registration: Sir, the scaling of business registration fees which as it stands appear to be very illogical. A very small trader or hawker and the business tycoon pay the same scale of \$25 licence fee each year. Therefore, I propose that the very small tradesman, hawkers, and the open space or street stall holders be exempted from this registration fee as they have been duly licensed by the local authorities, and perhaps this tax too was not designed to cause hardship on them and could be reconsidered for waiving off.

Mr Speaker, Sir, each time I expound of the problem of Penang Island I cause many heads to turn, but they understand that I am performing my parliamentary duties and discharging my obligations to my Penang Utara constituents and the residents. I am not going to bore you Sir, again with the questions of the bridge over the Penang channel, which would cause approximately \$150 million to construct, the East-West Highway, or by appealing

again and again to stop the erosion of the free port status, like I always do since 1960. This House knows my feelings well on these issues even if I were to remain silent, which as you all know is practically impossible. *(Laughter)*.

However, I am grateful to the Honourable Minister of Finance for the setting up of the High Powered Economic Committee for the Penang Island and hope that more practical developments and prosperity would be derived, and I appeal for more powers for them to deal directly with the Central Government to make it a success. The commerce, trade and economy for the Penang entrepot centre must be reviewed due to the constant pressurisation of Customs harmonisation and the rising cost of living and the decline in trading.

Yesteryears we were told either to retain our free port status and prosper on tourism or join the principal customs area and industrialise. Today, Penang Island is neither a free port nor an industrialised area. Yet we have a State constitution for protection of our free port status.

The deep sea Wharves berth was recommended by Professor Rueff to cater for the expected increase in the volume of imports—today the Island Port is sacrificed to maintain the deep sea wharves—Previously about 400 ships called at Penang Harbour monthly, but now only 100 ships call monthly and most of them are directed to the deep water berth. Therefore, the economy of the island is greatly endangered and it has resulted in unemployment and tremendous drop in trade. We still contend that the continuance of the free port of Penang in the Northern Region is of vital importance—perhaps, time will prove us correct and also at our expense.

However, it is not too late for our Government to review and re-assess the economy of the Island. I appeal for more developments and assistance in the form of Federal aids to boost the Island tourism trade by improving and recreating the beautiful scenic areas and other attractions, also to accelerate the

developments of the centralisation of the commercial and trading activities on the Island and the State in general, liken it to New York City on Manhattan Island within the State of New York.

Dato' Yang di-Pertua, I also welcome the amendments to the Investment Incentives Act, 1968, referred to in paragraph 76 of the Honourable Minister of Finance's speech. But, on behalf of my constituents and public, in general, I seek protection for the consuming public on the question of price and quality control to prevent exorbitant profits and the unreasonable increase in the price of the locally manufactured products, as a result of the protection in the form of tariff protection and import protection accorded to these factories plus the other privileges and the progress made in the field of import substitutions.

Trade regulations must be further re-formulated for practical guide to good faith in the industrialisation and the consuming public relationship.

A set of legal control must be designed to preserve and promote competition, quality control and to prohibit monopolisation. It must be made a crime to monopolise or to form group to combine or conspire to acquire or maintain the power to exclude competitors from any part of the trade or commerce within Malaysia or foreign nations to exploit the public in general.

There must be better arrangements of controlling price fixing and quality of the finished products—a review on the analysis of the cost of production and marketing, to protect the public interest from the evils of monopoly and price control through the maintenance of competition.

The reasonable price fixed yesteryear may, through economic and business charges, become the unreasonable price of today; once established, it has been maintained unchanged because of the absence of competition and securing the agreement or protection for a reasonable price when fixed.

To protect the shareholders, the consumers and the public funds, the

Ada satu tempat menjadi pusat pelanchongan di-Pantai Timor, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu-lah yang dinamakan Rantau Abang atau Pantai Penyu, kira² 10 batu dari Dungun, Trengganu, yang menjadi pantai yang mashhor kerana di-sana-lah yang banyak sa-kali tempat penyu naik dan bertelur dan menjadi tumpuan pelanchong² dari luar negeri. Ada ranchangan pehak Jabatan Pelanchongan untuk menubuhkan motel dan tempat² penginapan di-situ, telah di-persetujukan semenjak tiga tahun yang lalu dan saya tahu Kerajaan Negeri telah menyiapkan tapak tanah bagi bangunan² tetapi sudah tiga tahun ranchangan ini tidor di-dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Jabatan Pelanchongan; hanya masok estimate tiap² tahun tetapi tidak di-jalankan. Jadi, saya rasa kita betul² mesti mengambil langkah yang baik bagi memajukan pelanchongan ini—orang Amerika pun bertanya saya “Tuan pernah pergi ka-Pantai Penyu? Jadi, soal Pantai Penyu

ada-lah di-tanya, Saya kata, memang Pantai Penyu ini tempat saya sendiri, tetapi kemudahan² yang ada di-tempat Pantai Penyu ini satu benda pun tidak ada, ranchangan ada tinggal ranchangan sahaja entah bila hendak di-jalankan maka di-tunggu sampai penyu ini bertandok.

Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, perkara² yang saya rasa hendak saya sebutkan dalam ucapan saya ini dan saya ucapkan terima kaseh sa-kali lagi atas kesempatan yang di-berikan kepada saya mengambil bahagian dalam perbahathan ini, terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Dato' Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian di-dalam mempersoalkan Anggaran Belanjawan 1969 bagi Kerajaan pada tahun ini, ia-itu yang di-persoalkan pendapatan² dan perbelanjaan² bagi 1969 yang kita hadapi pada tahun ini.

Di-dalam mempersoalkan pendapatan², saya rasa, bagi pehak Perbendaharaan sudah barang tentu mengkaji dan meneliti atau menganalisisan tiap² suatu segi perkara² yang menda-tangkan mata kewangan kepada negara ini, terutama memandangkan kesempatan dan kemudahan bagi mendapatkan mata kewangan itu. Oleh yang demikian, kalau kita amati seribu satu macham mata pencharian atau pun sejuta satu macham mata kewangan bagi negara ini untuk pendapatan dan demikian juga bagi perbelanjaan. Jadi, kalau di-perhitungkan dengan teliti, tidak ada satu manusia yang di-seluruh alam dunia yang ada pada hari ini boleh mengeluarkan fikiran yang sama, boleh memberi pengertian yang sama, boleh mendapatkan perkara yang sama. Jadi, sering kali kita dapati di-dalam Dewan ini banyak masaalah² yang bertentangan untuk mendapatkan mata kewangan untuk negara kita ini. Apa yang saya tertarek hati di-sini, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu di-dalam perbelanjaan, perbelanjaan kita di-dalam negara banyak perkara² yang mustahak yang patut kita memperuntokkan lebih daripada yang ada sekarang ini. Oleh yang demikian, pendapat² yang telah di-sampaikan di-dalam Dewan ini, mata pencharian kewangan negara kita

tidak terator, barangkali boleh-lah dikatakan sa-bagai yang saya telah cakapkan tadi sejuta satu macham chara. Tetapi, apabila kita mengkaji keadaan dan kedudukan ra'ayat di-dalam Malaysia ini belum begitu chekap, belum begitu mengerti dan belum begitu faham bagaimana-kah kaedah² mata wang ini dapat kita menchari untuk negara, untuk kita sendiri, untuk keluarga sendiri dan untuk semua yang ada di-dalam negara kita ini.

Satu perkara ia-itu di-dalam segi pelajaran. Dalam segi pelajaran ini saya rasa boleh-lah di-beri keutamaan di-dalam pandangan, di-dalam pendidikan, di-dalam pelajaran dan sa-bagai-nya untuk membolehkan kesemua ra'ayat dalam negeri ini dapat menchari mata kewangan-nya, dapat diperelokkan segi ekonomi keluarga atau diri dia sendiri.

Oleh yang demikian, saya katakan pelajaran-lah yang terlebih utama. Apabila ada pelajaran maka pengetahuan dapat di-chari; apabila pengetahuan telah ada kemahiran dapat di-chari. Oleh yang demikian, peruntukan untuk pelajaran ini boleh-lah di-lebihkan lebeh daripada yang ada sekarang. Kalau-lah mata kewangan negara kita ini tidak menchukupi bagaimana yang di-kehendaki, saya membawa satu pandangan atau pun shor. Kita telah pun ada chukai pelajaran, ia-itu education rate—education rate atau pun chukai pelajaran ini saya rasa tidak sa-bagitu hebat yang di-jalankan oleh kerana memandang dan mengharapkan bagi pehak Kerajaan² Negeri, Kerajaan² Tempatan untuk menjalankan perkhidmatan²-nya untuk memungut. Satu chara lagi ia-itu kita menilai daripada pendapatan, pendapatan tiap² sa-orang, pendapatan tiap² sharikat, tiap² majikan, tiap² perusahaan, supaya memberikan sokongan dan bantuan kepada pelajaran ini dengan memberi chukai sama ada 1%, 2%, mahu pun 5%. Oleh yang demikian keseluruhan negara ra'ayat di-dalam negeri ini ada mempunyai tanggung-jawab kepada tiap² sa-orang warga-negara yang berkehendakkan pelajaran. Itu-lah yang saya dapat berikan di-dalam segi pelajaran.

Dalam segi ekonomi bagi pehak orang² yang di-luar bandar, saya sungoh tertarek hati dalam ucapan Menteri Kewangan ia-itu telah pun mengenankan chukai ka-atas buah²an yang di-bawa daripada luar negara Malaysia. Saya rasa chukai yang telah dan yang akan di-kenakan ini berpatut juga-lah, tetapi apa yang saya harapkan pengeluaran buah²an yang ada di-luar bandar hendak-lah mendapat sambutan, ia-itu mendapatkan pasaran yang sempurna, kerana harga buah²an yang masok ka-dalam Malaysia tidak dapat di-pertandingkan dengan buah²an yang ada di-dalam Malaysia sendiri. Seringkali kalau-lah buah² ini yang masok ka-dalam Malaysia kita kenakan chukai 5% harga biasa di-kurangkan daripada harga kemasokan itu sampai ka-lima peratus sa-olah² menindas dan melawan harga buah² yang ada dalam negara kita ini. Jadi, di-sini saya harap bagi pehak Perbendaharaan dan juga Kementerian yang bertanggung-jawab dapat memerhatikan dan menyelidek kaedah dan keadaan ini yang berlaku di-luar bandar seringkali di-musim buah²an, lebeh² lagi di-musim buah rambutan menayah² tidak dapat di-jual dengan begitu laris kerana berlawanan dengan buah²an yang datang daripada luar. Di-samping itu, saya suka menyentoh berkenaan dengan perusahaan² yang ada di-luar bandar yang kita telah mendi'ayah dan memberikan sokongan kepada penduduk² kampung supaya bertanam kelapa sa-mula, getah sa-mula, kelapa sawit, kopi dan sa-bagai-nya. Di-waktu ini mudah²an di-seluruh kampung di-luar bandar memberi sambutan yang baik ka-atas ranchangan itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah sampaikan di-dalam persidangan meshuarat yang lalu, ia-itu berkehendakkan sa-kurang²-nya di-tiap² satu daerah yang banyak kelapa sawit, Kerajaan hendak-lah mendirikan kilang kelapa sawit di-sana; kerana tidak ada-nya kilang kelapa sawit ini maka kelapa sawit yang di-keluarkan oleh pekebun² kecil mengharapkan di-jual kepada sharikat² atau pun ladang² yang telah mempunyai mesen kelapa sawit, maka di-sini terletak-lah memberikan harga atau memukul harga kepada orang yang punya

barang tidak sama sa-kali di-tentukan. Belas ihsan kapada orang yang membeli-lah. Kalau di-katakan-nya tinggi harga itu maka dapat-lah dia tinggi, tetapi kalau harga itu di-rendahkan maka rendah-lah harga-nya. Dan yang kedua-nya beneh² yang di-beri kapada pekebun² kecil bukan beneh bagaimana yang dapat di-dalam ladang² yang besar. Beneh² ini sentiasa di-beri beneh kelas dua atau kelas tiga. Kalau ada pun barangkali di-champorkan, dalam sapuloh barangkali ada-lah dua biji beneh yang baik. Jadi, ini mengurangkan pengeluaran hasil² pengeluaran pekebun² kecil yang ada di-luar bandar. Jadi, saya harap juga-lah bagi pehak Kementerian yang berkenaan dapat mengawasi perkara² ini dengan sa-halus²-nya kerana kalau kita sapintas lalu memandang bahawa pokok² yang subur itu naik chukup baik, chukup elok, tetapi pengeluaran-nya kurang.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, suka juga-lah saya memberikan sedikit pandangan saya di-atas tegoran² parti lawan kita di-dalam Dewan ini terhadap kapada negeri ini, terhadap kapada parti yang memerintah pada hari ini, kerana juara² yang di-sampaikan oleh parti² lain, lebeh² lagi D.A.P., sa-olah² dia telah munchol sa-belum Malaya merdeka, sa-belum Malaya ada. Tuan Yang di-Pertua, kita senang menchedok di-ayer yang jerneh, kuman jatuh di-ayer yang jerneh kita nampak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau di-ayer yang keroh tidak siapa yang suka menchedok, tidak siapa yang suka minum-nya, di-waktu itu di-mana-kah mereka ini agak-nya? Dan dia ada rupa mengeluarkan juara ra'ayat Malaysia di-waktu itu, sedangkan da'awat yang menulis lahir-nya D.A.P. itu pun belum kering—belum kering lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa patut-lah dia renong kembali sa-belum dia chuba menjuarakan kaedah dan keadaan ra'ayat di-seluruh negara Malaysia ini. Satu perkara yang saya minta kapada pehak Penchegah Rasuah dan juga kapada pehak Special Branch berkenaan dengan politik supaya menyiasat kedudukan D.A.P. ini, menyiasat jentera² D.A.P. ini. Saya suka-lah

menyatakan di-sini keseluruhan jentera D.A.P. yang ada berjalan di-sini berjalan dengan kewangan yang banyak—berjalan dengan kewangan yang terlalu banyak. Daripada mana-kah kewangan ini timbul? Daripada mana-kah kewangan ini datang-nya? Satu rintisan yang saya dapat sampaikan di-sini chuba-lah siasat sharikat² yang ada di-dalam negara kita ini; pengusaha² yang ada di-dalam negara kita ini, kilang² yang ada di-dalam negara kita ini di-mana-kah mereka ini berdiri, bagaimana-kah pendirian mereka ini terhadap kapada D.A.P. kerana saya tahu benar² perjalanan ini berlaku di-dalam negara kita tidak mahu negara luar berchampur tangan di-dalam soal negara kita sendiri, dan kita tidak mahu negara luar chuba mengapi²kan ra'ayat di-dalam negeri ini berkechamok, berkelahi, berhamun, di-antara kita sama kita kerana dengan perbuatan dia sendiri. Ini-lah yang saya katakan tadi, Dato' Yang di-Pertua, dia chuba menchedok di-dalam ayer yang jerneh yang mana kuman di-dalam ayer itu pun kita nampak, tetapi dia tidak berani menchedok di-dalam ayer yang keroh.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Haji Hussain Rahimi (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Anggaran Belanjawan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan negeri demokrasi suka-lah saya hendak sentoh satu-dua perkara ra'ayat jelata di-dalam negeri ini akan menghadapi pilehan raya umum tidak berapa lama lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Chakap kuat sedikit.

Tuan Haji Hussain Rahimi: Kita tidak tahu siapa daripada kita akan sampai pada masa dan tempat yang kita akan pergi itu. Oleh itu, saya menyeru kapada pehak Kerajaan terutama kapada Menteri², jalankan-lah demokrasi di-dalam negeri ini mengikut demokrasi yang betul²; jangan-lah jadi sebutan demokrasi itu berlaku

penoh dengan sebutan mulut sahaja tetapi tidak demokrasi itu berjalan mengikut amalan dan perbuatan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya sebutkan pada masa yang lampau keadaan demokrasi maseh ada mengikut sebutan tetapi demokrasi mengikut perbuatan itu tidak berjalan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-negeri Kelantan di-masa yang lampau banyak tangkap-menangkap berlaku. Mengikut perhitongan saya, Tuan Yang di-Pertua, 95% lebeh yang kena tangkap itu daripada orang PAS. Ada-kah perkara yang tidak baik atau sa-suatu yang jahat itu ada-lah timbul-nya daripada orang² PAS sahaja tidak sa-kali² daripada orang UMNO. Harap perkara ini pehak Menteri yang berkenaan tolong perhatikan. Kalau-lah perkara saperti itu berlaku saya sendiri sedia untuk bekerjasama dengan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ini untuk menghabiskan orang² yang jahat itu supaya kita masokkan di-dalam tahanan semua sa-kali, kerana parti PAS ada-lah parti hendak menjalankan keamanan dan keselamatan dalam negeri ini. Kalau tidak saperti itu, tolong-lah pandang bersama kepada orang² PAS dan UMNO; pada masa Menteri yang tersebut hendak menjalankan tugas² itu ingat apa yang telah kita lakukan di-masa ini akan kita jumpa dan kita akan menerima nanti kemudian, sama ada perkara yang kita buat itu sa-benar atau pun tidak. Allah berkata (*Bahasa Arab*)—Siapa dia yang perbuat sa-besar semut kejahatan sama juga kebaikan akan mereka mendapat dan akan menerima balasan.

Juga Rasullullah sendiri, Nabi Besar kita ada berchakap bunyi-nya macham ini (*Bahasa Arab*), erti-nya, tidak ada daripada kamu sa-saorang sama ada yang berpangkat, sama ada yang kechil atau pun besar, tinggi atau pun rendah, mulia, hina, melainkan akan berchakap satu sama satu oleh Tuhan, tidak ada di-antara mereka dan antara Tuhan-nya itu satu tukang transmitt, dia tidak ada dinding yang mendindingi di-antara-nya. Oleh yang demikian, marilah kita buat perhitongan sa-belum daripada sampai masa yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, kalau tidak silap saya, yang dia berchakap tidak berasas: berkata-lah beliau Kerajaan Kelantan jual tanah pada satu company di-Singapura sa-banyak, mengikut apa yang di-sebutkan, 4,000 ekar, begitu juga dia menyebut gadai², dan perkara ini ada-lah satu perkara yang basi orang Kelantan kata, perkara ini tidak begitu lagi patut di-sebut kerana perkara ini ada-lah lama sangat.

Kalau kita buat perhitongan Ahli Yang Berhormat itu kalau di-dalam sekolah sudah berapa tahun duduk daripada darjah I tidak naik² darjah lagi, itu-lah yang di-sebutkan. Dalam Dewan ini, di-luar Dewan ini, itu-lah yang di-sebutkan, gadai tanah, jual tanah. Kalau-lah benar perkara yang sumpama ini, fasal apa pehak Kerajaan Pusat tidak mengambil tindakan, juga satu perkara yang mengenai di-atas Kerajaan Kelantan itu, sedangkan perkara itu berlaku sudah lama mengikut apa yang telah di-sebutkan.

Juga Yang Berhormat itu menchadangkan symbol PAS “Bulan Bintang” itu harap Kerajaan terek tidak boleh di-gunakan lagi. Dahulu sudah terek Allah-Mohammad, hendak di-terek lagi “Bulan Bintang”. Kemudian, mengikut shor Ahli Yang Berhormat itu di-bagikan symbol “Kapak kechil”. Apa ini? Ini tidak lain, hanya Yang Berhormat itu boleh jadi rakan² takut kapada PAS yang symbol ia di-pileh itu “Bulan Bintang” yang handal pehak daripada PAS ini memileh symbol, yang tidak boleh mengatasi oleh orang² UMNO pada memileh symbol, ia-itu-lah Keris terlanjang yang telah pun dipatah Keris itu atau pun di-lembut²kan oleh MCA atau MIC.

Tuan Yang di-Pertua, keris itu sa-benar-nya tidak menikam—sudah patah atau pun lembut. Erti-nya, keris itu tumpul atau keris itu sa-bagai keris pelastik sahaja, tidak boleh buat guna apa², lebeh² di-waktu kechemasan—waktu kechemasan tidak boleh di-gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak dan saya tidak tahu di-mana² sahaja bertanding pilehan raya, UMNO

bertanding di-atas nama UMNO dengan symbol keris, tetapi UMNO bangga-lah di-pejabat² dengan symbol keris berkibar²-lah—ini-lah yang saya katakan keris itu patah atau pun dilembut²kan, tetapi pehak UMNO tidak ada kesedaran langsung. Di-samping itu pula hendak menghapuskan symbol “Bulan Bintang” ada pun masaalah “Bulan Bintang” ini tidak bersangkut-paut sedikit pun dengan keris UMNO. Oleh itu bila keris UMNO sudah patah atau tidak berguna lagi maka buat-lah perhitungan untuk hendak memperbaiki keris itu sahaja. Ta’payah-lah buat perhitungan bagi merosakkan symbol Bulan Bintang kami itu. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai pehak PAS memberitahu kepada pehak UMNO supaya pehak UMNO itu tahu dan dia mengerti dalam kedudukan pehak PAS, sa-kali pun PAS tidak begitu kuat, tidak begitu gagah bagaimana yang di-sebutkan oleh pehak Kerajaan, pehak Parti Perikatan, tetapi kalau-lah hendak dibandingkan dengan Parti UMNO, maka kuat-lah PAS tak boleh dibandingkan, sebab PAS ada sa-buah Negeri memerintah tetapi UMNO tolong tunjuk di-mana tempat mereka. Kita hendak tengok jasa UMNO. Ini-lah chabaran balek kepada-nya.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menyebutkan sedikit sa-banyak kerana ini ada-lah meshuarat yang akhir dalam kedudukan kita dalam masa pilihan raya ini dan boleh jadi di-antara kita siapa yang sampai dalam Dewan ini, dan boleh jadi siapa yang tidak sampai, boleh jadi di-antara kita akan berjumpa lagi atau pun tidak. Oleh sebab itu suka-lah saya menyebutkan sedikit sa-banyak, Tuan Yang di-Pertua, benda² yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan sa-kali pun di-gembar-gemborkan, mengatakan bagus, tetapi yang bagus itu memang bagus-lah, tetapi yang tak bagus itu di-tudong², banyak di-selindong² juga, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga yang ada pada hari ini memikirkan sama tentang masaalah Sekolah Dewasa yang telah di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan. Ini ada-lah suatu benda yang merugikan ra’ayat jelata di-dalam negeri ini. Lebeh dari-pada tujuh juta ringgit sa-tahun telah

di-gunakan kerana Sekolah² Dewasa, tetapi Sekolah Dewasa itu di-gunakan oleh orang² yang belajar itu, murid² yang belajar itu ada-lah umur-nya 50, 60 sampai 70 tahun, apa hendak di-gunakan, Tuan Yang di-Pertua. Hendak jadi datok, memang datok sudah. Memang dah datok, datok tua orang panggil, tetapi hendak jadi Dato’ berpangkat itu tidak lagi. Kalau-lah kita tinjau tengok anak² kita yang kecil yang tamat Darjah V Sekolah Melayu, banyak kechewa di-dalam negeri ini. Tak payah saya sebutkan berapa banyak, semua orang tahu, tetapi kalau duit atau wang itu di-gunakan kepada budak² ini berapa banyak sudah terangkat mutu-nya lagi. Ini ada-lah lebeh baik, tetapi perkara yang sa-umpama ini tidak di-sedari pada hari ini. Pokok kelapa yang ber-umur 50 tahun di-buboh baja, yang sudah tak mahu berbuah, tetapi pokok kelapa yang hendak berbuah itu tidak di-buboh baja. Ini-kah chara-nya? Apa ini? Saya tak nampak perkara yang sa-umpama ini boleh memberi faedah.

Sa-lain daripada itu suka saya memberitahu berkenaan dengan hal kedudukan kita ini dalam masaalah keretapi lebeh² lagi saya hendak sebut, Tuan Yang di-Pertua, keretapi Pantai Timor. Keretapi Pantai Timor kita tidak saperti di-Pantai Barat. Tempat tidor bilek First Class pun tidak bertukar², yang burok itu-lah semenjak beberapa tahun. Sa-tengah² pintu-nya itu tidak boleh di-tutup. Perkara ini boleh-lah kalau rasa-nya, Tuan Yang di-Pertua, rasa² tak jelas apa yang saya chakap ini; sa-kali² sila-lah mari tengok sa-kali. Pada hal tempat perjalanan itu ada-lah jauh, Tuan Yang di-Pertua, tempat tidor First Class itu pun di-Pantai Timor chuma ada dua tiga empat bilek sahaja. Ini-lah saya rasa menyebabkan keretapi ini jadi kerugian.

Satu masa, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri naik keretapi. Chara keretapi itu pun rasa saya tidak begitu betul kedudukan-nya. Tempat tidor first class itu ada, tetapi satu bilek ini ada satu laki² satu perempuan, suami isteri. Satu bilek ini ada satu perempuan, kemudian satu laki² lain hendak masuk tak boleh. Ini memang betul. Saya

aku¹ betul. Tetapi boleh yang bilek laki² suami isteri di-masokkan yang perempuan itu dudok bersama² dengan perempuan, yang laki² dudok sama² lelaki, boleh-lah, sebab masa tidak begitu panjang. Sedangkan dudok satu bilek itu satu orang sahaja, tambang \$60 pergi ka-Kelantan, jadi sudah tambang \$60, \$60 sudah jadi rugi, kalau dua tiga bilek berlaku sa-umpama ini macham mana, Tuan Yang di-Pertua? Ini-lah satu sebab-nya yang menjadikan keretapi ini saya rasa rugi, yang lain tak tahu-lah saya tidak chek, tetapi ini selalu saya tengok sendiri.

Sa-lain daripada itu banyak-lah hal dalam keretapi itu tidak-lah saya hendak sebut panjang dan saya hendak masok sedikit dalam masalaah kapal haji.

Kapal Haji, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sa-tahun ka-satahun makin tidak bertambah baik. Kalau kita perhati hari ini sa-tahun ka-satahun ini makin bertambah burok atau macham itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kapal yang pertama kapal Kuala Lumpur, 30 haribulan Disember, 1968, baharu² ini saya ada menghantar orang pargi ka-Mekah. Banyak saya dapati orang pengsan di-situ dan hampir² maut, dengan kerana peratoran di-situ tidak begitu betul. Tangga kapal hari itu, kalau kita tengok, chuma dua kaki luas-nya. Barangkali tak dapat dua kaki, maka itu-lah tangga dia lepaskan, berpuluh² ribu manusia naik, sedangkan barang pun ikut tangga itu, yang bukan barang pun ikut tangga itu juga. Tak boleh-kah mengadakan jalan tangga lain. Ini-lah rasa saya kalau-lah perkara yang sa-umpama ini ada-lah perkara yang merosakkan kedudokan, patut-lah pehak² yang berkenaan mengambil perhitungan dan mengambil pandangan supaya selamat kedudokan ra'ayat jelata di-dalam negeri ini.

Kemudian kedudokan di-negeri Kelantan ini ada-lah amat rumit. Perkara yang saya sebutkan tadi ia-itu tangkap-menangkap yang berlaku hampir² waktu pilehan raya 1964 dahulu. Rasa saya apa yang telah berlaku itu mengikut pandangan saya tidak-lah begitu chara ke'adilan. Saya boleh tun-

jukkan satu persatu yang kena tangkap itu, tok² guru, yang tok guru itu, Tuan Yang di-Pertua, umur hampir 70 tahun pun ada; janggut puteh, tak tahu chakap politik, tak tahu sharah itu dan ini, tetapi kena tangkap sa-tahun lebeh. Ini-lah yang saya rasa menyedehkan kapada kedudokan-nya. Masaalah tangkap sa-memang saya suka. Jika orang yang bersalah, jemput-lah, dan nama²-nya saya sendiri bagi dalam sharahan waktu kena tangkap itu, saya beritahu kapada pehak polis, saya kata perkara yang sa-umpama ini tidak menjadi keuntongan sedikit pun kapada ra'ayat jelata. Di-samping itu ada pula ugutan², Tuan Yang di-Pertua, di-depan rumah saya sendiri itu kadang² dua truck polis pada masa itu, pagi² sudah ada, apa dia hendak saya tak tahu.

Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, banyak-lah depan² rumah tok guru itu polis² pergi merayau. Apa dia hendak kerja, saya tak tahu, yang sa-tengah kena tangkap, yang sa-tengah pergi sana. Ini-lah yang menyedehkan kapada kedudokan kita hari ini. Dengan sebab itu, bagaimana yang saya sebut mari-lah kita mengikut ke'adilan, sa-bagai ke'adilan di-dalam perbuatan, jangan pula dalam ke'adilan, yang ke'adilan dalam sebutan sahaja. Sekian.

Dr Awang bin Hassan (Muar Selatan): Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada menyokong Anggaran Perbelanjaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya suka mengambil peluang dalam perbahathan ini menarek perhatian dalam perkara kesihatan, perubatan dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat negara yang berkerajaan Persekutuan, ada-lah perkara kesihatan, perubatan dan pelajaran ia-lah di-kuasai oleh sa-suatu negeri dalam Persekutuan itu, sa-umpama-nya di-negeri Commonwealth Canada dan Australia berkerajaan Persekutuan perkara kesihatan, perubatan dan pelajaran ada-lah di-kuasai oleh negeri² yang ada dalam Persekutuan itu. Sebab²-nya perkara itu di-kuasai oleh negeri² dalam Persekutuan ia-lah mengenangkan perkara² itu ia-lah kesihatan, perubatan dan pelajaran menyentoh tiap² sa-orang

ra'ayat dalam segi hidup-nya hari² ma'ana-nya "respect of the daily life", ma'af saya sebutkan dalam bahasa Inggeris. Sa-orang ra'ayat dan keluarga-nya ada-lah sakit pening dan sa-orang ra'ayat itu ada-lah menghadapi kesulitan pelajaran anak² keluarga-nya saperti hendak memasokkan sekolah. Ini boleh di-katakan perkara² tempatan. Saya sebutkan dalam bahasa Inggeris, "local issue, local problems", tidak saperti perkara dasar luar negeri atau pertahanan dan lain² yang tidak menyentuh sa-kali² ra'ayat dalam kehidupan-nya sa-hari².

Di-sini saya hendak memberi keterangan, saya tidak sa-kali² hendak kemukakan satu perkara ia-itu perkara kesihatan, perubatan dan juga pelajaran patut di-kuasa² oleh negeri² dalam Persekutuan Negara ini. Ini ada-lah bertentangan dengan Perlembagaan Negara kita, tetapi saya hanya hendak kemukakan jika ada satu jalan yang boleh memberi tiap² Negeri dalam Persekutuan, tidak banyak sedikit mengambil bahagian dan mengambil keputusan dalam perkara kesihatan, perubatan dan pelajaran melalui wakil² ra'ayat daripada Negeri² masing².

Saya menhadangkan supaya ditubuhkan suatu State Parliamentary Committee dalam perkara kesihatan, perubatan dan juga pelajaran di-duduki oleh wakil² ra'ayat masing² Negeri dengan Ketua Pejabat Negeri yang berkenaan menjadi Setia-usaha-nya. Kuasa dan butir² yang lain berkenaan committee ini boleh-lah di-fikirkan kelak. Wakil² ra'ayat yang di-Dewan ini saperti saya juga selalu di-desak oleh penduduk² kawasan masing² dalam perkara yang kechil saperti sekolah berkehendakkan tandas, sekolah berkehendakkan bilek tambahan dan juga ada sekolah yang runtoh oleh sebab terlampau buruk. Ini perkara², sunggoh pun kechil biasa-nya hendak-lah di-kemukakan di-Kementerian di-Kuala Lumpur bagi mendapat persetujuan dan di-laksanakan atau di-baikkan, sudah tentu-lah perjalanan ini mengambil masa, memakan berbulan². Sa-patut-nya dalam projek yang kechil saperti ini keputusan boleh di-ambil di-Negeri dengan tidak payah di-bawa ka-Kementerian di-Kuala

Lumpur. Bagitu juga dalam perkara kesihatan, perubatan, ada perkara² yang mengejut, yang bersangkutan dengan hidup mati sa-orang sakit yang berkehendakkan ubat atau perkakas yang patut di-dapati atau di-beli dengan segera. Biasa-nya perkara ini juga hendak-lah di-kemukakan ka-Kementerian Kesihatan, Kuala Lumpur. Sa-patut-nya dalam perkara yang mustahak dan mengejut saperti ini, keputusan boleh di-ambil di-negeri itu.

Di-sini saya suka hendak terangkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu saya tidak bertujuan hendak mengambil alih kuasa Menteri² yang berkenaan. Saya sedar, Malaysia kita ini, ia-ini Malaysia Barat ini negara yang kechil, berkehendakkan Kerajaan Pusat yang tegoh dan chukop kuasa²-nya dan tidak-lah boleh di-bandingkan dengan Persekutuan Canada atau Australia yang besar saperti satu benua dan memang patut perkara² kesihatan, pelajaran, di-kuasa² oleh negeri² dalam Persekutuan Negara² itu. Dengan di-adakan State Parliamentary Committee bagi di-chadangkan, wakil² ra'ayat yang dudok di-kerusi belakang ini dapat bahagian, tidak banyak sedikit dalam mengambil keputusan dalam perkara² Negeri. Saya yakin ia-itu committee ini akan menolong Menteri yang berkenaan dan melichinkan perjalanan Kementerian masing² dengan memberi faedah dan kesenangan kepada ra'ayat seluruh-nya di-negara kita ini, terima kaseh.

Tuan Haji Redza bin Md. Said (Rembau-Tampin):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap sa-patah dua di-hari yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan sukachita-nya saya memberi tahniah kepada Menteri Kewangan, dalam ucapan belanjawan-nya yang sangat sederhana dan juga memberi sa-penoh² harapan kepada ra'ayat dan saya menyokong ucapan beliau dengan sa-penoh-nya walau pun dalam ucapan beliau ada mengandongi chukai² saperti chukai buah²an dan kachang tanah dan lain²-nya. Saya berpendapat chukai² yang sa-macham ini bukan-lah memberatkan ra'ayat sangat kerana ra'ayat di-negeri ini bukan-lah makan buah²an sa-panjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan belanjawan ini, Menteri ini telah mengutokkan perbelanjaan pelajaran dan pertahanan dengan peruntukan yang lebeh. Ini ada-lah menyedapkan hati ibu bapa dan ra'ayat² negeri yang chemburu di-atas keselamatan tanah ayer mereka. Walau pun ucapan ini bagi pehak Kerajaan atau pun pehak penyokong² Kerajaan telah menyokong-nya, tetapi saya telah mendengar pehak Ahli² Yang Berhormat sa-belah sana mengutok dan mengecham, mengatakan yang budget ini tak betul. Bagitu-lah 'adat-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sembilan tahun dalam Dewan ini, tak sa-kali pun saya mendengar pehak Pembangkang itu memuji atau mengatakan pehak Kerajaan ini betul walau pun negeri² luar sudah memuji, sudah mengatakan perjalanan kita ada-lah betul. Ini pada perasaan saya segala apa yang di-buat oleh Kerajaan yang baik menjadi chelaka bagi mereka. Ini-lah anggapan saya pada mereka itu, dan saya fikir mereka datang ka-sini, itu-lah kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit berkenaan dengan pemberian tanah kapada mereka yang suka hendak berchuchok tanam dan suka hendak menanam buahan², menasabah sangat-lah pada masa ini, kerana buah²an telah di-chukai dan patut sangat-lah Kerajaan Pusat ini menggesa Kerajaan Negeri memberikan tanah mereka supaya mereka dapat berchuchok tanam dan tidak payah-lah kita berkempen, ma'ana-nya berkempen menyuroh makan buahan tempatan, tetapi memada'i-lah dengan kita memberikan mereka tanah supaya mereka sendiri boleh bertanam buah²an dengan hasil ini, mereka langsung boleh memakan buah²an tanaman mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya di-negeri sana payah sangat nampak mereka hendak mendapat tanah saya sa-memang-lah merayu kapada Kerajaan Pusat ini, saya menggesa Kerajaan Negeri memberikan tanah² yang macham ini kapada peladang² dan pesawah², mudahan² dengan jalan ini dapat-lah mereka berchuchok tanam dan ini-lah masalaah-nya yang berat

yang di-tanggung oleh orang luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan tanah pinggir yang mana pada akhir² ini nampak-nya tiap² Negeri tidak lagi bersungguh² hendak menjalankan membuat projek tanah² pinggir ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tanah pinggir ini ada-lah satu harapan ra'ayat² yang telah kechewa daripada mendapat tanah² FLDA yang mana mereka telah lebeh umur dan mereka ada mempunyai sadikit sa-banyak tanah di-kampung. Maka dengan ada-nya tanah pinggir ini dapat-lah mereka menyambong nafas mereka balek, atau harapan mereka supaya dapat mereka merasai nekmata² yang di-rasa'i oleh ra'ayat² yang mendapat tanah FLDA. Ini-lah harapan saya sa-kali lagi kapada Kerajaan Persekutuan ini atau pun Kerajaan Pusat supaya menggesa atau pun memberi pertimbangan kapada Kerajaan Negeri supaya dapat membuka projek² tanah pinggir ini balek.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan teksi yang telah diberikan kapada ra'ayat² di-luar bandar. Teksi² yang telah di-berikan kapada Ra'ayat di-luar bandar nampak-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak menepati sa-macham mana perjanjian. Banyak teksi² itu telah keluar daripada kampung yang di-beri teksi itu. Saya berterima kaseh kapada Kementerian Pengangkutan ini kerana telah melayan saya dan penduduk² kawasan saya dengan bermacam² helah. Kadang² teksi itu telah di-beri di-dapati teksi itu ada di-Kuala Lumpur, umpama-nya teksi di-Rembau sana ada di-Kuala Lumpur ini, sudah di-Ali Babakan-nya, atau pun sudah di-jualkan-nya permit-nya. Maka teksi ini tidak balek atau tidak kembali ka-pengkalan-nya, maka inilah satu masalaah yang merumitkan telah di-kensel, maka datang-lah pula rayuan² dia dan saya pun sama-lah merayu balek kapada Menteri ini dengan pertolongan Menteri ini dua atau tiga teksi nampak-nya telah di-kembalikan. Tetapi pada akhir ini saya berpendapat sa-kira-nya ada teksi² yang hendak di-berikan kapada

penduduk² luar bandar atau pun seperti satu daerah, saya berharap pihak Kementerian Pengangkutan ini membuat satu pertimbangan di-jadikan teksi² yang hendak di-beri itu di-jadikan satu sharikat. Walau pun Menteri ini telah berkali² menasihatkan supaya orang² di-kampung itu membuat sharikat, tetapi masaalah yang seperti ini tidak di-ikuti oleh mereka. Saya berharap supaya Menteri ini membuat satu keputusan yang muktamad, siapa juga yang berkehendakkan teksi ini mesti-lah di-adakan perkongsian supaya teksi ini tidak dapat di-Ali Babakan. Yang lebeh kesal kita memikirkan satu teksi bila di-berikan kepada sa-orang, satu kawasan, maka apabila dapat sahaja permit itu maka teksi itu di-jadikan-lah ia teksi Ali Baba dan orang yang mengambil teksi itu dapat sa-buah motokar pula di-beri oleh orang yang mengambil teksi tadi. Maka teksi burok itu-lah menjadi teksi sapu di-dalam kawasan itu. Ini satu lagi merugikan Kerajaan, tidak payah di-bayar chukai² yang di-tentukan untuk teksi itu. Ini-lah saya berharap kepada Kementerian ini supaya bersungguh² meneliti perkara yang seperti ini dan menjauhkan daripada menjadikan teksi itu Ali Baba.

Pada akhir-nya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit perkongsian kapal terbang MSA di-antara Malaysia dengan Singapura. Patut-lah saya fikir Kementerian ini menyemak sa-mula di-atas perjalanan perkongsian ini, walau pun baharu² ini sa-orang Menteri telah datang dari Singapura, telah berunding dengan Menteri Pengangkutan ini dan baharu ini saya tengok pula di-surat khabar mengatakan tahun hadapan akan membeli lima buah lagi kapal terbang, tetapi masaalah-nya perkongsian ini saya memang-lah mendengar rungutan² orang di-kampung, atau di-negeri mengatakan sa-olah² Kerajaan kita tidak berupaya hendak membawa projek kapal terbang itu ka-Malaysia ini. Saya berharap-lah kepada Kementerian ini supaya menyemak sa-mula perjanjian perkongsian ini. Sa-kian terima kaseh.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya menyertai dengan rengkas-nya dalam perbahathan kita berkenaan dengan Usul atau pun budget tahun ini yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya bersedia memberi aukan, saya sunggoh pun datang daripada Kelantan tidak-lah saya akan bangkitkan masaalah pergadaian tanah itu dalam ucapan ini, sebab saya sudah naik kelas, kalau sahabat saya daripada Larut Utara yang di-fahamkan belum naik kelas hendak bawa sa-kali lagi, saya tidak ada galangan. Jikalau kita dengar perbahathan daripada sa-belah pihak Pembangkang yang telah berlaku dua tiga hari lepas, pada pandangan saya sa-olah²-nya hari hendak mengundi itu hendak jatuh sa-minggu atau dua minggu hadapan lagi.

Jadi persidangan kita ini di-gunakan sa-bagai forum pilihanraya. Mereka pertama-nya yang telah berchakap samalam, dan kelmarin dahulu telah memutar-belitkan segala facts dan figures, ma'af saya gunakan perkataan Inggeris, yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mereka menganalisis angka² itu, mereka memberi ma'ana dan memberi pendapat. Pada bab ekonomi dan kewangan, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita hendak sandarkan kepada angka² dan biji butir perkembangan di-dalam sa-suatu negara, jikalau kita ada 10 ekonomis pun, barangkali kita dapat 10 macham punya pendapat. Itu fahaman saya. Jikalau kita ikut kata pepatah orang Peranchis tiap² sa-orang itu ada kechapan-nya sendiri seperti kata dalam bahasa Inggeris "Every one has his own taste".

Pada diri saya sa-kali² tidak boleh terima segala analisa² dan perbahathan yang di-bawa oleh parti² Pembangkang, sa-hingga apabila telah saya dengar itu saya sendiri naik bingung tak erti barangkali harus mereka sendiri tak erti, apa-tah lagi ra'ayat jelata yang tiada pengetahuan tinggi,

mereka itu sudah kelam-kabut. Tujuan mereka semata² kerana hendak menge-lirukan ra'ayat, hendak menudoh Kerajaan pada masa ini membawa negara kita ini kepada keadaan satu negara yang akan jadi bengkerap besok atau lusa. Yang saya perchaya ia-lah kepada pakar² yang ada di-I.B.R.D. ia-itu Bank Dunia, pakar² kewangan di-London, di-New York, Washington dan lain²-nya. Jikalau mereka itu perchaya yang negara kita ini hendak bengkerap, bagaimana-kah kita dapat pergi ber-hutang di-luar sa-hingga dapat \$578 juta dan bagaimana-kah orang² yang pandai yang tahu dalam negeri boleh meminjamkan kepada Kerajaan kita sa-hingga \$3,490 juta internal debt. Ini saya harap ra'ayat negara kita akan timbang sa-baik²-nya.

Tujuan Pembangkang sa-mata² pada kali ini hendak menggulingkan atau hendak menudoh lagi Kerajaan hendak membawa negara kita ini kepada bengkerapsi tidak berapa lama lagi. Ini-lah da'ayah yang di-bawa ka-kampong² beberapa lama di-Kelantan saya tahu oleh parti² Pembangkang di-sana, dengan desas-desus, dengan ber-bisek² dan kadang² dalam ucapan yang terbuka juga. Dan sama-lah juga ini saya berharap oleh sebab dalam surat khabar dua tiga hari sudah keluar berkali² berkenaan dengan pertukaran wang lama. Kita suroh ra'ayat minta tukar chepat², tak laku pada segi legal tender, tetapi kalau tukar di-Bank, boleh dapat wang baharu. Saya ingat waktu Bank Negara kita hendak mengeluarkan note sendiri, sudah di-da'ayahkan, ini wang gambar Al-marhum Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama ini tak laku, wang gambar Queen yang laku. Ini saya bimbangkan takut orang² kita di-kampong maseh lagi menyimpan wang masing² di-bawah bantal, wang lama sa-hingga pada satu ketika kita istihar mengata-kan wang lama tak laku. Ini saya minta kepada Pejabat Penerangan sa-lain daripada surat khabar, Radio, Tali-vishen dan lain²-nya melawat tiap² kampong dengan kereta penerangan-nya untuk memberi penerangan ka-pada orang² kampong, jangan-lah ra'ayat kita terkena tipu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan-nya Menteri Kewangan ada sebut dia kata kita sudah sampai pada keseluruhan-nya ka-peringkat chukai yang optima. Ini saya rasa tak sa-orang pun yang boleh engkar atau pun tidak bersetuju, tetapi kita sa-buah negara yang tengah membangun, negara yang baharu dapat kemerdekaan tak lebih daripada 12 tahun, tiap² tahun kita mengadakan apa² sahaja juga kesenangan² untok memajukan kehidupan ra'ayat kita lagi. Jadi apa dia jalan Yang Berhormat Menteri menhadangkan kata-nya, oleh yang demikian harapan kita hanya-lah bergantung kepada perkembangan eko-nomi yang lebih pesat. Kerajaan boleh menyediakan infra structor mengambil daya utama tetapi sector bersendirian-lah yang mesti memainkan peranan yang penting sa-kira-nya kita hendak menchapai perkembangan ekonomi yang menchukupi di-dalam tempoh yang singkat.

Jadi dalam pesertaan saya pada petang ini saya hendak menyentuh dua tiga perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pertama-nya, atas perkara tourism atau pelancongan yang di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan-nya sa-bagai satu daripada chara yang boleh mem-perkembangkan ekonomi kita; yang kedua-nya meluaskan dan membesarkan lagi chara² perindasterian dalam negara kita dan juga chara² bagai-mana-kah jalan yang patut kita hendak mengurangkan unemployment. Saya tidak hendak sentoh berkenaan hendak mengurangkan unemployment, sebab perkara ini saya perchaya telah di-sebut oleh beberapa orang daripada sahabat saya. Berkenaan dengan pelan-chongan atau tourism yang sa-benar-nya negara kita Malaysia termasuk juga negara² lain yang di-sifatkan dalam kawasan ASEAN, banyak lagi belum di-iklankan bagi tujuan pelancongan. Sa-malam sungguh pun saya tak ada dalam Dewan ini, saya ada terdengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan pertama-nya Pejabat Pelancongan atau Tourist Depart-ment itu tak guna satu sen pun. Saya tidak-lah menyebut apa perkataan yang sa-benar dia kata, tetapi ma'ana

bagitu-lah sa-hingga dia sebut kerja-nya tak ada-lah hantar kelendar yang ta'ada ma'ana-nya, gunakan sampul kertas yang besar yang berharga, rugi duit Kerajaan. Saya suka mengambil peluang ini mempertahankan Pejabat Pelanchongan, sebab pejabat itu ada guna-nya, tetapi oleh sebab peruntukan yang di-beri oleh Kerajaan pada pejabat itu pada masa yang lepas tidak menchukupi, maka tidak-lah pada pandangan saya pejabat itu dapat menjalankan tugas² yang sa-patut-nya boleh di-jalankan. Berkenaan dengan masa-alah pelanchongan ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang kita kena ambil timbangan dan peranan yang besar sa-kali bukan dari pehak public sector atau pun Kerajaan, tetapi kenalah dari private sector mengambil bahagian yang lebeh besar, tetapi jikalau sa-kira-nya tidak ada perhubungan di-antara private dengan public mana dia boleh ada kordinasi atau sa-fahaman yang boleh kita meluaskan dan membesarkan lagi, katakan perniagaan pelanchongan dalam negara kita ini yang chukup mustahak.

Sa-malam juga saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan tidak ada apa hendak kita tunjukkan pada pelanchong dalam negara kita ini. Dia sebut patut ada pertunjukan "topless show". Saya rasa mereka yang melanchong ka-negara kita daripada Amerika, Australia, England, Eropah, bukan mereka hendak tengok topless show di-negara kita ini. Di-negara mereka sendiri lebeh daripada topless "semua less" show pun ada. Yang kita hendak tunjukkan kepada mereka tentang negara kita ini apa dia segala nikmat² keendahan, kechantean yang Tuhan telah kurniakan kepada bumi kita ini, gunung-ganang, sungai bagitu bagini, itu dia yang hendak kita tunjukkan, itu yang kita hendak perbesarkan. Orang² yang datang daripada padang pasir, bila dia tengok pokok kayu-kayan dengan hijau, mengeloh mereka, bagaimana-kah subur-nya bumi kita ini, bagaimana-kah nasib baik-nya negara Malaysia ini. Jadi dalam hal pelanchongan ini pertama-nya kena-lah ada kordinasi atau kerjasama yang tepat di-antara Pejabat Pelanchongan dengan private sector ia-itu Tourist Organisation atau apa

nama yang di-beri kepada satu kumpulan yang saya tahu ada di-Kuala Lumpur ini. Dan patut-lah Kerajaan mengadakan chukup belanja kepada Jabatan ini sa-berapa boleh supaya pejabat itu menyempurnakan tugas-nya dengan chukup puas hati.

Dalam hal pelanchongan ini kerana sebab sudah ada kapal terbang jet, Tuan Yang di-Pertua, yang laju, maka tidak ada-lah peluang banyak bagi pelanchong² itu melawat sa-suatu tempat itu bagi satu tempoh yang lama, habis lama barangkali satu dua hari mereka boleh dudok sama ada di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Singapura. Jadi kita kena ingat, kita kena mengadakan kenderaan² yang chukup puas hati sama ada kita kena adakan helicopter service mithal-nya hendak membawa mereka pergi tengok National Park kita atau pergi ka-mana² tempat, kereta² yang di-katakan ada peti sejok, ini semua mustahak kita timbangkan.

Dan lagi sama juga mustahak kita kena memberikan kesenangan kepada mereka berkenaan dengan Immigration, berkenaan dengan Paspot, berkenaan dengan pepereksaan barang², beg² mereka waktu masok. Ini semua saya faham telah di-ambil tahu oleh negara² saperti Thailand negara tetangga kita. Beribu² tiap² tahun pelanchong² ka-Thailand kerana ada kesenangan² yang saya sebutkan di-beri kepada pelanchong yang sa-benarnya kata orang, *genuine*—pelanchong yang sa-benar bukan kata orang hendak mari berniaga, atau pun hendak memasokkan barang hendak melarikan chukai dan sa-bagai-nya, ini semua mustahak.

Dan juga kita kena berhubung dengan tuan² punya hotel supaya mengadakan service atau khidmat yang chukup puas hati. Ini semua boleh-lah pehak Jabatan Tourist berhubung sa-bagai lidah atau suara Kerajaan dengan persekutuan atau persatuan pelanchong² yang ada dalam negara kita ini.

Dan juga kita kena berhubung dengan kompani kapal terbang, di-sini kita ada MSA, supaya service itu tidak-lah menjadi lewat sa-bagaimana yang telah di-tudoh² dalam sa-hari dua yang lepas dalam Dewan ini, dan lain² lagi

perkara yang saya tahu tentu pehak² yang bertanggung-jawab dalam perkara ini tahu apa yang ada kekurangan-nya. Kekurangan yang sa-macam saya sebutkan itu-lah kita kena baiki, kalau sa-kira-nya kita hendak menggemarkan pelanchong² dari luar negeri datang melawat ka-negeri kita.

Perkara yang kedua saya hendak sebutkan, ini juga bersangkut dengan private sector, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.30 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.45 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil: Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya sekarang saya hendak menyentoh dengan rengkas-nya atas masaalah undang² yang dalam bahasa Inggeris di-panggil Investment Incentive Act atau dalam Bahasa Kebangsaan kita Undang² Galakan Pelaburan.

Bab 14 daripada undang² itu, ma'af saya bacha supaya lebih terang mengatakan, "Bagi maksud section ini Menteri dengan persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan boleh dengan perintah berkanun:

- (a) Mengistiharkan mana² kawasan di-dalam Malaysia sa-bagai kawasan pembangunan, atau
- (b) Mengistiharkan apa² keluaran berkilang atau apa² kelas keluaran berkilang sa-bagai suatu keluaran atau keluaran² berkilang yang diutamakan atau mana² perusahaan sa-bagai perusahaan yang diutamakan, atau
- (c) Menetapkan suatu peratus unsur Malaysia yang di-kehendaki dimasukkan ka-dalam suatu keluaran berkilang.

Pada faham saya, Tuan Yang di-Pertua, tujuan di-adakan section ini ia-lah kerana pertama-nya hendak

menggalakkan penanaman modal sama ada modal luar atau modal dalam atau pun modal luar berchampur dengan modal dalam dan dengan ada-nya pengistiharan Menteri di-buat di-bawah Bab ini boleh-lah di-katakan indasteri² yang ada status perintis atau pioneer status mendapat sambongan lebih lagi tempoh-nya, bagaimana di-sebut lagi kata dia: "Terta'alok kepada sekshen-kecil (4) lebih daripada satu perlanjutan hendak-lah di-beri kepada sa-suatu masa di-bawah sekshen-kecil (2) jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa syarat² yang bersesuaian dengan tiap² satu perlanjutan itu ada-lah di-penohi."

Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan pengshoran atau pun sebutan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan-nya supaya kita membanyakkan lagi industry kita di-dalam negara kita di-sini. Jadi fahaman saya belum lagi Kementerian yang berkenaan membuat peristiharan berkenaan dengan perkara² yang saya sebutkan tadi di-dalam sekshen 14 daripada Undang² Galakan Pelaburan—jikalau saya tidak betul, saya minta ma'af sahaja-lah. Rasa saya belum lagi saya perhatikan, tengok, ada peristiharan sama ada dibuat berkenaan dengan (a) kawasan, (b) berkenaan dengan keluaran barang atau pun (c) berkenaan dengan local content atau pun isi² percentage unsur Malaysia yang ada dalam satu² barang yang dibuat itu.

Ada lagi satu yang saya fikir Yang Berhormat Menteri Kewangan barangkali suka mendengar juga. Di-dalam sa-bahagian daripada ucapan-nya dia ada menyebut berhubung dengan, bagaimana saya kata tadi yang kita telah sampai kepada peringkat chukai yang optima sungguh pun daripada satu masa ka-satu masa kita perlu membuat pindaan dan pelarasan berdasarkan kepada equity, perubahan² dasar dan penyamaan tingkatan chukai di-antara Malaysia Barat dan Malaysia Timor.

Dua hari dahulu ada sa-orang sahabat saya sebut, dia kata, dia chukup ber-setuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri tetapi kata-nya dengan

jalan yang berseloror, nampak-nya Yang Berhormat Menteri ini bila dia main lagu hendak mengharmonikan chukai² antara Malaysia Barat dan Malaysia Timor itu tangan dia, tangan kanan dia berat sa-belah, naik scale treble, tidak turun pada scale rendah, scale bas, kata dia. Jadi ini perkara pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak sudah membangkitkan, tetapi dia fikir patut disamakan jangan tinggi sangat, fahaman saya—itu sungutan daripada sa-orang sahabat saya.

Pada akhir-nya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengakhiri ucapan saya ini dengan meminta izin berchakap dalam bahasa Inggeris sadikit, ada-lah perkataan² technical yang harus boleh menjadi salah faham jika tidak betul di-fahamkan.

Now, last year, Mr Speaker, Sir, Malaysia completed its transition from an Article XIV to an Article VIII member of the International Monetary Fund. This step was hailed as a significant milestone in the country's economic progress.

In his speech in introducing the Budget the other day, the Honourable Minister of Finance made reference to this important move in just one sentence, and I quote :

"Confidence in Malaysian currency was further enhanced by the Government's move to Article VIII status of the International Monetary Fund."

I personally, Mr Speaker, Sir, would have liked the Minister to have taken the opportunity in his Budget Address to this House to explain in greater detail, perhaps, the significance of our Article VIII status.

Now, in order to continue towards our goal of achieving an adequate rate of economic growth, we have been advocating time and time again the expansion of industrialisation in our country, and for this purpose we have been inviting and encouraging foreign capital to come into the country. I would say, Sir, that our Article VIII status in the I.M.F. has certainly boosted the standing of our dollar in

the international monetary circles and has given confidence to foreign investors to pour money into this country. The Malaysian dollar at the moment is as freely convertible as the American dollar, the Australian dollar, or any other currency which belongs to countries, who are now under Article VIII membership. Further our Article VIII status undoubtedly has put our Malaysian dollar with the more elite currencies of the world and the result would be I suggest, Sir, that the Government would find it easier to float new loans for development purposes with the new status of our dollar.

Whilst, perhaps, world financial circles may take this event in just its normal stride, I would like to suggest that we here, as a developing nation, should applaud this event, because we now belong to an exclusive group with currently only about 34 members belonging to it out of the Funds membership of about 110 member countries and I believe that we are about one of the five Asian countries, which enjoy this membership status.

Now, in concluding my intervention in this debate, Dato' Speaker, Sir, and in supporting the Bill introduced by the Honourable Minister of Finance, I think I would be failing in my sense of judgment of the performances of our leaders, if I do not take this opportunity to place on record, at least my own to begin with, and, I hope, to be shared by my colleagues in this House, our deepest appreciation to the Honourable Minister of Finance that we have only been able to achieve this status through his wise guidance and prudent management of the fiscal policy of this nation. Thank you (*Applause*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua dalam menyertai teman² saya Ahli Yang Berhormat di-dalam bahathan ini, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara di-dalam masaalah belanjawan negara yang sedang di-bentangkan sekarang ini di-dalam Dewan untuk perhatian ra'ayat dan perhatian daripada Ahli² dalam Dewan ini, juga menganggap bahawa belanjawan ini

merupakan satu belanjawan yang sederhana dan satu belanjawan yang tidak menyusahkan dan menimbulkan berbagai² masaalah di-dalam kehidupan ra'ayat kita sekarang ini, tetapi walau bagaimana pun kesederhanaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di-dalam belanjawan ini oleh pihak Pembangkang tentu-lah menganggap bahawa belanjawan ini merupakan belanjawan pilihan raya, kata-nya, dan untuk menarek perhatian orang ramai kapada menyokong dasar Kerajaan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagi fahaman saya sendiri belanjawan yang di-kemukakan ini satu belanjawan yang sa-benar-nya membuktikan dengan terang-nya kapada ra'ayat di-dalam negeri ini yang telah memberikan kepercayaan kapada Kerajaan Perikatan, bahawa Kerajaan Perikatan telah dapat mempertahankan keutuhan ekonomi di-dalam negara kita dan mempertahankan kekuatan mata wang negara kita ini sa-kali pun beberapa kerisis kewangan berlaku di-Eropah dan di-mana² juga, sama ada di-sedari atau tidak di-sedari keutuhan ekonomi yang ada di-dalam negara kita ini membuktikan kekokohan politik yang di-pimpin oleh Kerajaan Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita menganggap bahawa kekokohan ekonomi ini ada dalam negara kita dan kita merasakan bahawa kekokohan itu akan kekal dengan kekal-nya Kerajaan Perikatan ini sa-sudah pilihan raya yang akan datang tetapi kalau kita memandang kapada kehidupan dan keadaan ra'ayat di-luar bandar dan ra'ayat kita sendiri tentu-lah kita merasa bahawa kekokohan ekonomi itu belum dapat di-rasakan sa-chara merata oleh ra'ayat kita di-luar bandar seperti yang telah di-sebutkan oleh sa-bahagian daripada teman² saya.

Saya merasa perlu menyatakan bahawa perimbangan ekonomi di-dalam kehidupan ra'ayat di-dalam negara kita ini belum ujud walau pun kita bermati²an untuk merebut kemerdekaan semenjak daripada sudah tamat peperangan dunia yang kedua ini bagi mengembalikan hak ka-tangan sa-bagai

bangsa dan negara yang merdeka dan sa-telah mencapai kemerdekaan itu 12 tahun sampai pada hari ini kita belum lagi merasa bahawa apa yang kita perjuangkan itu telah sampai kapada matalamat-nya, tetapi kita berjuang terus supaya apa yang kita hendak, supaya ra'ayat seluruh-nya yang merupakan ra'ayat di-dalam bandar mahu pun ra'ayat di-luar bandar mendapat perimbangan di-dalam kehidupan-nya kerana dengan demikian akan dapat mengkokohkan perekonomian negara dan juga politik negara kita. Saya tertarek hati kapada pandangan yang di-berikan oleh beberapa sahabat saya dalam Dewan ini yang membangkitkan masaalah² perkauman, masaalah² bumiputra. Apakah erti-nya bumiputra dan apa-kah guna-nya kita hendak meninggikan ekonomi yang di-sebutkan kapada ra'ayat bumiputra itu.

Tuan Yang di-Pertua, mahu atau tidak mahu, kita terpaksa menyedari bahawa dalam negara kita ini ada bumiputera. Sama ada kita mengaku atau tidak mengaku diri kita ini sa-orang bumiputera atau tidak, terserahlah kapada rasa di-dalam hati kita masing². Ada orang memikirkan bahawa bumiputera itu ia-lah orang yang lahir di-dalam negeri ini semata² dan walau pun ia di-lahirkan daripada turunan orang bukan daripada asal negeri ini. Tetapi manakala kita menganggap dia sa-orang bumiputera dia akan menentang kerana dia bukan pada hakikat-nya bumiputera. Pada perjuangan kita sekarang ini kita meninggikan dan kita memperbaiki nasib bumiputera oleh kerana kita tahu bahawa nasib bumiputera ini ada-lah nasib yang terlalu malang sejak daripada zaman penjajahan sampai-lah kapada sa'at kita sekarang ini yang di-dalam usaha Kerajaan Perikatan hendak memperbaiki nasib bumiputera itu. Tujuan kita hendak memperbaiki nasib bumiputera, memperbaiki ekonomi bumiputera ini bukan dengan tujuan hendak merampas hak orang lain atau pun hendak menekan kepunyaan² orang lain yang bukan bumiputera, hendak merampas hak mereka itu di-berikan kapada bumiputera—tidak. Tetapi tujuan kita sa-benar-nya ikhtiar Kerajaan harus-lah

di-jalankan supaya kehidupan yang tidak saimbang di-antara bumiputera dengan yang bukan bumiputera yang kedua² ini menjadi warganegara Malaysia, yang akan tinggal dengan aman dan damai di-negara ini. Perbezaan yang ada di-antara dua kumpulan ra'ayat yang satu bumiputera dan yang tidak bumiputera ini biar-lah tidak terlalu dalam, biar-lah perbezaan ini dapat kita timbus, dapat kita hapuskan sa-hingga perasaan berbumpu-putera dan tidak berbumpu-putera ini hilang sedikit demi sedikit. Kalau andai-nya orang² yang bukan bumiputera merasa bahawa ikhtiar Kerajaan hendak memperbaiki nasib bumiputera ini merupakan suatu duri di-dalam daging mereka ini, maka saya suka memberi ingatan bahawa sa-lama keadaan yang majority, ra'ayat yang ramai dalam negeri ini yang terdiri daripada bumiputera yang hidup-nya tidak begitu sempurna di-biarkan sahaja, maka orang² yang demikian ini akan mencari suatu jalan pada akhir-nya bagaimana dia hendak hidup di-atas negara-nya sendiri, bagaimana dia hendak melanjutkan pelajaran anak²-nya bagaimana dia hendak hidup seperti orang lain hidup di-dalam negara-nya. Bagi mereka ini sa-rupa-lah kita katakan seperti orang yang sedang lemas, kalau sa-kira-nya di-dalam masa dia hendak lemas itu tak di-berikan pertolongan sa-hingga dia lemas, baharu kita hendak memberikan pertolongan, maka orang yang sedang lemas ini akan menchapai siapa juga yang akan memberi bantuan kepada-nya. Di-sini-lah yang kita khuatirkan di-sa'at yang tidak dapat kita memperbaiki nasib bumiputera ini dan ada prejudice terhadap usaha² tentang pembangunan ekonomi bumiputera ini tidak di-perbaiki, maka anasir² komunis akan menyeludupi masuk ka-pehak² orang² yang miskin, yang susah ekonomi-nya tidak kuat ini dan akhir-nya akan menjadikan negara kita ini negara yang tidak aman pada masa yang akan datang, maka jelas-lah usaha² Kerajaan Perikatan di-dalam membina masyarakat dan perekonomian bumiputera ini tujuan yang akhir-nya ia-lah matalamat yang tegas yang di-sebutkan oleh dasar Perikatan sendiri untuk menchapai keamanan negara ini untuk menchapai

ke'adilan dan pembangunan, kema'amoran negara; kema'amoran ke'adilan dan keamanan ini tidak akan terchapai, tidak akan wujud, baik dari segi ekonomi, baik dari segi politik, tidak akan wujud keamanan itu, tidak akan wujud kema'amoran itu, tidak akan wujud ke'adilan itu, andai-nya di-antara bumiputera dengan yang bukan bumiputera masih mempunyai perbezaan yang jauh dari segi ekonomi dan dari segi penghidupan. Oleh kerana itu-lah saya meminta kepada saudara² kita yang bukan bumiputera yang kehidupan mereka telah demikian lumayan, yang penghidupan mereka telah demikian tinggi-nya memberikan kesedaran, keinsafan sedikit bahawa kewajipan kita patut meninggikan kedudukan ra'ayat yang terdiri daripada bumiputera naik bersama² sa-hingga hilang perbezaan, faham perkauman yang ada di-dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah rasa saya yang di-bimbangkan oleh Parti² Pembangkang. Satu daripada pihak parti Pembangkang mithal-nya orang² daripada PAS yang selalu menganggap bahawa dengan ada-nya kerja yang di-jadikan usaha yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan di-dalam membangun perekonomian bumiputera ini merupakan suatu gejala yang tidak sihat kepada fikiran orang² PAS dan selalu menekankan bahawa nasib orang bumiputera di-dalam negara ini merupakan nasib yang tak siapa yang hendak membela-nya, melainkan orang PAS sendiri, kata mereka, tetapi sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, usaha yang telah kita jalankan dari segi pembangunan ekonomi negara kita dan usaha yang telah kita jalankan di-dalam memperbaiki nasib bumiputera jelas, jelas dalam semua bidang, dalam semua usaha, tetapi penyakit yang sekian lama telah di-deritai oleh ra'ayat bumiputera sejak di-zaman penjajahan sampai di-sa'at sekarang ini tentu-lah tidak akan dapat di-baiki dalam sa-kelip mata, dalam waktu yang pendek, memakan masa yang panjang dan sekarang dia mula berjalan. Dan dengan ada-nya perjalanan sekarang ini, kita sudah nampak pasokan² atau pun nampak usaha² yang di-jalankan oleh pasokan bumiputera ini

sudah mulai dapat merapatkan dirinya dengan orang² yang bukan bumiputra bersama² bekerja untuk kebaikan masa depan negara kita, ekonomi dan politik-nya.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang kita kemukakan sekarang ini merupakan suatu dasar atau satu polisi kepada dasar ekonomi kita yang di-chakapkan, yang di-sampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di-dalam sidang kita kali ini. Saya tidak pernah mendengar di-dalam Dewan ini sa-kali pun—saya telah duduk di-dalam Dewan ini hampir 10 tahun menjadi Ahli Dewan—Saya belum pernah mendengar satu dasar yang konkrit yang di-kemukakan oleh Parti Pembangkang di-dalam membentok satu dasar ekonomi negara, mithalnya pada masa dahulu di-luar Dewan ini, saya pernah mendengar Persatuan Islam sa-Tanah Melayu atau PAS selalu mengemukakan, dia tidak bersetuju dengan dasar ekonomi Perikatan yang ada sekarang. Dia tidak bersetuju dengan sistem ekonomi yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan dengan bentok-nya yang ada sekarang, tidak mahu mengambil atau membawa modal² luar masuk ka-dalam negara kita, tidak mahu itu, tidak mahu ini. Mereka selalu menyatakan di-dalam satu ucapan yang bertulis oleh Yang di-Pertua-nya atau Pemangku Yang di-Pertua, Pemimpin besar-nya, bahawa dasar ekonomi PAS ada-lah bukan kiri dan bukan kanan, bukan Perikatan dan bukan Kominis. Kami, tidak mahu Perikatan, kami tidak mahu kominis, kita mempunyai dasar tengah; kiri tidak, kanan pun tidak, atas tidak, bawah pun tidak, dan saya tambah, Tuan Yang di-Pertua, jantan tidak, betina pun tidak, maka dasar ekonomi PAS nyata-lah dasar ekonomi pondan yang tak tentu hujung pangkal. Saya menchabar Ahli² Yang Berhormat daripada PAS menyatakan dasar ekonominya, kalau dia tidak mahu kepada dasar ekonomi yang menguatkan belanjawan kita yang memberikan dan menerima, menchari wang untuk mengekalkan keamanan negara kita ini, menjalankan pentadbiran dalam negara ini, membayar gaji kepada pegawai² kita, memberikan gaji atau pun sara

hidup kepada badan² yang menjaga keamanan, mempertahankan keutuhan kewangan negara, menarek modal² asing ka-dalam negeri. Kalau ini semua di-tentang oleh PAS, PAS tidak mahu ini semua, kita menchabar apakah bentok ekonomi yang hendak di-kemukakan dalam ini.

Sa-puloh tahun sudah, Tuan Yang di-Pertua, mereka ashek mengatakan ekonomi kami ada dasar-nya, kiri tidak, kanan pun tidak, kami jalan tengah². Tengah² yang mana, sudah chukop masak, dan kalau ini tidak dapat tidak di-kemukakan, maka erti-nya sama-lah seperti daripada Yang Berhormat Pak Haji kita tadi yang mengatakan Ahli PAS hanya baharu tinggal darjah satu, darjah satu, darjah satu. Sejak saya dalam PAS dahulu, Tuan Yang di-Pertua, jauh lebeh lama, tahun 1959 dahulu, di-sa'at itu saya menentang dasar PAS yang tidak mempunyai dasar sampai hari ini. PAS tidak mempunyai dasar dalam soal ekonomi. PAS tidak mempunyai chara bagaimana hendak menyelamatkan negara, bagaimana hendak membela bumiputra, bagaimana hendak menghadapi orang yang sudah menjadi senang dalam negara ini yang terdiri daripada orang yang bukan bumiputra. Masaalah ini tidak dapat di-pecahkan dan kalau benar² kita berpolitik biarlah kita kemukakan masaalah ini menjadi forum, menjadi masaalah yang kita kemukakan dalam platform pilihan raya kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan ini oleh kerana negara² lain telah menghadapi kekechohan ekonomi negara² lain, telah berbunohan dalam soal kewangan, dalam soalan kejatohan mata wang dan soal berbagai² lagi. Ada yang bank di-tutup berhari² lamanya, rusohan berlaku di-sana-sini, tetapi negara kita ini sa-buah negara yang dapat menjamin kekukohan ekonomi sa-kali pun berlaku rusohan, tetapi rusohan yang berlaku itu bukan oleh kerana jatuh-nya mata wang kita, tetapi jatuh-nya mata wang sterling sahaja, bukan mata wang Malaysia, tetapi Parti Pembangkang menggunakan masaalah² ini untuk kepentingan politik-nya dan malahan PAS sendiri

manakala kita keluarkan duit note \$1 dan ada chap kapal layar, itu pun dijadikan alat politik

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak-lah kejatohan mata wang atau pun pertukaran mata wang yang berlaku di-dunia luar itu memberi kesan kepada mata wang di-negara kita mengikut Monetary System. Ada-kah langkah yang berlaku di-sini kerana tidak memberi effect di-sini. Monetary System mana yang tuan bacha dalam dunia ini, ekonomi mana?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kita mengetahui barang sa-suatu yang berlaku di-dalam dunia ini, dia akan mempunyai kait-mengait di-antara satu dengan lain, tetapi yang menjadi masalaah kepada kita, punca kejatohan mata wang itu, kita-kah yang menyebabkan-nya itu atau orang lain. Ini masalaah-nya. Ada-kah orang kita yang menjatuhkan, kita yang menurunkan-nya mata wang kita atau kerana inflasi yang berlaku di-luar negeri yang berlaku di-negara² di-mana mata wang itu mempunyai hubungan yang langsung atau tidak langsung perekonomian-nya dengan negara kita. Jadi kalau masalaah ini kita kemukakan masalaah ini kita bahath, kita tidak berdosa dalam perkara ini, kita tidak patut di-salahkan. Kita tidak patut bawa rendong, di-pukul rata begitu sahaja, orang di-sterling yang menyebabkan kita yang mesti membayar dengan darah. Ini tidak adil, tetapi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haij Abu Bakar bin Hamzah: Saya chakap tadi sedikit sahaja, adakah kejatohan mata wang luar negeri tidak memberi effect kepada mata wang kita di-sini mengikut Monetary System, itu yang saya tanya?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Telah saya chakapkan tadi, bukan sahaja masalaah mata wang, tetapi apa juga masalaah, baik masalaah politik umpama-nya, masalaah² yang berkaitan dengan ekonomi di-luar negeri dan kalau kita sa-bagai suatu unit daripada dunia ini merasakan effect-nya dan apa lagi kalau masalaah kewangan di-mana kita tidak akan berdiri sendiri dalam masalaah ekonomi negara jika, sebab

itu, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, walau pun ada hubungan-nya di-antara kita dengan sebab² kejatohan mata wang luar negeri, tetapi kita tidak patut di-salahkan, negara kita tidak patut di-salahkan oleh kerana kejatohan mata wang luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun juga kekeliruan yang di-buat oleh Ahli² Pembangkang dalam Dewan ini, ra'ayat tahu, ra'ayat mengerti kerana itu-lah kita berikan fahaman kepada mereka. Kita beri pelajaran daripada sekolah enam tahun sampai kepada University; daripada orang yang tidak dapat peluang sekolah sampai kepada orang yang dewasa, kita berikan pelajaran, kita berikan Sekolah Dewasa ka-kampung² supaya terbuka mata-nya, terbuka telinga-nya, terbuka perhatian-nya, jangan hanya di-selubongi oleh fahaman fanatik yang di-kemukakan oleh Ahli PAS dengan serban-nya, dengan janggut-nya, dengan sikap-nya, dengan tasbih-nya, membohongi dan menutup mata orang ramai. Ini yang di-tentang oleh Ahli PAS, tentang Sekolah Dewasa yang kita dengar dalam Dewan ini.

Sa-bentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Ulu, Pak Haji kita ini menyatakan, menentang dasar Kerajaan membuang wang dalam Sekolah Dewasa dan dia kata tak ada guna. Dia keluarkan ayat Qur'an dia keluarkan Hadith Nabi, tetapi tidak-lah ada Hadith Nabi yang mengatakan tuntutan ilmu daripada buayan sampai ke-lubang lahad. Kenapa ayat ini tidak di-keluarkan-nya, tuntutan ilmu sampai ka-negeri China, sa-akan² Hadith ini tak ada, dia tidak keluarkan dan kita mengadakan Sekolah² Dewasa ini, kerana hendak memberikan layanan yang sama kepada ra'ayat kita di-luar bandar dalam soal pelajaran, dalam soal pendidekan, dalam soal pengetahuan supaya mereka ini jangan di-bohongi dengan sebab² politik, dengan kehendak² politik. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah tugas kita. Ini usaha kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya di-dalam perkara² ini, tetapi saya suka menarek perhatian ia-itu menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada

pehak polis. Pehak polis ini, Tuan Yang di-Pertua, yang bekerja siang malam tak tentu hujan, tak tentu petir, dari peringkat tinggi sampai-lah ka-peringkat bawah dan tentu-lah Ahli Yang Berhormat dari Bachok tahu nasib mata² ini, tentu dia akan menyokong chakap saya, Tuan Yang di-Pertua. Nasib polis ini ada-lah suatu nasib yang patut di-ambil perhatian dan juga kita menguchapkan sa-tinggi tahniah dan terima kaseh kepada mereka itu, sebab mereka ta'at mereka itu patoh kepada undang². Mereka menjalankan undang². Mereka itu patoh kepada ketua, kalau ketua kata tangkap orang ini, dia tangkap. Raid orang ini, dia pun bawa masuk ka-dalam lokap, dia masukkan dalam lokap. Soal fasal apa engkau salah itu bukan soal polis, itu tak soal polis. Soal polis, tangkap orang. Dia dapat perintah tangkap, dia tangkap Ahli Yang Berhormat dari Bachok tentu tahu, dia bekerja ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya uchapkan berbanyak terima kaseh kepada polis, sebab Tuan Yang di-Pertua, telah di-kecham oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Ulu ini yang mengatakan tak patut polis ini tangkap tok guru. Bukan soal tok guru, Tuan Yang di-Pertua, soal salah atau tidak. Tok Guru ini boleh jadi salah, dia bukan maksum, dia bukan Nabi. Ada tok guru yang salah, ada tok guru yang tak salah. Ada pak lebai yang salah, ada pak lebai yang tak salah. Jadi bukan pula polis ini mesti tangkap tok guru, mesti lokap tok guru, mesti masukkan dalam jail tok guru, kerana sebab dia dapat perintah tangkap orang ini, sebab-nya ada-lah salah, dan sa-orang daripada mereka yang mengatakan kesalahan itu ada di-Perak sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Omar yang telah membuka rahsia ini, fasal apa dia kena tangkap. Fasal apa PAS telah gunakan dia sa-bagai alat untuk mengatakan begitu, mengeluarkan fatua². Dia dikeluarkan risalah², dia berchakap di-merata² tempat sekarang ia-itu ia di-tipu oleh PAS. Saya telah di-sebutkan oleh PAS menjadi alat PAS, gunakan Hadith Nabi, gunakan ayat Qura'an, sa-hingga orang berkechamok, sa-hingga orang

bertelagah, sa-hingga orang berbunuh² maka dia kena tangkap. Sa-telah dia kena tangkap, ini kerja polis, dia sudah masuk, suroh dia rehat dan fikiran-nya betul, baharu-lah dia mengatakan jalan saya ini jalan salah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya uchapkan berbanyak terima kaseh kepada pehak polis, bukan itu sahaja, tetapi beberapa banyak gangster², beberapa banyak pasokan² haram yang polis terkorban. Poils banyak terkorban dan baharu² ini berlaku rompakan² di-mana² juga dan polis juga terkorban, sebab itu satu usaha patut di-buat oleh Kerajaan.

Sa-lain daripada kita menchari duit untok menjaga keamanan negara kita, masa polis dan ashkar kita yang menjaga keamanan itu patut mendapat perhatian, mereka hendak-lah mesti ada, saya chadangkan mesti di-berikan insuran nyawa, jika meninggal dunia dalam menjalankan tugas-nya supaya anak²-nya tidak terbiar saperti yang kita terdengar baharu² ini sa-orang yang telah meninggal dunia kerana korban di-Kroh, anak lapan orang, siapa pun tak ambil tahu dan kita kutip-lah duit sedikit, bantu mereka; berapa lama yang boleh dia hidup begitu dan bukan sa-orang—beribu², sebab itu Kerajaan patut ambil satu initiative, suatu usaha supaya mereka ini dapat penchen, isteri-nya mendapat pinjaman yang kekal supaya di-berikan dia sara hidup yang kekal, atau di-berikan dia insuran nyawa yang boleh dia menyambung hidup-nya manakala suami-nya meninggal dunia atau polis itu meninggal dunia.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian berkenaan kegiatan kastam yang akhir² ini bersama² dangan Pegawai² Penchegah Rasuah telah bekerja untok menyelamatkan wang negara. Baharu² ini telah berlaku satu penyeludupan di-pantai kita ini, dekat Kuala Selangor dan kita telah dapat pasokan kastam, pasokan polis telah dapat menyelamatkan berjuta², beratus² ribu ringgit, berpuluh² ribu ringgit. Tuan Yang di-Pertua, mereka melakukan kerja ini pada tengah malam boleh jadi orang² yang melakukan penyeludupan ini

mempunyai bren gun, machine gun, pistol dan mereka pada suatu waktu boleh terkorban kerana itu juga kepada pasokan² ini, yang menjaga, mengawal kewangan negara yang menjaga penyeludupan, jangan-lah masok ka-dalam negara kita ini di-beri jaminan oleh Kerajaan bahawa kalau mereka terkorban, maka anak isteri mereka itu dijamin oleh Kerajaan, di-beri bantuan oleh Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran-nya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentoh soal FLDA, satu usaha bagaimana kita hendak memberikan tanah kepada orang yang tidak mempunyai tanah; satu usaha bagaimana kita hendak memberikan kepada orang yang tidak ada itu hidup agak lumayan daripada orang yang berada, maka saya harap usaha² FLDA yang sekarang ini telah menunjukkan bukti² kebenaran-nya dan kejayaan-nya. Jangan-lah di-benarkan di-dalam FLDA itu kegiatan² politik; orang PAS masok ka-sana, dia buat salah-lah; Parti Ra'ayat masok sana dia buat cherita lain, orang DAP juga masok di-sana sa-hingga peserta² itu kelim-kabut dengan politik. Kerja dikampong, kerja di-tanah dia tidak buat, dia tidak jalankan kerja-nya, dia ashek buat politik. Datang orang² PAS dia dengar cherita orang PAS; datang DAP, dia dengar DAP, datang Gerakan dia dengar Gerakan pula, dan dia maki balek kepada Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, dia maki balek kepada kita, pada hal dasar kita ia-lah hendak menolong dia dan orang ini memang orang yang tidak ada duit dan tidak ada tanah, orang yang tidak ada langsung, sebab itu patut di-buat satu undang², FLDA supaya tidak membenarkan sa-barang parti politik hatta parti politik Kerajaan sa-kali pun, jangan di-benarkan masok ka-dalam ranchangan FLDA itu, sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu benar satu daripada ranchangan FLDA yang pertama yang kita buat dahulu ia-itu di-Ayer Lanas di-negeri Kelantan. Oleh kerana parti politik masok di-situ ia-itu PAS masok di-situ sa-hingga keadaan di-Ayer Lanas itu menjadi kelim-kabut dan kalau tidak-lah dengan pertolongan Kerajaan juga maka akhir-nya kita akan menanam duit, menchampakkan

duit ka-dalam longkang sahaja. Ini satu bokti yang menunjukkan bahawa kalau di-benarkan kegiatan parti politik masok ka-dalam ranchangan FLDA maka akan mengechewakan chita² kita untuk memberikan pilehan yang baik kepada ahli², anggota² FLDA ini pada ranchangan ini pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit pada soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan tadi, dia menyebutkan berkenaan dengan keris dengan bulan bintang. Tuan Yang di-Pertua, saya mengshorkan di-sini supaya Kerajaan atau pun supaya Surohanjaya Pilehanraya mengambil satu tindakan mengharamkan simbol yang berbentok universal, berbentok kepunyaan orang ramai, mithal-nya bulan bintang. Bulan bintang ini bukan-nya kepunyaan PAS. Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Johor menggunakan bulan bintang. Kerajaan Trengganu menggunakan bulan bintang. Kerajaan Selangor menggunakan bulan bintang dan banyak lagi Kerajaan² Negeri yang lain menggunakan bulan bintang. Kerajaan Pakistan pun menggunakan bulan bintang. Ini bukan kepunyaan satu parti politik dan tidak patut sa-hingga di-dalam negara kita ini di-atas punchak masjid² pun kita letakkan bulan bintang, ma'ana-nya bukan-lah masjid itu PAS buat (*Ketawa*) tetapi dengan membenarkan bulan bintang itu di-jadikan simbol oleh PAS, maka dia telah mengelirukan pandangan orang ramai. Dia kata bulan bintang ini Islam, siapa tidak pilih Islam, dia kafir. Ini-lah yang digunakan oleh PAS di-mana² juga.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum pilehanraya tahun 1959 yang pertama dahulu PAS masok bertanding dalam pilehanraya tahun 1955 yang pertama sa-belum Merdeka. Waktu itu PAS telah meminta supaya di-gunakan bulan bintang, tetapi sa-telah Surohanjaya Pilehanraya mengharamkan tidak membenarkan di-pakai. dan akhir-nya PAS menchari tanda dia, ia-itu tapak tangan lima bagini: ini tanda PAS tahun 1955 sebab dia berkata rukon Islam lima perkara, itu dia punya fasal-lah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam 1959 Surohanjaya Pilehanraya terima bulan bintang, apa sebab, fasal apa

dia terima balek? Saya menggesa Kerajaan supaya mendesak Surohanjaya Pilehanraya merojok balek kepada fail-nya pada tahun 1955 di-mana Surohanjaya Pilehanraya ini telah mengharamkan penggunaan bulan bintang di-dalam sa-barang simbol pilehanraya, kerana itu merupakan satu penghinaan, atau pun merupakan perkara yang boleh menimbulkan salah sangka di-kalangan orang² Islam. Tetapi tahun 1959 PAS telah dapat menggunakan balek bulan bintang ini dan sejak daripada itu sampai-lah kepada masa sekarang ini PAS menggunakan bulan bintang, dan bulan bintang itu oleh PAS bukan sahaja sa-bagai tanda pilehanraya, tetapi sa-bagai tanda azimat untuk menyelamatkan diri-nya di-dalam kubor dan malaikal maut tidak hendak seksa dia dalam kubor. Ini satu perbuatan yang salah dalam Islam. Kalau Surohanjaya Pilehanraya ini dapat menghapuskan bulan bintang daripada PAS tadi, dia telah membuat satu pahala yang paling besar menyelamatkan umat² Islam daripada dosa yang di-buat oleh orang² PAS. Dan kalau Surohanjaya Pilehanraya membiarkan ini, maka dia akan bertanggung-jawab di-hadapan Tuhan Rabbul jalil, kerana dia telah membenarkan bulan bintang itu di-gunakan oleh satu puak yang menganggap diri-nya Islam dan orang yang tidak bulan bintang itu orang kafir. Ini saya beri amaran kepada Surohanjaya Pilehanraya, sebab ayat Qura'an pun dia telah keluarkan, dia sebut siapa buat baik, dia akan terima baik; siapa buat jahat, dia akan terima jahat dan siapa sudah mati itu dia akan di-terima oleh Tuhan.

Saya suka memberitahu kepada Surohanjaya Pilehanraya, bahawa bulan bintang itu bukan kepunyaan PAS, tetapi bulan bintang kepunyaan umat Islam seluruh-nya dan kerana itu kita patut mengharamkan bulan bintang ini daripada di-gunakan oleh PAS.

Tuan Yang di-Pertua, pada sedikit masa dahulu baharu Kerajaan sedar bahawa di-dalam bendera PAS itu ada bertulis Allah dengan Mohammad. Allah dengan Mohammad pun dia masukkan di-dalam politik, Tuan Yang di-Pertua. Bagini jahat-nya orang PAS.

Patut orang² ini kita purokkan di-dalam jail semua-nya, kalau Allah ta'ala di-purokkan

Tuan Haij Abu Bakar bin Hamzah:

Kalau dia kata tangkap, saya bawa motion dalam itu, bawa motion sekurang di-dalam Rumah ini tangkap saya

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Minta kebenaran, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak berchakap. Pada suatu masa dahulu PAS telah menggunakan Allah dan Mohammad. Dia bawa Allah dan Mohammad, hendak masok ka-dalam pilehanraya—punya jahat! Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita sudah beri tahu kepada Surohanjaya Pilehanraya, kepada Registrar of Societies supaya mereka itu terek balek tolong-lah hilangkan, bukan ma'ana-nya kita hendak beri, hendak pakai nama Allah dan Mohammad, jangan jadikan Allah dan Mohammad itu sa-bagai politik—jangan; hendak bantai, bantai yang lain-lah, tetapi jangan Allah dan Mohammad di-bawa dalam politik. Ini jahat-nya orang PAS. Patut banyak di-antara mereka itu yang kita sudah masokkan di-dalam tahanan dan insha'Allah banyak lagi yang kita hendak masokkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kita tidak membuang, tidak meminta orang PAS buang tulisan Allah dan Mohammad daripada bendera-nya, kerana itu kesuchian, maka sa-lama itu-lah Kerajaan ini akan bertanggung-jawab di-hadapan Tuhan bahawa kita telah membiarkan nama kesuchian Allah dan Mohammad ini di-permain²kan oleh orang² PAS. Demikian juga-lah saya minta kepada Surohanjaya ini supaya bukan bintang ini di-haramkan daripada di-gunakan oleh sa-barang parti politik di-dalam negeri kita ini kerana dia memang sudah di-gunakan oleh negeri² sa-bagai simbol negeri²-nya; simbol ugama Islam yang maha suchi, dan jangan-lah di-nodai oleh orang² PAS.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir ucapan saya ini, kalau dia mengatakkan tadi bahawa dia tidak berkhianat

bahawa dia tidak bersalah; apa-lah salah orang PAS ini; apa-lah salah kita, dan dosa kita ini kena tangkap dan kena tahan. Tuan Yang di-Pertua, dia lupa bahawa suatu masa dahulu Ketua-nya sendiri Dr Burhanuddin nama-nya, Tuan Yang di-Pertua, pernah membuat ikatan bagaimana hendak membuat negara di-luar negeri dan mengishtiharkan-nya di-luar negeri. Ini bukan-kah satu pengkhianatan tetapi Kerajaan kita ini bukan-lah Kerajaan Vietcong atau Kerajaan Bintang Tiga. Kalau Kerajaan Bintang Tiga atau Kerajaan Vietcong, orang ini sudah di-hantar ka-nuraka lebih dahulu. Orang ini pengkhianat kepada negara. Chuma kita tahan dia dan dia mengaku bahawa beliau hendak menubuhkan Kerajaan di-Karachi. Ini satu pengkhianatan yang besar dan pada faham saya sudah sampai sa'at-nya Kerajaan kita ini berhati² terutama sa-kali di-dalam masa kita menghadapi pilihanraya yang akan datang dan pembangunan kita dalam usaha mengekalkan keamanan, keutuhan politik yang ada dalam negara kita ini. Kita harus melihat juga anasir² sa-lain daripada anasir² subversive yang kita takutkan daripada komunis, yang kita takutkan daripada anasir² yang lain, kita patut melihat anasir² yang di-gunakan oleh parti² politik sa-mata² kerana hendak mempertahankan kerusi-nya; sembilan orang dalam Dewan ini tak boleh buat apa, Tuan Yang di-Pertua. Berchakap boleh-lah. Buat melawak boleh-lah, atau minta rahim daripada Kerajaan melawat keluar negeri itu dapat-lah, tetapi hendak membuat dasar Kerajaan, ini dia kami punya polisi dalam soal ekonomi, ini dia dalam soal education, dia tak dapat buat, tak dapat ia hendak mengemukakan-nya sa-lain daripada ia hendak memechahkan orang Melayu sa-sama orang Melayu, dia hendak memechahkan orang² Islam sa-sama Islam. Dia hendak merenggangkan persaudaraan dalam Islam, maka kalau ini-lah peranan yang di-ambil oleh PAS, saya berharap Ahli² Yang Berhormat daripada PAS bermunajat-lah pada malam ini minta sembahyang tahajjud, minta kepada Tuhan mudahan² mereka itu keluar dan

meninggalkan benda yang tidak berfaedah itu. Mari kita kembali bersatu untuk meujudkan keutuhan ekonomi dan politik bagi bangsa kita, bagi negara kita yang terdiri daripada berbagai bangsa, yang terdiri daripada orang yang berada dengan yang tidak berada, yang terdiri daripada bumiputera dengan yang bukan bumiputera; yang terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam, kepada orang yang begitu bagini 'adat-nya bagaimana kita hendak menyatukan mereka itu supaya mereka ini menjadi satu masyarakat negara yang harmony; bagaimana kita hendak dapat mengekalkan keamanan negara ini. Ini yang patut menjadi ubat dalam kepala kita sekarang ini; bukan kita hendak mempertahankan kerusi kita \$750 sa-bulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya redha barangkali tahun hadapan ini barangkali juga tak jumpa dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Bachok dia tak hendak menguchapkan selamat tinggal, biar-lah saya ucapkan kepada-nya selamat jalan daripada Dewan ini. Bahawa yang kita perjuangkan di-dalam Dewan ini bukan kepentingan kita, bukan kepentingan poket kita, perut kita, tetapi yang kita perjuangkan di-dalam Dewan ini ia-lah kepentingan ra'ayat yang saya sebutkan tadi. Kepentingan ra'ayat yang bagini bentok-nya, yang bagini otak-nya berbagai² chara fikiran-nya, maka ini-lah fikiran kita yang hendak di-tujukan. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu parti politik yang akan dapat mengekalkan kekukohan ekonomi, belanjawan yang stable seperti yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini dan kekukohan² yang lain, menarek modal daripada luar seperti yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan; mungkin Kerajaan Perikatan ini salah, ada silap-nya di-sana, ada salah di-sini, ada khilaf, itu tidak mustahil, sebab kita manusia dan dengan sebab itu-lah juga beberapa kali kita telah meminda Perlembagaan. Itu menunjukkan bahawa kita ini bukan manusia yang maksum, bukan manusia yang tak berdosa, yang tak bersalah, mungkin kita bersalah dan masa kita bersalah, kita rasa kita bersalah, kita

baiki kesalahan kita. Pada masa membuat pindaan Perlembagaan kita, kita rasa bahawa masa 60 hari itu sudah patut-lah di-adakan pilihanraya kecil, tetapi satu gerakan daripada Parti Buruh mengatakan dia meletakkan jawatan beramai². Ini menyusahkan ra'ayat, menyusahkan orang ramai, belanja duit banyak², macham² berlaku, maka timbul fikiran kita tak ada jalan lain bagi kita melainkan mengubah Perlembagaan. Demikianlah sifat-nya manusia dan sifat² ini ada kepada Perikatan. Sifat² yang ada kepada Perikatan yang salah, silap, ini bagi kita, kita bersedia memperbaiki-nya. Bagi parti Pembangkang tolong tunjukkan apa dia kesilapan yang kami lakukan. Kami akan perbaiki, tetapi apa yang kita rasa sekarang memperbaiki nasib ra'ayat yang terutama sa-kali, membetulkan soal ekonomi ra'ayat, pelajaran ra'ayat sudah nampak gejala² yang sihat, bentuk yang sihat, sudah nampak keadaan yang akan mengekalkan kedudukan kita sa-bagai negara yang di-hormati oleh dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ucapan saya ini dengan mengucapkan berbanyak² terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya berchakap sebanyak sedikit-nya dan mudahan² Tuhan akan memberi pertunjuk kepada kita dan perbelanjaan yang ada di-hadapan kita ini akan dapat kita jalankan dengan baik-nya dan tahun hadapan sa-sudah pilihanraya, kita akan melihat sa-buah Kerajaan Perikatan yang lebeh kukoh, yang lebeh kuat dan tidak ada sa-barang Parti Pembangkang yang boleh menchuba mengganggu-gugat kekuatan Kerajaan Perikatan ini pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Chan Seong Yoon (Setapak) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, as to be expected, the Opposition will not give credit where credit is due. Instead of complimenting the Honourable Minister of Finance for presenting a well-balanced and painless Budget, the Opposition did their utmost to discredit the Government by calling this an election Budget made to deceive the people. But Sir, the people of

Malaysia are not so naive as the Members on the other side of this House would wish to think. The Opposition Members are under-estimating the people and insulting their intelligence by hoping to mislead them with their unfair, unjust, and groundless criticisms. The facts speak for themselves.

Sir, not so long ago, when the rubber price was at its lowest there was a general opinion that the future of Malaysia was bleak and that the people must tighten their belts and prepare for the worst to meet what some had forecast would be a depression. However, with careful planning, thrift and abolishment of non-essential projects and increased efficiency, the Alliance Government have brought the country's economies through the dark clouds of depression into the silver lining of prosperity without having to cast too much of a burden upon the taxpayers by introducing heavy taxation.

To hear the Opposition speak, Sir, you would think that this country is a bankrupt country. But, as my friend the Honourable Member for Kota Bharu Hilir has said, if our country does not have the confidence of the other countries like America, England and other big powers in the world, surely they would not have given us these great loans of millions of dollars, and the confidence which the public has shown in the Government is evidenced by the fact that public loans are subscribed in very large amounts. There are also obvious visible signs of prosperity in this country, Sir. Public issues of companies are always oversubscribed; foreign investments are steadily flowing in; deposits in the banks have increased; new buildings are going up everywhere; new cars come on the roads; electricity, schools, and other social amenities are being provided for the rural folks. Surely, Sir, these are signs of prosperity. This emergence from the dark clouds into the sunshine is not by accident but is the result of the careful planning and foresight of the Government in preparing the country for eventualities such as this.

In spite of adverse conditions and the low rubber price, the G.N.P. rose by eight per cent in 1968. As everyone knows, rubber is our greatest foreign exchange earner. If the price falls, our trade balance must naturally suffer. But, in spite of the low rubber price, our trade accounts show a substantial surplus of \$653 million in 1968, nearly 25 per cent larger than the previous year. How is it possible, one may well ask. This is made possible by the farsightedness of the Government in diversifying the nation's resources and not putting all our eggs in one basket.

Very often this House has heard criticisms from the Opposition bench that the rural development and F.L.D.A. schemes are a waste of money and not of benefit to anybody. Now, the facts speak for themselves. The thousands of acres of high yielding rubber and oil palm are helping to stabilise our economy and provide employment for the rural population and will continue to be a stabilising factor of our economy for many years to come. This is a tribute to the farsightedness of our Honourable Deputy Prime Minister, who is the architect of rural development, and his painstaking planning is now gradually showing results which benefit the nation as a whole and the rural folks in particular.

It is gratifying to know that the country's export of palm oil has increased by 50½ per cent in 1968 over that of 1967. As there are many thousands of acres now under cultivation, the figure will undoubtedly increase in the next few years.

When a commodity becomes more readily available in larger quantities, the price must naturally decrease. We have been fortunate so far that although there is a sharp fall in the unit value, the present price still allows a reasonable margin of profit, and it is economical to continue cultivating oil palm. We have to compete with other sources of edible oils from many parts of the world, particularly with palm oil from Africa and soya oil from the United States and other parts of the

world. In view of the possibility of a glut on the world market of edible oil in the future when our palm oil estates go into full production, I hope the Government will look into the matter so as to ensure that we will have a market for our produce at a reasonable price in the future, and not suffer the fate of coffee in some countries, where they have to dump it into the sea to maintain market prices.

Another farsighted policy of the Government which I wish to compliment is the diversification in the manufacturing industries. The stability of our country's Government and the Malaysian dollar, together with the trade incentives offered to industries, have changed the pattern of Malaysian life from that of a purely agricultural country. We are now able to produce a large number of consumer goods locally, and this has helped in saving foreign exchange and providing jobs for a small section of the population.

Although one expects locally manufactured goods to be much cheaper than the imported goods, I very much regret to say this is not so, even though manufacturing companies are enjoying tax holidays. However, as a young developing nation embarking into manufacturing industries, we have to make certain sacrifices. The general public finds it difficult to understand this, but I am sure they will not mind paying a little more, if they know that they are contributing to save foreign exchange and provide more jobs for the unemployed.

The general feeling is that the industrial programme has not done enough to ease the unemployment situation as most of the multi-million-dollar factories only employ 100 to 200 workers. This is not the fault of anyone in particular, because in this world of automation labour-saving devices are the accepted methods of economical manufacturing in highly industrialised countries where the cost of labour is very high. In our country, the cost of labour is comparatively cheap, and I hope the Government will make a study of industries which require a large

labour force and encourage the establishment of such industries in our country to help relieve the unemployment problem. May I suggest that the Ministry of Commerce and Industry try to discourage highly automatic push-button machines, when manual labour may be just as efficient and economical? I am not suggesting that we should regard automation with disdain, but I have heard that some automatic machines are purchased for very exorbitant prices and which are so efficient that they are only used two or three days in a month to produce enough to meet the local markets' monthly supply. This job, I am told, could be done by manual labour just as efficiently and economically, taking into consideration the capital outlay, running costs and depreciation.

Mr Speaker, Sir, this unemployment problem, which is gradually being magnified, is in my humble opinion aggravated by the difficulty of obtaining land for cultivation. Many of the rural folks are forced to go into the cities in search of jobs, because although the rural population is rapidly increasing, the acreage of alienated land is not enlarging relatively. This is due to the slow and cumbersome method of the State Governments in processing appli-

cations for land. I would urge the Federal Government to exercise its influence over the State Governments to speed up applications for land for food cultivation and other cultivations. Youth land schemes could be organised and youths could be given every encouragement to cultivate lands both for their own benefit and in the interest of the nation. Such land schemes, I understand, are being successfully organised in France and other European countries and, perhaps, it is worth the while of the Government to study such schemes with a possibility of implementing them in our country.

Sir, in conclusion, I would like to pay tribute to the Honourable Minister of Finance for having been able to produce such a Budget as this which casts no perceivable additional burden on the taxpayer, but which at the same time is able to provide for better facilities, particularly in the social services and in the field of education for the country. Thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 9.30 esok pagi.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.37 petang.

JAWAPAN² BERTULIS KAPADA PERTANYAAN²

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Pulau Pinang

1. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Commerce and Industry in view of the alarmingly dismal economic decline facing Penang what steps he has taken or contemplates taking to arrange a World Bank's survey of the island's economy.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun): The Honourable Member is misinformed when he refers to Penang as facing an alarmingly dismal economic decline. Instead increases in agricultural and industrial output in Penang were recorded. For instance, it is estimated that net manufacturing output of the major industries rose from \$30.4 million to \$50.9 million between 1963 and 1967. General cargo traffic handled by Penang Port might not have changed much. This was due to the loss of a large amount of entrepot trade during Confrontation which has not yet been recaptured. In addition, such commodities as rice and flour imports have tended to decline as local production and import substitution within the country proceeded with industrialisation. Despite some loss in traffic, however, Penang Port continues to handle the largest volume of general cargo in the country. The recent commissioning of three new Butterworth wharves plus two other wharves which are under construction will enable the port to cope with new and increased traffic in the future years, including containerised cargo. On the whole, Penang's economic growth has taken place within the framework of the overall growth of the national economy.

As regards the Honourable Member's desire to know whether arrangements will be made to carry out an economic

survey of Penang, on more than one occasion, the Chief Minister of Penang and the Deputy Prime Minister himself have made known in the press of the action the Government has taken to arrange for an international consultant firm to assist in the preparation of a Master Plan of Development for Penang. In the meanwhile, action has been started by a Joint Federal-State Committee of officials and private persons to prepare the groundwork for the Survey prior to the arrival of the consultants. The consultants themselves will arrive in the next month or so to put the study into full swing.

International Tin Council

2. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Commerce and Industry for details of the decision of the meeting of the International Tin Council held on 18th September, 1968, on tin control.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: The International Tin Council, at its 9th meeting held in London between 17th and 19th September, 1968, took the important decision of declaring the period from 19th September to 31st December, 1968, a period of tin export control. The export quota fixed for all the 6 producer members of the Council was fixed at 42,950 tons for this period of 104 days. This amount was in turn apportioned among the 6 producing countries on the basis of their aggregate production figures for the past 3 years, and their respective shares of the permissible export amount are as follows:

Country	Percentage	Long Tons
Bolivia ...	17.474	7,505
Congo (D.R.)	4.642	1,994
Indonesia ...	9.407	4,040
Malaysia ...	47.159	20,255
Nigeria ...	6.548	2,812
Thailand ...	14.770	6,344
Total ...	100.000	42,950

It will be noted that Malaysia's share has been fixed at 47.159% of the total which works out to 20,255 tons for the full period of 104 days or 17,920 tons

per quarter. The quarterly average produced by Malaysia in 1967 was 18,030 tons while that for the first two quarters of 1968 was around 18,500 tons.

In order to ensure that export control would be fully effective the Council has also passed a resolution at this meeting inviting Australia, which is the most important tin producer within the consumers group in the Council, to reduce her tin exports to the same extent as that applicable to the producer members of the Council during the control period. According to a recent announcement the Australian Government is reported to have agreed to restrict her tin exports, in compliance with this request.

Tuntutan Gaji Kesatuan Pekerja² L.L.N.

3. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Commerce and Industry the reasons for the delay in commencing negotiations on the comprehensive wage claim submitted by the N.E.B. Employees Union on 1st February, 1967, and conclusion of an agreement, and whether he was aware that Government had conceded pay rises as recommended by the Suffian Commission to Government I.M.G. employees and Division IV Officers with effect from 1st August, 1968.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: As a result of the Agreement concluded on 22nd July, 1968, between the Government Division IV and I.M.G. workers represented by the Staff Side of the National Whitley Council and the Government represented by the Chief Secretary, the Division IV and I.M.G. workers of the N.E.B. have since been offered the same terms as those accepted by the Government Division IV and I.M.G. workers with effect from 1st August, 1968.

4. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Commerce and Industry if he was aware of simmering unrest amongst N.E.B. Employees over the protracted delay in dealing with their Comprehensive wage claim and that it is in the national interest to prevent any industrial unrest in the electricity

industry, and if so, to state what action he contemplates taking.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: It is because it is in the national interest to prevent any industrial unrest that the National Electricity Board has offered the same terms to its Division IV and I.M.G. workers as has been accepted by the Government Division IV and I.M.G. workers.

Kilang Arak

5. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan hingga pada masa ini berapa banyak kilang² atau tempat² perusahaan mengeluarkan minuman keras yang ada dalam negeri ini dan apa nama kilang² tersebut.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Buat masa ini, yang berikut ia-lah kilang² pembuat dan penyuling minuman keras yang di-ketahui telah di-dirikan dalam Malaysia:

(a) Kilang pembuat—

- (i) Malayan Breweries, Kuala Lumpur.
- (ii) Guinness Malaysia, Petaling Jaya.

(b) Kilang² penyuling—

- (i) Tong Aik Distillery Ltd, Muar.
- (ii) Fook Heng Distillery Ltd, Johore Bahru.
- (iii) Ban Joo Lee, Seremban.
- (iv) Lim Lean Teng Distillery, Sungei Patani.
- (v) Tay Miang Guan, Melaka.

Presently the following are the known breweries and distilleries set up in Malaysia:

(a) Breweries—

- (i) Malayan Breweries—Kuala Lumpur.
- (ii) Guinness Malaysia—Petaling Jaya.

(b) Distilleries—

- (i) Tong Aik Distillery Ltd—Muar.
- (ii) Fook Heng Distillery Ltd—Johore Bahru.

- (iii) Ban Joo Lee—Seremban.
- (iv) Lim Lean Teng Distillery—Sungei Patani.
- (v) Tay Miang Guan—Malacca.

Simpanan Padi

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa banyak wang yang telah di-gunakan bagi Simpanan Padi dalam tahun 1968 berbanding dengan jumlah wang yang di-gunakan pada tahun 1967; nyatakan sebab² perbezaan; jika ada.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Oleh kerana Stokpail Beras Kerajaan di-adakan untuk tujuan strategi, maka dukachita ma'alumat yang di-minta itu tidak boleh di-umumkan.

As the Government Rice Stockpile is maintained for strategic purpose, it is regretted that the information sought cannot be disclosed.

Penasihat² Perdagangan dan Pertanian

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa bilangan penasihat² perdagangan dan pertanian yang berkhidmat dengan Malaysia dalam tahun 1967 dan 1968 dan nyatakan jumlah orang² Malaysia yang menjalani latehan di-negara Israel dalam tahun 1967 dan 1968 dalam lapangan² tersebut.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun:

- (a) (i) Penasihat² Perdagangan—Tiada.

- (ii) Penasihat² Pertanian—

Puncha	1967	1968
Pertubohan Makanan dan Pertanian (Sedky) ...	1	1
Ranchangan Colombo Canada ...	3	3
Ranchangan Colombo U.K. ...	1	1
Jepun ...	2	2

- (b) Tidak ada pegawai perdagangan dan pertanian menjalani latehan dalam 1967/1968 di-Israel.

- (a) (i) Trade Advisers—Nil.
- (ii) Agricultural Advisers—

Source	1967	1968
F.A.O. (Sedky) ...	1	1
Canadian Colombo Plan	3	3
U.K. Colombo Plan ...	1	1
Japan ...	2	2

105. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan akan mengemukakan satu undang² bagi "mengharuskan penggugoran anak" dalam negeri ini seperti yang di-lakukan oleh Parlimen Singapura baru² ini. Jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Tiada. Kerajaan berpendapat rancangan keluarga yang di-jalankan di-negara kita ini pada masa ini menchukupi bagi mengurangkan kenaikan angka ramai orang di-negara ini.

No. The Government is of the view that the Family Planning Programme currently implemented in the country is sufficient measure at this stage to restrict population growth.

Pereksaan X-Ray

106. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan

dalam tahun 1967 dan 1968 berapa banyak-kah pereksaan X-ray perchuma di-beri di-Malaysia Barat kapada:

- (a) Murid² sekolah; dan
- (b) Penduduk² Luar Bandar.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:

Dukachita saya tidak dapat memberi pechahan bilangan angka X-ray perchuma yang di-beri dalam tahun 1967 dan 1968 terhadap (a) Kanak² Sekolah; dan (b) Penduduk² Luar Bandar oleh kerana tiada rekod yang telah di-selenggarakan.

It is regretted that I am unable to give broken down figures of free cases of X-rays carried out in 1967 and 1968 in respect of (a) School Children; and (b) rural people since no such records are being maintained.

Penyakit Puru

107. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan dalam tahun 1967 dan 1968 berapa ramai-kah orang yang di-dapati mengidap penyakit puru; dan berapa ramai-kah di-antara mereka semboh sa-telah di-rawat.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Bilangan orang yang terdapat mengidap penyakit puru dalam tahun 1967 dan 1968 ada-lah seperti berikut:

1967	...	...	401 orang
1968	...	...	262 ..
(Jan.-Sept.)			

Oleh kerana ada ubat tertentu yang boleh menyembuhkan penyakit puru ini, maka semua kes² dapat di-rawat dengan sempurna.

The number of people found to be suffering from yaws in 1967 and 1968 are as follows:

	Number of Yaws Cases		
1967	...	...	401
1968	...	...	262
(Jan.-Sept.)			

As there is a specific drug for the cure of yaws, all these cases have been successfully treated.

Penyakit Otak

108. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan dalam tahun 1967 dan tahun 1968 berapa ramai-kah orang² yang di-hinggapi penyakit otak; dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang semboh.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Bilangan orang² yang mengidap penyakit otak yang mendapat rawatan di-Rumah Sakit Otak Kerajaan dan bilangan yang semboh dalam tahun 1967 dan 1968 ada-lah seperti berikut:

Tahun		Bilangan yang sedang di-rawat di-Rumah Sakit Otak		Bilangan yang telah semboh
1967	...	10,946	...	3,735
1968	...	10,914	...	3,876

(Jun-Oktober)

The number of insanity cases under treatment in Government Mental Hospitals and the number successfully treated in 1967 and 1968 are as follows :

Year		No. of cases under treatment in Mental Hospitals		No. of cases successfully treated
1967	...	10,946	...	3,735
1968	...	10,914	...	3,876

(June-October)

Kementerian Kesihatan/Teaching Hospital

109. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan bagaimana-kah hubungan pentadbiran di-antara Kementerian Kesihatan dengan Teaching Hospital di-Universiti Malaya pada masa ini.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Rumah Sakit Universiti ada-lah di-bawah Pentadbiran Lembaga Rumah Sakit dengan Dekan Fakulti Perubatan sa-bagai Pengerusi-nya. Ini ada-lah satu Lembaga gabungan yang terta'alok kepada Majlis Meshuarat Universiti. Dalam Lembaga Pentadbir ini ada-lah di-wakili oleh Majlis Meshuarat Universiti, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Wakil Kementerian Kesihatan ada-lah terdiri daripada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Timbalan Setia-usaha Tetap. Peruntokan tahunan Rumah Sakit Universiti ini ada-lah di-keluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan dengan itu, berma'ana Setia-usaha Tetap sa-bagai Pegawai Kawalan. Peruntokan yang di-

keluarkan tidak akan di-bahagikan kepada Rumah Sakit Universiti sebelum kelulusan di-beri oleh Perbendaharaan Pusat. Atoran bagi tahun 1969 ada-lah berbeza ia-itu Peruntokan akan datang-nya daripada Kementerian Pelajaran dalam bentuk "grant" kepada Universiti.

The University Hospital is under the Hospital Board of Management with the Dean of the Faculty of Medicine as the Chairman. This is a corporate body responsible to the University Council. On the Board of Management the University Council, the Ministry of Education and the Ministry of Health are represented. The Ministry of Health is represented by the Director of Medical Services and the Deputy Permanent Secretary.

The funds for the University Hospital annual costs are provided by the Ministry of Health and therefore the Permanent Secretary is the controlling officer. The amount provided for cannot be allotted to the University Hospital without the approval of the Federal Treasury.

The arrangement for 1969 will be different in that the funds will come from the Ministry of Education in the form of a grant to the University.

110. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan pada masa ini berapa orang-kah doktor² pakar perbidanan dan sakit puan di-tiap² negeri di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak; dan ada-kah angka itu menchukupi untuk keperluan penduduk² negeri itu.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:

Selangor	...	...	...	5
Perak	...	...	...	4
Kedah	...	...	...	1
Melaka	...	...	...	1
Negri Sembilan	...	...	...	1
Pahang	...	...	...	1
Kelantan	...	...	...	1
Pulau Pinang	...	...	...	2
Trengganu	...	...	...	1
Perlis	...	...	...	1
Johor	...	...	...	3
Sabah	...	...	...	1
Sarawak	...	...	...	1

Kita maseh kurang doktor² pakar Kebidanan dan Sakit Puan untok di-perlukan oleh seluroh penduduk di-Malaysia Barat.

Selangor	...	...	...	5
Perak	...	...	...	4
Kedah	...	...	...	1
Malacca	...	...	...	1
Negri Sembilan	...	...	...	1
Pahang	...	...	...	1
Kelantan	...	...	...	1
Penang	...	...	...	2
Trengganu	...	...	...	1
Perlis	...	...	...	1
Johore	...	...	...	3
Sabah	...	...	...	1
Sarawak	...	...	...	1

We are still short of Obstetricians and Gynaecologists to meet the needs of the whole population in West Malaysia.

111. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan berjaya mengambil doktor² menurut angka yang di-perlukan mengikut Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Pertama, Malaysia; jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Kerajaan telah tidak berjaya dalam pengambilan Pegawai² Perubatan menurut angka yang di-perlukan mengikut Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Pertama oleh kerana angka keberhentian maseh tinggi.

The Government has not been successful in its recruitment of doctors to the required number laid down in the First Malaysia Five-Year Development Plan because the resignation rate is still high.

112. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan apa-kah sebab²-nya bilangan doktor² luar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia di-dapati ramai dari India, Ceylon dan Korea.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Oleh kerana terdapat kekurangan

Pegawai² Perubatan, maka Kerajaan terpaksa menerima perkhidmatan Pegawai Perubatan dari luar negeri. Kerajaan ada-lah mempersilakan tawaran² perkhidmatan Pegawai Perubatan daripada luar negeri untok bekerja di-negeri ini selagi Pegawai Perubatan tempatan maseh kurang dan kelayakan mereka di-akui oleh Majlis Perubatan Malaya. Hingga sekarang Pegawai Perubatan daripada India dan Korea menerusi Kerajaan masing² telah memberi minat di-atas kekurangan Pegawai Perubatan ini. Sa-bilangan kecil dari Ceylon telah di-lantek chara ber-sendirian. Sa-lain daripada Pegawai² Perubatan dari India, Korea dan Ceylon terdapat juga Pegawai Perubatan Konterek daripada Belgium, U.A.R., Indonesia dan Filipina.

Due to acute shortage of doctors the Government had to secure the services of foreign doctors. The Government welcomes offers of the services of foreign doctors to work in this country so long as there is a shortage of doctors here and provided their qualifications are acceptable to the Malayan Medical Council. In so far as doctors from India and Korea are concerned their respective Governments had generously responded to the appeal to bridge the acute shortage of doctors. A few doctors came from Ceylon and they were recruited on individual basis. Besides doctors from India, Korea and Ceylon, we have also doctors on contract from Belgium, U.A.R., Indonesia and Philippines.

Rumah Sakit Mukah

113. Tuan Sim Boon Liang asks the Minister of Health to state:

- (a) when will the construction of the Mukah Hospital be completed;
- (b) when completed, how many medical staff including doctors will be stationed there.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:

- (a) The Mukah Hospital is expected to be completed by the end of 1969.

- (b) Approx. 21 medical staff, including doctors, will be stationed in this Hospital, when completed.
- (a) Rumah Sakit Mukah di-jangka siap pada akhir tahun 1969.
- (b) Di-anggarkan 21 kakitangan² perubatan termasuk Pegawai Perubatan akan di-tempatkan, sa-telah siap.
- | | | | |
|--|------|-----|---------|
| mereka akan tamat pada tahun ² berikut: | 1968 | ... | 4 orang |
| | 1969 | ... | 18 " |
| | 1970 | ... | 7 " |
| | 1971 | ... | 20 " |
| | 1972 | ... | 25 " |
| | 1973 | ... | 23 " |
| | 1974 | ... | 13 " |

114. Tuan Sim Boon Liang asks the Minister of Health to state why the take-home pay of doctors in the Government Service of Sarawak is less than their counterparts in West Malaysia.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: The take-home pay of doctors in the Government Service of Sarawak is less than their counterparts in West Malaysia mainly because higher degree allowances are not payable in Sarawak and this Ministry is taking action to rectify this shortcoming.

Pendapatan Pegawai Perubatan di-Perkhidmatan Kerajaan Sarawak kurang daripada pendapatan Pegawai Perubatan di-Malaysia Barat ada-lah oleh kerana elaun tinggi ijazah kelayakan mereka tidak di-bayar dan Kementerian ini ada-lah mengambil tindakan untuk mengesahkan-nya dalam masa singkat.

Penuntut² Perubatan

115. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan bila-kah sa-ramai 110 penuntut² perubatan Melayu yang sedang belajar di-luar negeri dengan biasiswa Kerajaan itu akan tamat pengajian mereka dan nyatakan jenis² kursus perubatan yang mereka ikuti.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Sa-ramai 110 penuntut² Melayu yang sedang belajar dengan biasiswa Kerajaan tidak kesemua-nya belajar di-luar negeri. Penuntut² yang ada di-luar negeri pada masa ini hanya 27 orang. Kesemua-nya mereka ada-lah mengaji dalam kursus perubatan dan pengajian

The 110 Malay students are not all studying overseas, only 27 are abroad. All are studying medicine and they are expected to complete their studies as follows:

1968	...	4
1969	...	18
1970	...	7
1971	...	20
1972	...	25
1973	...	23
1974	...	13

Pembedahan Jantung

116. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan sa-ja'uh mana-kah kejayaan telah di-chapai oleh Unit Khas bagi pembedahan jantung di-negeri ini; dan berapa banyak-kah binatang² yang telah di-bedah dan nyatakan jenis binatang² itu.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Pembelahan Jantung Bertutup (closed heart operation) atas perengkat berhad sedang di-jalankan di-Rumah Sakit Universiti, Rumah Sakit Lady Templer dan Rumah Sakit Besar Pulau Pinang. Pembelahan Jantung Terbuka (open heart operation) belum lagi di-jalankan di-negeri ini. Perchubaa² ada-lah di-jalankan di-Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan pada bulan Februari, 1968, 27 ekor anjing telah pun di-belah.

Closed heart operations on a limited scale are being carried out in the University Hospital, Lady Templer Hospital and Penang General Hospital. Open heart operations have not as yet been carried out in this country. Experimental work is being carried out in the Faculty of Medicine, University

of Malaya and as on February 1968. 27 dogs have been operated on.

Penyakit Barah

117. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kesihatan berapa ramai-kah ra'ayat negeri ini yang di-beri rawatan kerana penyakit barah dalam tahun 1968, dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang mati akibat penyakit tersebut.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Bilangan ra'ayat negeri yang di-beri rawatan kerana penyakit barah dalam tahun 1968 ada-lah 4,485 orang dan bilangan yang mati di-sebabkan barah ada-lah 618 orang.

The number of citizens who were given treatment for cancer in 1968 is 4,485 and the number who have died of this disease is 618.

Gudang² Ubat Bergerak

118. Tuan Sim Boon Liang asks the Minister of Health to state (a) whether he is aware that promises had been made two years ago that more river travelling dispensaries would be established to visit Ulu Oya, Ulu Mukah and Ulu Balingian in the 3rd Division, (b) why such projects have not been established.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: The Balingian-based travelling dispensary has been established and should start to function in late January 1969. A travelling dispensary for Ulu Mukah district is being re-considered besides other priorities. However, the Mukah District is already well served with three static dispensaries.

Pengkalan gudang ubat bergerak di-Balingian telah pun di-bena dan akan mula berjalan pada lewat bulan Januari, 1969. Sa-buah gudang ubat bergerak di-daerah Ulu Mukah sedang di-pertimbangkan mengikut keutamaan masing². Sunggoh pun demikian, Daerah Mukah telah pun mendapat tiga buah gudang ubat tetap.

Elaun Lebih Masa

119. Tuan Sim Boon Liang asks the Minister of Health whether his Minis-

try will agree in principle to pay overtime allowances to Hospital Assistants in the outstations of Sarawak.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:

Payment of allowance is forbidden by Sarawak General Order 136 (2) (ii) that Nurses and Hospital Assistants shall not in any circumstances be eligible for overtime pay. Instead, they are given up to one week of extra leave.

Pembayaran elaun ada-lah bersalahan terhadap Perintah 'Am 136 (2) (ii) Sarawak yang menyatakan bahawa "Jururawat dan Pembantu Rumah Sakit tidak boleh, dengan chara apa pun, menerima bayaran overtime". Sebalak-nya mereka ada-lah di-beri sa-minggu chuti tambahan.

120. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Health how many staff nurses, assistant nurses, midwives, graduate every year since 1964, please give the answer separately for each year and for each category of staff.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:

The number of staff nurses, assistant nurses and midwives who graduated since 1964 is as follows:

TOTAL NUMBER OF NURSES, ASSISTANT NURSES, MIDWIVES GRADUATED SINCE 1964

Year	Nurses			Assistant Nurses	Mid-wives
	Local	Oversea	Total	Total	Total
1964	255	37	292	170	106
1965	175	128	303	262	134
1966	217	110	327	141	146
1967	203	22	225	279	134
1968	143	20	163	188	130

Bilangan ketua jururawat, penolong jururawat, dan bidan² yang telah tamat latehan semenjak 1964, ada-lah saperti berikut:

JUMLAH BILANGAN JURURAWAT²,
PENOLONG² JURURAWAT, BIDAN²
YANG TAMAT LATEHAN SEMENJAK
TAHUN 1964

Tahun	Jururawat ²			Penolong Jururawat	Bidan
	Tempatan	Luar Negeri	Jumlah	Jumlah	Jumlah
1964	255	37	292	170	106
1965	175	128	303	262	134
1966	217	110	327	141	146
1967	203	22	225	279	134
1968	143	20	163	188	130

Dr Ng Kam Poh

121. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Health if he is aware that his predecessor Dr Ng Kam Poh has offended large sections of the people working in the Ministry, if so, what action has the Minister taken to smoke the pipe of peace with the parties concerned.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: I am not aware that my learned predecessor Dr Ng Kam Poh has offended large sections of the people working in this Ministry.

Saya tidak menyedari yang pemegang jawatan dahulu Dr Ng Kam Poh telah menyinggong perasaan sa-bilangan besar kakitangan² di-Kementerian ini.

Rawatan Perchuma

122. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Health if he will give an assurance that the poor people of this country will still be given free treatment in third class wards.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Yes. Poor people will always be given free treatment in third class wards.

Ya, Orang² miskin sentiasa akan diberi rawatan perchuma di-wad kelas tiga.

Kemudahan² Wad Kelas II dan I

123. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Health what steps has he taken to improve the facilities over the second and first class wards in view of the increase in fees for these wards.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: In the 1st and 2nd Malayan Five-Year Plan and part of the 1st Malaysian Five-Year Plan this Ministry had constructed a number of extra and up-to-date 1st and 2nd class wards in the various hospitals in the country and at the same time under the Development and Improvements to hospitals have renovated and made structural alterations to the various 1st and 2nd class wards in the hospitals so as to improve the physical facilities provided in these

wards. The Ministry at the same time has provided many other highly specialised services like Neuro-Surgery, Artificial Kidney Unit, etc., in the General Hospital and extended other specialist services in Medicine, Surgery, Obstetrics and Gynaecology, etc., to the various district hospitals as well. More expensive and sophisticated equipment, more and more costly drugs, and an improved and standardised diets have been supplied to all categories of patients in the hospitals, specially to the 1st and 2nd class patients during the last 10 years. This had resulted in a considerable increase in the overhead charges for each patient and as a result of this it is only now that the Government has decided to increase the ward charges, etc., so as to compensate it with the service and facilities provided in the Government Hospitals and at the same time to keep at par, more or less, with the rates levied in private hospitals.

This Ministry is therefore quite satisfied that the present services and facilities provided for 1st and 2nd class wards are proportionate to the new charges levied and will consider further improvements to the amenities provided at a later date when more funds and staff are available.

Dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun perengkat yang pertama dan kedua dan sebahagian daripada Rancangan Lima Tahun yang pertama Kementerian ini telah membena beberapa tambahan wad kelas satu dan dua di-tiap² hospital di-negeri ini dan pada masa yang sama juga di-bawah Rancangan Pembangunan mengganti wad² satu dan dua di-beberapa buah hospital guna untuk memperbaiki kemudahan² yang terdapat di-wad² itu. Kementerian ini pada masa yang sama juga telah mengadakan berbagai² jawatan tinggi yang istimewa seperti Neuro-Surgery, Artificial Kidney Unit dll. di-Rumah Sakit Umum dan membesarkan lagi perkhidmatan pakar² di-bidang Perubatan, Pembedahan, Obstetrics dan Gynaecology dan lain² dan juga di-Rumah² Sakit Daerah. Kelengkapan² yang penting, serta ubat² yang berharga dan makanan² yang berzat di-beri

kapada semua pesakit² di-semua pe-rengkat di-Rumah Sakit, lebeh² lagi ka-pada pesakit² di-wad kelas satu dan dua semenjak sa-puloh tahun yang lampau. Ini telah berkeputusan dengan kenai-kan yang berpatutan di-atas bayaran yang berlebihan bagi tiap² pesakit dan oleh yang demikian baru sekarang ini pehak Kerajaan telah memutuskan menaikkan bayaran² wad dll. untuk menyesuaikan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di-Rumah² Sakit Kerajaan dan di-waktu yang sama dapat mensetarakan sadikit sa-banyak, dengan harga² pungutan di-Rumah Sakit bersendir (private).

Kementerian ini, berpuas hati di-atas perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di-wad kelas satu dan dua ada-lah sa-imbang dengan baya-ran² pungutan baru dan akan menim-bangkan perubahan sa-terus-nya terha-dap kenimatan yang akan di-dapati pada suatu masa nanti apabila wang peruntukan dan kakitangan² telah ada.

Rumah Sakit Baharu, Kuala Lumpur

124. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Health if he has enough staff nurses, assistant nurses, laboratory assistants, etc., when the new General Hospital at Kuala Lumpur is fully operational, if not, what steps has the Minister taken to make good the short-comings.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:

The training of staff nurses, assistant nurses, laboratory assistants and other ancillary staff is still being vigorously pursued and barring unforeseen resigna-tions, there should be sufficient number of staff nurses and assistant nurses to staff the new General Hospital at Kuala Lumpur.

With regard to laboratory assistants, my Ministry has instituted the training of Junior Laboratory Assistants in 1967 and enlarged the training capacity of Laboratory Assistants from 20 to 50 a year. General Hospital, Kuala Lum-pur will get its fair share of laboratory workers.

Latehan bagi ketua² jururawat, peno-long² jururawat, pembantu² ma'mal dan lain² kakitangan sedang di-jalankan

berbanding dengan keberhentian pega-wai yang bersara tidak di-duga. Sung-goh pun demikian bilangan ketua jururawat dan penolong jururawat di-Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur, di-jangka boleh menchukupi.

Berkenaan dengan pembantu ma'mal Kementerian ini telah mengadakan latehan bagi Pembantu Ma'mal Muda pada tahun 1967 dan menambahkan lagi bilangan latehan Pembantu Ma'mal daripada angka 20 kapada 50 sa-tahun. Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur, akan mendapat bilangan pekerja² ma'mal yang sama.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Permit Kerja

125. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the number of immigration work permits issued to European expatriate person-nel for employment in the main sectors of commerce and industry sepa-rately for (a) plantations; (b) mining; (c) construction; (d) engineering; (e) manufacturing; (f) beverages; (g) import/export agencies; (h) insur-ance; etc., during 1968.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein): The number of Employment Passes/Visit Passes (Temporary Employment) issued in 1968 are as follows:

(a) Plantation industry	...	9
(b) Mining industry	...	37
(c) Construction industry	...	8
(d) Engineering industry	...	63
(e) Manufacturing industry	...	81
(f) Beverages industry	...	5
(g) Import/Export agencies	...	36
(h) Insurance	...	4

The total figure is by no means indicative of the number of *additional* expatriates allowed in the country during the year. In many cases, these passes were issued in respect of replacements of holders of posts which the Malaysianisation Committee had allowed to continue to be held by expatriates for fixed periods ranging from one month to 3 years; and 47 of the 243 had already left the country.

126. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs if sufficient scrutiny is made into applications for immigration work permits to recruit European expatriate personnel in commerce and industry in order to retain available jobs for qualified Malaysians.

Tun Haji Abdul Razak: Yes, sufficient scrutiny is being made.

127. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the number of immigration work permits issued during 1968 to Europeans from South Africa for employment in industries in Malaysia and the duration in each case.

Tun Haji Abdul Razak: Only one European from South Africa was issued with a Visit Pass (Temporary Employment) in 1968 for a duration of 8 months for the purpose of supervising the establishment of a factory in Petaling Jaya for the manufacture of safes, and to train a Malaysian who is to be appointed Manager of that factory.

128. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs if his Ministry has detected any attempt at contrivances in applications for work permits from Europeans of South African origin returning to the United Kingdom, staying there for a year or two and then producing a British Passport with their applications for work permits to seek employment in industry in Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak: I am not aware of any case of the type referred to by the Honourable Member.

Perkampungan Orang Salah

129. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to confirm the offer of Pulau Tenggol by the Trengganu Government to the Malaysian Central Government for conversion into a penal settlement, the terms attached to the offer and whether a decision has been taken on the offer.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) The offer is confirmed.
- (b) Before making a final decision to accept the offer, the Federal Government must ensure that there is sufficient water supply, at least for drinking purposes, for the settlers.
- (c) Extensive investigation, in regard to (b) above, by the P.W.D. has been interrupted by the monsoon.
- (d) The terms of alienation of the island, or part of it, to the Federal Government will only be negotiated after a decision has been made by the Federal Government to accept the offer of the State Government.

130. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs if the Anti-Corruption Agency has investigated the allegations of corruption against the management of the Royal Malaysian Police Co-operative Society. If not, why.

Tun Haji Abdul Razak: No, since at the time of the re-organisation of the Anti-Corruption Agency, the Police had already completed investigation. Police investigation disclosed no criminal offence against anyone either under the Penal Code or the Prevention of Corruption Act, 1961.

131. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs if he is aware that at the recent conference of judicial officers it was disclosed that 40.9 per cent of the postponement of cases were at the request of the police. If so, what steps has the Minister taken to ask the police to speed up their work to help in the clearing up of the backlog of cases in the courts.

Tun Haji Abdul Razak: The figure of 40.6 per cent (not 40.9 per cent) representing the number of postponements due to inability of Police to proceed with the cases was based on the returns showing the overall percentages of reasons for postponements of hearing of Court cases in West Malaysia, covering a period of 6 months commencing from 1st October, 1966, and ending on 31st March, 1967. Since then, the position has improved as the earlier difficulties hampering service of subpoena/summons resulting in request for postponement of cases by the Police have now been overcome by the posting of greater number of officers and men on the ground to assist in investigations.

Buruh² Luar Negeri

132. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah pekerja di-Sabah dalam tahun 1968 yang datang dari:

(a) Indonesia; dan

(b) Filipina.

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan ramai buruh pekerja di-Sabah sehingga 1968 yang datang dari:

(a) Indonesia 13,951

(b) Filipina 12,725

133. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs if the Anti-Corruption Agency has investigated allegations of substandard pipes and roof sheets being sold to the P.W.D. and F.L.D.A. respectively. If so, what is the outcome of the investigation.

Tun Haji Abdul Razak: Yes. The investigation has just been completed and a decision will be arrived at soon.

Sistem Salleh

134. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs whether the O.C.P.D. Crimes Branch, K.L. has received a letter dated 5th October, 1968 from Arthur A. H. Kor to introduce the Salleh System at the 4½ mile Jalan Ipoh, K.L. in view of the

thefts and robberies that have taken place in that area. If so, what action has he taken over that request.

Tun Haji Abdul Razak: Yes. The feasibility of the Salleh System for the area is being studied.

Enche' K. Randall

135. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs whether the Inspector-General of Police has received a letter dated 23rd October, 1968 from Enche' K. Randall alleging brutal behaviour on the part of the F.R.U. If so, what action has I.G.P. taken over this complaint.

Tun Haji Abdul Razak: Yes. The letter of complaint dated 23rd October, 1968 from Mr K. Randall has been treated as an official Police Report, and the matter is still under Police investigation.

Kematian Tanpa Pengesanan Doktor

136. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa kematian yang tidak di-sahkan oleh doktor atau pegawai yang ber-kelayakan ada-lah lebeh banyak dari kematian yang di-sahkan, dan jika benar, apa-kah tindakan Kerajaan telah ambil bagi memastikan kematian² itu bukan akibat perbuatan² jenayah.

Tun Haji Abdul Razak: Memang benar bahawa kematian yang tidak di-sahkan oleh doktor berlebeh bilangan dari kematian yang di-sahkan dan ini ada-lah di-sebabkan oleh kematian penduduk² di-kawasan² luar bandar dimana pepereksaan doktor² tidak upaya hendak di-atorkan. Pendaftaran bagi tiap² kematian ada-lah menurut peratoran yang tertentu dan dari peratoran itu maka boleh-lah di-kesan kematian akibat perbuatan jenayah.

Sa-belum sa-suatu kematian itu di-daftarkan sa-saorang Pendaftar Beranak/Mati itu di-kehendaki mendapatkan keterangan² dari orang yang melaporkan kematian itu untuk mengetahui sebab kematian yang berkenaan itu. Untuk menchapai

tujuan itu ada-lah di-buat peratoran mengikut kehendak² Pertubohan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation). Di-dalam Borang soalan ini orang yang melaporkan kematian itu ada-lah di-kehendaki menjawab beberapa soalan yang di-antara-nya terdapat soalan² seperti "Di-bunuh orang?", "Bunuh diri" dan lain² lagi. Dengan ada-nya peratoran seperti itu maka dapat-lah di-ketahui dengan sechara kasar samada sa-suatu kematian yang di-laporkan itu akibat perbuatan jenayah atau tidak. Sekira-nya di-shaki ada perbuatan jenayah berkaitan dengan kematian itu pehak Pendaftar terpaksa mengambil langkah supaya kematian itu di-siasat dan di-pereksa lebeh lanjut lagi sa-belum daftaran di-buat dan Sijil Kematian di-keluarkan. Pendaftar² Beranak/Mati kebanyakan-nya terdiri dari Pegawai² Polis dan ini memudahkan lagi penyiataan di-jalankan jika perlu. Tambahan lagi tidak-lah mudah untuk "menutup mulut" sanak saudara atau jiran² sa-orang yang di-laporkan mati biasa jika sekira-nya kematian itu akibat perbuatan jenayah.

Lagi pula, bukan sahaja pehak Pendaftar yang bertanggung-jawab dalam perkara mendaftarkan kematian berdasarkan keterangan yang betul atau benar tetapi juga pehak orang yang melaporkan kematian itu pun bertanggung-jawab memberikan keterangan yang betul dan benar mengenai kematian itu. Sekira-nya ia di-dapati memberikan keterangan yang palsu atau bohong ia boleh di-da'awa dan di-hukum mengikut undang² Pendaftaran Beranak/Mati 1957. Oleh yang demikian jika di-tilek dari segi peratoran pendaftaran yang di-jalankan sekarang, maka tidak-lah mudah bagi kematian² akibat perbuatan jenayah itu terlepas dari kesan dan di-daftarkan dengan tidak di-ketahui sebab-nya.

137. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyak-kah kematian yang di-sahkan dan yang tidak di-sahkan oleh doktor atau pegawai yang bertauliah dalam tahun 1967 dan 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Dukachita, angka² yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diberikan pada masa ini kerana Jabatan Perangkaan (Statistics) yang bertanggung-jawab bagi mengumpulkan-nya belum lagi menyiapkan angka² bagi tahun² 1967 dan 1968.

Bendera Parti Siasah

138. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah buah parti siasah yang halal di-Negeri ini sa-takat ini telah di-haramkan bendera-nya atau pun sa-bahagian tertentu dari bendera-nya oleh Kerajaan.

Tun Haji Abdul Razak: Setakat ini hanya sa-buah parti siasah yang halal di-Negeri ini yang telah di-haramkan bendera-nya oleh Kerajaan. Bendera parti ini kemudian-nya telah di-luluskan oleh Pendaftar Pertubohan setelah bendera itu di-ubah.

Badan Penchegah Rasuah

139. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini berapa ramai-kah pegawai dan kakitangan Jabatan Penchegah Rasuah di-negeri ini dan sebutkan tangga-gaji mereka masing².

Tun Haji Abdul Razak: Jumlah Pegawai dan kakitangan Badan Penchegah Rasuah Malaysia ia-lah seperti berikut:

	Pegawai	Kakitangan
(a) Malaysia Barat	55 ...	64
(b) Sarawak	... 5 ...	6
(c) Sabah ...	... 7 ...	10
	67 ...	80

Tangga-gaji bagi tiap² sa-orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penchegah Rasuah telah di-nyatakan dalam deraf Anggaran Belanja Mengurus tahun 1969 di-bawah Kepala Bekalan 28—Pechahan-kepala 1—

Gaji—Butiran	43 hingga 73	(Malaysia Barat);
„	114 hingga 130A	(Sarawak); dan
„	144 hingga 162	(Sabah).

Rasuah

140. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan kenyataan yang di-keluarkan oleh Pengarah Penchegeh Rasuah seperti yang tersiar dalam *Utusan Melayu* keluaran 3hb September, 1968 bahawa kejadian rasuah di-kalangan perniagaan, menjadi masaalah yang besar kepada Jabatan itu nyatakan berapa ramai-kah saudagar² pernah di-tudoh melakukan rasuah sejak Jabatan Penchegeh Rasuah di-tubuhkan di-negeri ini.

Tun Haji Abdul Razak: Sejak tertuboh-nya Badan Penchegeh Rasuah, seramai 178 orang saudagar² pernah di-da'awa ka-mahkamah atas tuduhan rasuah.

141. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tertuboh-nya Jabatan Penchegeh Rasuah hingga akhir tahun 1968, berapa ramai-kah kakitangan dan pegawai² Kerajaan telah di-tudoh di-dalam mahkamah kerana melakukan atau terlibat dalam kesalahan rasuah, dan berapa pula yang di-kenakan hukuman berbanding dengan yang di-buang kes-nya.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Sa-jumlah 76 orang telah di-hadapan ka-mahkamah kerana terlibat dalam kesalahan rasuah.
- (b) 21 orang di-dapati salah di-hukum.
- (c) 12 orang telah di-bebas dan dilepaskan; akan tetapi, Timbalan Penda'awa Raya berkenaan telah merayu atas keputusan² pembicharaan 6 di-antara-nya.
- (d) 2 orang lagi yang di-tudoh telah di-batalkan tuduhan dan tindakan tata-tertib telah di-teruskan terhadap sa-orang di-antara-nya.
- (e) 4 orang lagi maseh belum di-selesaikan pembicharaan.

142. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagaimana-kah kesah yang sa-benar-nya di-sekeliling keja-

dian serbuan oleh Pasokan Penchegeh Rasuah yang telah merampas 120 gallon tuak pada 2hb Oktober, 1968 dari sa-buah rumah di-bandar Mantin seperti mana yang tersiar berita-nya dalam *Utusan Malaysia* keluaran 3hb Oktober, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Pada 1hb Oktober, 1968, kira² jam 4.15 petang satu pasokan terdiri dari pegawai² Badan Penchegeh Rasuah dan Bahagian Penchegeh Kastam, Kuala Lumpur, di-bawah arahan sa-orang Penolong Pengarah, Badan Penchegeh Rasuah menyerbu sa-buah rumah tidak bernombor di-kawasan memungut tuak. Pekan Mantin. Tindakan ini di-ambil mengikut ma'alumat di-terima oleh Badan Penchegeh Rasuah dari orang ramai yang mengatakan tuak di-jual dengan jalan haram di-tempat itu.

Akibat serbuan ini, 21 tempayan dan 1 botol mengandongi tuak berjumlah 94 gallon 6 pint telah di-rampas.

Sa-orang penunggu di-kawasan itu bernama THANGAVELU a/k MANIKAM NADAR telah di-tangkap dan di-da'awa kerana menyimpan tuak haram. Ia mengaku salah dan di-hukum denda sa-banyak \$500. Denda di-bayar.

Orang² di-buang Negeri

143. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tertuboh-nya "Malaysia" berapa ramai-kah orang² yang bukan warganegara negeri ini telah di-buang negeri tetapi di-bawa balek ka-negeri ini dan nyatakan sebab² pembawaan balek orang² buangan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Seramai 69 orang yang bukan warganegara Malaysia telah di-buang negeri. Dari jumlah ini, 4 orang telah kembali balek ka-Malaysia kerana tidak di-benarkan mendarat oleh Kerajaan Republik China.

Pilehan Raya Kechil di-Padang

144. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam pilehan raya

kecil yang di-adakan di-Padang, Kedah daripada 5hb hingga 30hb November, 1968 berapa orang penduduk kawasan itu di-tangkap dengan menyatakan:

- (a) nama yang kena tangkap;
- (b) tarikh di-tangkap;
- (c) kesalahan yang di-hadapkan; dan
- (d) keputusan Mahkamah ka-atas mereka.

Tun Haji Abdul Razak: Dalam pilihan raya kecil Padang, Kedah hanya sa-orang penduduk kawasan itu sahaja yang di-tangkap di-antara 5hb hingga 30hb November, 1968. Butir² yang di-kehendaki ada-lah seperti berikut:

- (a) Nama: Aziz bin Yusof.
- (b) Di-tangkap pada 30hb November, 1968.
- (c) Atas kesalahan memileki senjata merbahaya (rantai basikal) dan di-tudoh atas kesalahan di-bawah seksyen 61 Ordinance 43/58—Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Ordinance, 1958.
- (d) Kes ini akan di-bicarakan pada 12hb Januari, 1969.

145. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa dalam pilihan raya kecil Padang, Kedah pada bulan November, 1968 sa-orang yang bernama Ahmad bin Awang telah di-tangkap dan di-buang daerah ka-Kulim, Kedah; jika benar, nyatakan:

- (a) tarikh tangkapan;
- (b) 'alamat Ahmad bin Saleh;
- (c) tempoh dia di-buang daerah; dan
- (d) di-bawah undang² mana-kah dia di-tudoh.

Tun Haji Abdul Razak: Benar. Tetapi tempat kediaman-nya telah di-hadkan di-Mukim Siong dalam daerah Baling dan bukan-lah daerah Kulim:

- (a) Tarikh tangkapan: 5-11-68,
- (b) 'Alamat-nya sa-belum ia di-tangkap ia-lah Kampong Kuala

Rimau, Mukim Ayer Puteh, Padang dan pada masa ini 'alamat-nya ia-lah Mukim Siong, Baling;

- (c) Tempoh sekatan kediaman terhadap-nya ia-lah selama 4 tahun, ia-itu dari 31-10-68 hingga 30-10-72;
- (d) Tindakan yang telah di-ambil ia-lah menurut Ordinance Menchehagah Jenayah, 1959.

146. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam pilihan raya kecil Padang, Kedah dalam bulan November, 1968, berapa orang penduduk kawasan itu telah di-buang daerah dengan menyatakan:

- (a) nama dan tarikh mereka di-buang daerah;
- (b) tempat buangan; dan
- (c) tempoh buangan.

Tun Haji Abdul Razak: Tiga orang.

- (a) *Nama dan Tarikh Perentah*—
 - (i) Ahmad @ Mat bin Awang—31-10-68.
 - (ii) Othman bin Salleh—31-10-68.
 - (iii) Awang Kechik bin Chat @ Arshad—15-11-68.

(b) *Tempat Sekatan*—

- (i) Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.
- (ii) Mukim Lunas, Daerah Kulim, Kedah.
- (iii) Mukim Bagan Semak, Daerah Bandar Bharu, Kedah.

(c) *Tempoh Sekatan*—

- (i) 4 tahun dari 31-10-68—30-10-72.
- (ii) 4 tahun dari 31-10-68—30-10-72.
- (iii) 4 tahun dari 15-11-68—14-11-72.

147. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam pilihan raya kecil Padang, Kedah dalam bulan November, 1968 berapa ramai anggota²

Polis atau Pasokan Keselamatan yang di-tugaskan mengawal perjalanan pilehan raya di-kawasan itu berbanding dengan kekuatan yang di-tugaskan didalam pilehan raya kechil Bachok Utara, Kelantan dalam bulan April, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan anggota² Polis yang di-tugaskan bagi kedua pilehan-raya² kechil itu ia-lah seperti berikut:

Kawasan	Pegawai Polis	Polis Pangkat Rendah
Bachok Utara, Kelantan	13 ...	80
Padang, Kedah ...	15 ...	164

Surat Che' Zainab

148. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa surat Che' Zainab binti Hanafi, isteri kepada sa-orang yang di-buang daerah dari Padang bernama Othman bin Saleh yang di-'alamatkan kepada Ketua Pegawai Polis Kedah telah tidak berjawab dan nyatakan:

- (a) tarikh surat itu; dan
- (b) kandungan surat itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Surat Che' Zainab binti Hanafi bertarikh 25hb November, 1968, yang di-'alamatkan kepada Ketua Pegawai Polis Kedah/Perlis telah di-jawab pada 30hb November, 1968. Beliau telah di-beri tahu bahawa pehak polis belum lagi menerima sebarang permohonan dari suami-nya sendiri untuk di-benarkan pindah balek ka-kampung asal-nya. Selanjut-nya di-ma'alomkan juga sekira suami beliau membuat permohonan neschaya timbangan yang saksama akan di-beri kepada-nya.

Sayugia di-ingat, kuasa membenarkan pindahan tempat kediaman mengena orang² menjalani hukuman Perintah Pengawasan Polis bukan terletak ditangan pehak Polis tetapi dudok pada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Serjan Hassan bin Ali

149. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (a) apa-kah keputusan

mahkamah atau kedudukan terakhir bagi kes sa-orang serjan Polis bernama Hassan bin Ali yang telah di-bicharkan pada 24hb Jun, 1968, atas tuduhan rasuah; (b) ada-kah benar bahawa pehak Penchegah Rasuah sedang mengambil tindakan terhadap beberapa orang lagi anggota Polis di-Bachok kerana kesalahan rasuah.

Tun Haji Abdul Razak:

(a) Serjan Hassan bin Ali telah didapati salah oleh Mahkamah dan di-hukumkan penjara selama 8 bulan serta denda sa-banyak \$30. Ia telah membuat rayuan ka-atas pendapat dan hukuman itu ka-Mahkamah Tinggi. Rayuan-nya belum di-bicharkan lagi.

(b) Tidak.

Kes Churi Wang

150. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) apa-kah hasil penyiasatan Polis berkenaan dengan satu kechurian wang sa-banyak kira² \$4,000 di-sabuah pejabat di-Pelabohan Swettenham pada bulan Oktober 1968; dan
- (b) berapa orang di-hukum dalam kes itu.

Tun Haji Abdul Razak: Pehak Polis maseh menjalankan penyiasatan dalam kes ini.

Tanah di-Wakaf Bharu

151. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah pehak Polis Negeri Kelantan telah di-beritahu akan ada-nya amalan² churang dalam perkara pembayaran harga tanah yang telah di-ambil untuk kegunaan perhentian keretapi Wakaf Bharu, Kelantan kepada pemilek² tanah itu; jika ya, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Polis ka-atas Surat No. 94 dlm. PBK. (A) 310/233-1 bertarikh 26hb Ogos, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Pada 5hb November, 1968, satu aduan telah diterima oleh pehak Polis Kelantan yang

menyatakan bahawa bayaran harga bidang² tanah yang telah di-ambil oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di-kawasan Steshen Keretapi Wakaf Bharu, Kelantan maseh belum lagi di-selesaikan, Pihak Polis maseh menjalankan penyiasatan.

Berkenaan dengan Surat No. 94 dlm. PBK. (A) 310/233-1 bertarikh 26hb Ogos, 1968, pihak Polis Negeri Kelantan tidak menerima-nya.

Peguam R. V. Morigason

152. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) Apa-kah keputusan Mahkamah ka-atas kes sa-orang peguam bernama R. V. Morigason yang di-hadapkan ka-Mahkamah Pengadil pada 30hb September, 1968, di-Alor Star, Kedah;
- (b) Berapa ramai-kah peguam di-negeri ini yang telah di-hadapkan ka-Mahkamah dalam tahun 1968 kerana kesalahan sa-umpama itu.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Timbalan Penda'awa Raya telah menarek balek tuduhan ka-atas R. V. Morigason;
- (b) Tiada.

Kes Tipu

153. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) apa-kah hasil tindakan Polis terhadap kejadian tipu yang melisahkan wang sa-banyak \$20,470 di-Kelab Lumba Kuda Selangor dalam bulan September 1968 yang lalu; dan
- (b) apa-kah keputusan Mahkamah dalam perkara itu.

Tun Haji Abdul Razak: Penyiasatan Polis sedang di-lanjutkan dan belum ada tangkapan di-lakukan berkenaan kes ini.

Orang² Buang Daerah

154. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (a) berapa ramai orang

yang di-buang daerah dalam tiap² negeri di-Malaysia Barat dalam tahun 1968; dan (b) ada-kah Kerajaan akan menimbang menyemak undang² itu agar menjadi lebeh ringan.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Bilangan orang² yang di-jatohkan hukuman buang daerah dan Perintah Pengawasan Polis dalam tahun 1968 ia-lah saperti berikut:

		Ord. Menchehagah Jenayah 13/59		Enact. Kediaman TerhadBab 39
Kedah/Perlis	...	22	...	6
Pulau Pinang	...	93	...	22
Perak	...	23	...	53
Selangor	...	141	...	1
Negeri Sembilan	...	7	...	1
Melaka	...	26	...	4
Johor	...	14	...	5
Kelantan	...	29	...	18
Trengganu	...	—	...	—
Pahang	...	3	...	—
Jumlah	...	358	...	110

- (b) Tidak.

Nelayan² Thai

155. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) apa-kah hukuman yang di-kenakan ka-atas 9 orang nelayan Thai yang di-dapati memileki ubat bedil dan di-tangkap pada bulan September 1968 di-perayeran Pulau Langkawi;
- (b) apa-kah tujuan mereka memasoki perayeran Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Perbicharaan kes ini belum putus lagi.
- (b) Kerana perbicharaan belum tamat maka ulasan dan keterangan tidak dapat di-berikan.

Tembak-menembak

156. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa satu peristiwa tembak-menembak telah berlaku di-antara Polis dengan

Pasokan Keselamatan di-Sandakan, Sabah dalam bulan Oktober, 1968; jika ya, kenapa, dengan menyatakan bilangan yang mati dan bilangan yang chedera.

Tun Haji Abdul Razak: Ada-lah benar satu kejadian tembak-menembak di-antara Polis dan Tentera telah berlaku pada 19hb Oktober, 1968 di-sa-buah sungai di-Sandakan, Sabah oleh kerana salah sangka ketika menjalankan gerakan di-dalam kawasan itu. Dalam peristiwa itu sa-orang anggota Polis telah terbunuh dan sa-orang lagi mendapat chedera ringan.

Tempat Kediaman Pesurohjaya Tinggi Singapura di-Kuala Lumpur

157. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa kira² tiga puluh orang telah memasuki kawasan tempat kediaman Pesurohjaya Tinggi Singapura di-Kuala Lumpur pada 21hb Oktober, 1968; jika ya, nyatakan:

- (a) kenapa mereka berbuat demikian;
- (b) jumlah orang yang sa-benar-nya yang terlibat; dan
- (c) tindakan Kerajaan terhadap mereka.

Tun Haji Abdul Razak: Benar.

- (a) Memandang kepada chogan-kata di-sepandok² yang di-dapati di-kawasan Sri Temasek itu maka nyata-lah apa yang di-lakukan ia-lah menunjukkan perasaan kekechewaan ka-atas penggantungan 2 orang Indonesia oleh Kerajaan Singapura.
- (b) Jumlah orang yang terlibat dalam tunjok perasaan ini di-anggarkan seramai 40 orang.
- (c) Manakala Polis tiba ka-kawasan bangunan menurut panggilan talipon, orang² itu sudah meninggalkan tempat itu. Yang menyaksikan tunjok perasaan itu hanya tukang masak di-Sri Temasek itu dan ia tidak pula dapat mengenali sa-orang pun di-antara yang berkenaan. Dengan demikian maka pehak

Polis tidak berupaya hendak menjalankan tindakan men-da'awa sesiapa pun.

Kejadian Bunoh

158. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (a) apa-kah hasil penyiasatan Polis ka-atas kejadian bunoh ka-atas sa-orang hartawan Melayu yang bernama Ayud Daud di-Klang, Selangor pada awal bulan Oktober 1968; dan (b) ada-kah benar bahawa kejadian itu berikutan dengan satu pergadohan.

Tun Haji Abdul Razak: Penyiasatan Polis maseh di-jalankan keatas kes ini.

Samun

159. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah hasil penyiasatan Polis ka-atas kejadian samun yang di-lakukan oleh empat orang pemuda di-kedai emas di-Gopeng, Perak pada awal bulan September, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Penyiasatan Polis maseh di-teruskan. Kerana itu maka belum-lah boleh di-umumkan apa² jua keterangan² yang terdapat oleh Polis setakat ini.

Kes Chedera

160. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah keputusan Mahkamah terhadap dua kesalahan menchedera dengan menggunakan senjata yang di-lakukan di-Bachok, Kelantan di-antara bulan Januari dengan Julai, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Soal yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah samar dan umum dan kerana itu tidak-lah dapat di-beri jawapan.

Sharikat Kerjasama Guru² Melayu Kelantan

161. Tuan Haji Abu-Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) apa-kah hukuman yang di-kenakan ka-atas ahli jawatan-kuasa

Sharikat Kerjasama Guru² Melayu, Kelantan yang di-jadualkan perbicharaan-nya pada 30hb September, 1968;

- (b) nyatakan nama orang yang di-hukum itu.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Perbicharaan atas kes ini belum lagi tamat. Sambongan perbicharaan ada-lah di-jadualkan pada 8hb hingga 14hb Januari, 1969;
- (b) belum ada orang yang di-hukum.

Kertas Puteh Mengenai "Bahaya Kominis"

162. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berikutan dengan Kertas Puteh berkenaan dengan "Bahaya Kominis" yang di-terbitkan oleh Kerajaan pada 8hb November, 1968, yang lalu:

- (a) berapa ramai-kah orang yang di-tangkap;
- (b) nyatakan nama orang² yang di-tangkap di-tiap² negeri di-Malaysia Barat;
- (c) tarikh orang² itu di-tangkap; dan
- (d) sama ada orang² yang di-tangkap itu warganegara atau bukan.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) 154;
- (b) Dengan sebab keselamatan tidak-lah dapat ma'alumat² ini di-umumkan pada masa ini;
- (c) Di-antara 8hb November, 1968 dan 23hb Disember, 1968;
- (d) 131 daripada mereka ada-lah warganegara Malaysia.

Anasir² Kominis

163. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) dalam negeri mana-kah di-Malaysia Barat ini terdapat sekolah² China yang di-pengarohi oleh anasir² kominis saperti yang

telah di-nyatakan oleh Kerajaan dalam (Perkara 59), Kertas Puteh, 1968; dan

- (b) berapa banyak-kah sekolah² yang terlibat.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Perak.
- (b) 10.

164. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

- (a) Berapa banyak-kah naskah Kertas Puteh "Bahaya Kominis" 8hb November, 1968 itu di-chetak; dan
- (b) Berapa jumlah wang yang di-belanjakan untuk menchetak-nya.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) 26,000 naskah dalam tiga bahasa.
- (b) \$7,850.95 cts.

Tajok kertas puteh itu ada-lah "Untuk Menchapai Kuasa Penoh Melalui Kekerasan" bukan "Bahaya Kominis".

Buku² Haram

165. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) hingga akhir tahun 1968 berapa banyak-kah buku² yang di-haramkan di-negeri ini; dan
- (b) nyatakan nama buku² itu serta pengarang-nya.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Jumlah buku² yang di-haramkan di-negeri ini dari tahun 1949 hingga 1968 ia-lah 1,024 buah.
Tuan V. Manickavasagam: Dalam tahun 1968 bilangan kes² buroh yang telah di-dengar di-Mahkamah Buroh sa-hingga akhir bulan Oktober, 1968 ia-lah 1,201 yang melibatkan 2,602 orang pekerja. Wang berjumlah sa-banyak \$260,856.68 telah di-perentahkan supaya di-bayar dan jumlah wang yang telah di-bayar hingga akhir bulan Oktober, 1968 ia-lah sa-banyak \$148,355.40.

Pekerja² atau pun majikan² masing² tidak di-wakili dalam kes² ini oleh pegawai² kesatuan sekerja pekerja² atau pun oleh pertubohan² majikan.

In 1968 the number of labour cases heard in the Labour Courts up to the end of October 1968 was 1,201 involving 2,602 workers. Sums totalling \$260,856.68 were ordered to be paid and the total amount paid up to the end of October 1968 was \$148,355.40.

Neither the workers nor the employers were represented in any of these cases by workers' trade union officials or by employers' organisations respectively.

Ranchangan Insuran Jaminan Sosial

230. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Labour whether he has now completed arrangements for the introduction of the long-awaited Social Security Insurance Scheme covering sickness, maternity and invalidity contingencies which he had promised some 5 years ago.

Tuan V. Manickavasagam: Rang Undang² Keselamatan Sosial bagi Pekerja² sekarang ada-lah untuk di-timbangkan dalam sidang Parlimen yang di-adakan sekarang ini.

The Employees' Social Security Bill is now for consideration in the current session of Parliament.

Pampasan Pekerja²

231. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh berapa banyak pampasan pekerja yang di-bayar kepada pekerja² yang di-timpa kemalangan sa-waktu menjalankan kerja sejak tertuboh-nya Malaysia.

Tuan V. Manickavasagam: Keterangan yang di-perolehi berkenaan pampasan yang telah di-bayar bagi kechederaan² yang di-alami akibat kemalangan² yang berlaku sa-masa dan bersebab dari bekerja ada-lah seperti berikut:

Tahun	Jumlah di-bayar
1963 ...	\$2,313,960
1964 ...	2,270,580
1965 ...	2,420,060
1966 ...	2,319,570
1967 ...	2,229,320
1968 ...	(angka ² yang lengkap belum di-dapati lagi)

Ini tidak termasuk jumlah yang telah di-bayar kepada tanggungan² pekerja² yang mati dalam kemalangan² yang terok.

Information available with regard to compensation paid for injuries sustained as a result of accidents occurring in the course of and arising out of employment is as follows:

Year		Amount paid
1963	...	\$2,313,960
1964	...	2,270,580
1965	...	2,420,060
1966	...	2,319,570
1967	...	2,229,320
1968	...	(complete figures not available yet)

This does not include the amounts paid to the dependants of deceased workmen in fatal accidents.

Mogok Haram

232. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968, berapa banyak-kah kejadian mogok chara haram yang di-beritahu oleh pehak² majikan kepada Kerajaan dan apa-kah tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap perkara itu.

Tuan V. Manickavasagam: Kerajaan tidak di-beritahu sa-chara resmi oleh majikan² berkenaan mogok haram seperti itu. Dalam tahun 1968 ada 103 mogok kesemua-nya dan kechuali 4 yang belum di-selesaikan pada akhir tahun, kesemua mogok yang lain telah di-selesaikan, kebanyakan dari-nya adalah dengan pertolongan pegawai² Kementerian saya.

The Government was not formally notified by employers of any illegal strike as such. There were in all 103 strikes in 1968 and except 4 which were pending at the close of the year, all the other strikes were settled, most of them with the assistance of the officers of my Ministry.

United Pantai Estate, Sungai Patani

233. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh berapa ramai-kah dari jumlah 575 orang buroh yang telah mogok di-United Patani Estate, Sungai Patani, Kedah, dalam

bulan April, 1968, telah di-ambil bekerja sa-mula oleh tuan-punya kebun itu; dan apa-kah pula nasib yang baki-nya itu.

Tuan V. Manickavasagam: Menurut ma'aloman saya yang terakhir, kesemua melainkan 54 orang pekerja² di-United Patani Estate, Sungai Patani, yang melancarkan mogok dalam bulan April, 1968, telah di-ambil bekerja sa-mula. Di-antara 54 orang pekerja² yang lain-nya itu yang tidak boleh di-tawarkan pekerjaan oleh pehak Pengurus, ada-lah di-fahami 10 orang telah meninggalkan ladang tersebut.

According to my latest information, all but 54 workers on the United Patani Estate, Sungai Patani, who went on strike in April, 1968, have been re-employed. Of the 54 remaining workers to whom the Management could not offer employment, 10 are understood to have so far left the estate.

Penyata Kajian Pekerjaan dan Pengangoran

234. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh apakah tindakan Kerajaan telah ambil terhadap Penyata "Employment and Unemployment Survey Report, 1965"; dan ada-kah Kerajaan berchadang hendak membentok satu jawatan-kuasa bagi mengkaji penyata itu dan memberi shor²-nya.

Tuan V. Manickavasagam: Siasatan Pekerjaan dan Pengangoran tahun 1965 ada-lah sa-bahagian daripada Achara Kerajaan untuk mengumpul ma'alumat, sechara bersambong², mengenai kedudukan pekerjaan. Satu siasatan meluas meliputi seluruh Malaysia Barat, telah di-jalankan dalam tahun 1962. Siasatan tahun 1965 ada-lah di-hadkan kepada lima (5) buah bandar² besar—Penang, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Klang-Port Swettenham—untuk mengadakan asas bagi bandingan mengenai kemajuan² semenjak tahun 1962.

Ada-lah di-rasai tidak perlu membentok satu Jawatan-kuasa bagi mengkaji Laporan Siasatan tahun 1965 itu. Kerajaan telah pun mengambil perhatian ka-atas hasil siasatan tersebut sa-masa menyediakan Ranchangan

Malayasia Yang Pertama, yang dijalankan dalam tahun 1966, dan dalam ulangkaji Rancangan tersebut yang dijalankan pada masa sekarang.

The Employment and Unemployment Survey of 1965 was part of the Government's Programme to gather information, on a continuing basis, relating to the employment situation. A comprehensive survey, covering the whole of West Malaysia, was undertaken in 1962. The 1965 survey was confined to five major urban centres—Penang, Ipoh, Kuala Lumpur, Johore Bahru and Klang and Port Swettenham—to provide a basis for comparison of developments since 1962.

It is considered not necessary to appoint a Committee to examine the 1965 Survey Report. The Government had already taken the results of this survey into consideration in formulating the First Malaysia Plan, which came into effect in 1966, and in the Review of the Plan that is now being undertaken.

Orang² Mendaftar Menchari Kerja

235. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968 berapa ramai-kah perempuan² telah mendaftarkan diri untuk mendapat kerja di-tiap² negeri di-Malaysia Barat berbanding dengan angka mereka yang mendapat kerja dalam tahun itu.

Tuan V. Manickavasagam: Jumlah penchari² kerja kaum perempuan yang di-daftarkan dan jumlah yang ditempatkan dalam pekerjaan dalam tiap² Negeri bagi tempoh Januari—31hb Oktober, 1968, ada-lah seperti berikut :

Negeri ²	Jumlah pendaftar ² perempuan pada 31-10-68	Jumlah penempatan ² perempuan dari Januari kepada Oktober, 1968
Kedah ...	1,900	... 174
Penang ...	3,049	... 480
Perak ...	4,919	... 275
Selangor ...	7,161	... 1,183
N. Sembilan	1,532	... 62
Melaka ...	1,340	... 50
Johor ...	4,471	... 177
Kelantan ...	1,158	... 32
Pahang ...	528	... 38
Trengganu ...	510	... 17
	26,568	... 2,488

Number of female job-seekers registered and number placed in employment in each State for period January—31st October, 1968, was as follows :

States	Total No. of female registrants at 31-10-68	No. of female placings from January to October 1968
Kedah ...	1,900	... 174
Penang ...	3,049	... 480
Perak ...	4,919	... 275
Selangor ...	7,161	... 1,183
N. Sembilan	1,532	... 62
Malacca ...	1,340	... 50
Johore ...	4,471	... 177
Kelantan ...	1,158	... 32
Pahang ...	528	... 38
Trengganu ...	510	... 17
	26,568	... 2,488

236. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh hingga akhir tahun 1968, berapa ramai-kah buroh² yang mendaftarkan diri untuk mendapat kerja dalam bahagian yang boleh di-anggap "ikhtisas" (Professional); dan berapa ramai-kah di-antara mereka itu telah mendapat kerja.

Tuan V. Manickavasagam: Jumlah penchari² kerja yang di-daftarkan dalam Biro Ikhtisas dan Teknikal dari Januari—31hb Oktober, 1968, ia-lah 155. Jumlah yang di-tempatkan dalam pekerjaan oleh Biro tersebut dalam tempoh tersebut ia-lah : 9. Kebanyakan pendaftar² ada-lah Mahasiswa² dari Universiti² seberang laut yang tidak di-tiraf oleh Kerajaan ijazah²-nya.

The number of job-seekers registered in the Professional and Technical Bureau from January—31st October, 1968, was 155. The number of persons placed in employment by the Bureau during the period was : 9. Most of the registrants are graduates from overseas Universities whose degrees are not recognised by Government.

237. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh hingga tahun 1968, berapa ramai-kah buroh² yang mendaftarkan diri untuk mendapat kerja dalam bahagian "buroh biasa" (unskilled labourers) yang tidak mahir; dan berapa ramai-kah di-antara mereka itu yang mendapat kerja.

Tuan V. Manickavasagam: Kedudukan mengenai pendaftaran dan penempatan² penchari² kerja yang mendaftar sa-bagai buroh pada 31hb Oktober, 1968, ada-lah saperti berikut:

- (a) Jumlah di-daftarkan ... 47,563
- (b) Jumlah di-tempatkan dalam pekerjaan ... 2,829

The position regarding registration and placings of job-seekers registered as labourers as at 31st October, 1968, was as follows:

- (a) No. registered ... 47,563
- (b) No. placed in employment ... 2,829

238. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh hingga akhir tahun 1968 berapa ramai-kah penganggor² yang mendaftarkan diri untuk mendapat kerja di-Sarawak, dan berapa peratus-kah mereka itu jika di-bandingkan dengan tenaga buroh semua-nya.

Tuan V. Manickavasagam: Perkhidmatan Pekerjaan akan di-perluas ka-Sarawak mulai 1hb Januari, 1969 dan oleh itu tidak ada angka² yang boleh di-dapati masa ini.

The Employment Service will be extended to Sarawak as from 1st January, 1969 and therefore no figures are available at this stage.

Pejabat Pekerjaan

239. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sudah-kah Kerajaan menubuhkan "Pejabat Pekerjaan" atau "Employment Office" di-Sarawak saperti yang pernah di-janjikan oleh Kementerian Buroh tahun lalu; jika ya, apa-kah tugas asasi bagi "Pejabat Pekerjaan" itu; dan jika tidak, mengapa.

Tuan V. Manickavasagam: Sebagai-mana yang di-nyatakan dahulu Perkhidmatan Pekerjaan akan di-perluas ka-Sarawak mulai 1hb Januari, 1969. Tujuan utama Perkhidmatan tersebut ia-lah untuk menolong penchari²-pekerjaan mendapati pekerjaan yang sesuai dan majikan² untuk mendapat pekerja² yang sesuai. Ia-nya akan juga mengumpul ma'alumat yang akan me-

nolong mengkaji kedudukan tenaga manusia di-sana.

As stated earlier the Employment Services will be extended to Sarawak as from 1st January, 1969. The primary function of the Service will be to assist job-seekers to find suitable employment and employers to find suitable workers. It will also collect data which will help to assess the manpower situation there.

Buroh² Perusahaan

240. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sa-jauh mana-kah kesulitan yang sedang di-hadapi oleh buroh² di-gedong² perusahaan akibat daripada turun-nya harga bijeh timah di-negeri ini; dan berapa ramai-kah di-antara mereka telah hilang pekerjaan dalam tahun 1968, dan apa-kah langkah Kerajaan bagi menolong buroh² yang malang itu.

Tuan V. Manickavasagam: Ada-lah benar bahawa ada aduan² mengenai berkurang-nya pengeluaran pada beberapa ketika. Keadaan sekatan ka-atas pengeluaran dan eksport timah berkaitan dengan keputusan oleh Majlis Timah Antarabangsa untuk mengawasi pengeluaran telah pun sederhana keadaan-nya. Dalam keadaan yang demikian, tidak ada akibat yang merosot ka-atas pekerjaan telah di-laporkan.

It is true that there have been some reports of cutbacks in production in certain cases. The degree of restriction on the production and export of tin associated with the decision by the International Tin Council to control production has been moderate in nature. In the circumstances, no significant adverse effects on employment have been reported.

Keputusan Mahkamah Perusahaan dalam Kes No. 8/1966

241. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh apakah keputusan Mahkamah Perusahaan No. 8, tahun 1966 dalam perkara itu berkenaan dengan pembuangan kerja kira² 2,500 orang pekerja ladang dalam tahun 1968 dahulu.

Tuan V. Manickavasagam: Award No. 8 tahun 1968, dan bukan tahun

1966 sebagaimana di-nyatakan dalam soalan, tidak menyentoh pemberhentian kerja pekerja² ladang yang telah di-buang kerja dalam tahun 1968. Adalah benar, walau bagaimana pun, bahawa lebih kurang 2,500 pekerja² ladang telah di-berhentikan sebagai akibat pelaksanaan. Award yang dimaksudkan itu. Ini tidak payah di-rujuk kepada Mahkamah Perusahaan oleh kerana Kementerian Buroh telah berjaya menyelesaikan-nya melalui jasa² baik Persatuan Pengeluar² Pertanian Malaya (M.A.P.A.) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja² Ladang (N.U.P.W.).

The Award No. 8 of 1968, and *not* of 1966 as stated in the question, did not pertain to the dismissal of estate workers who were thrown out of jobs in 1968. It is, however, true that approximately 2,500 estate workers were retrenched as a result of implementation of the said Award. This did not have to be referred to the Industrial Court as the Ministry of Labour was able to resolve it through the good offices of the Malayan Agricultural Producers' Association (M.A.P.A.) and the National Union of Plantation workers (N.U.P.W.).

Act Kilang dan Kejenteraan, 1967

242. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh adakah Kerajaan sedar bahawa Act Kilang dan Kejenteraan, 1967 (Factories and Machinery Act, 1967) patut di-pinda bagi menambahkan lagi jaminan² kepada buroh² dan pekerja² yang berkenaan kerana Act itu sudah "tertinggal masa"; jika ya, bila-kah pindaan itu akan di-lakukan.

Tuan V. Manickavasagam: Act tersebut telah di-luluskan oleh Parlimen dalam tahun 1967 dan dengan sebab itu saya tidak dapat bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu iaitu Act tersebut telah "tertinggal masa". Act tersebut mengandungi aturan yang lengkap bagi menjamin keselamatan pekerja² yang bekerja dalam kilang².

This Act has only been passed by Parliament in 1967 and I therefore cannot agree with the Honourable

Member's contention that the Act is out-dated. The Act contains sufficient safeguards for the safety of workers employed in factories.

243. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh adakah Kerajaan bekerjasama dengan pihak Majlis Penasihat Bersama Buroh Kebangsaan mengenai perkara² "Jaminan Sosial" bagi buroh² di-negeri ini; dan nyatakan chorak kerjasama itu.

Tuan V. Manickavasagam: Ya. Jawatan-kuasa Tetap, Majlis Penasihat Bersama Buroh Kebangsaan telah mengkaji Laporan Tuan A. N. Ambo mengenai "Jaminan Sosial" itu dan Jawatan-kuasa itu telah pun bersetuju dengan perakuan² Tuan Ambo itu.

Yes. The Standing Committee of the National Joint Labour Advisory Council has gone through the Report of Mr A. N. Ambo on Social Security and it has unanimously agreed with Mr Ambo's recommendations.

244. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh berapa-kah banyak-nya jumlah gedong² perusahaan di-negeri ini yang mempunyai wakil-nya dalam Majlis Penasihat Bersama Buroh Kebangsaan dalam tahun 1968.

Tuan V. Manickavasagam: Penubohan Majlis itu ada-lah berdasarkan penjenisan perusahaan dan bukan berdasarkan bilangan gedong² perusahaan.

The constitution of the Council is based on the classification of industries rather than on the number of factories.

Kesatuan² yang di-batalkan Pendaftaran-nya

245. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah kesatuan² yang di-batalkan pendaftaran-nya; dan berapa-kah pula diantara persatuan² itu memohon semula untuk di-daftarkan dan berapa yang di-terima pendaftaran semula-nya.

Tuan V. Manickavasagam: Nama² Kesatuan² yang di-batalkan dan di-daftarkan ada di-beri di-dalam Laporan²

Tahunan Jabatan Pendaftar Kesatuan Sekerja dari tahun 1948 hingga tahun 1967 yang telah di-chetak. Dalam tahun 1968, Sijil² sa-belas (11) buah kesatuan telah di-batalkan dan tidak ada permohonan bagi pendaftaran yang baharu dari kumpulan² pekerja² yang terlibat itu.

The names of unions cancelled and registered are given in the printed Annual Reports of the Registry of Trade Unions from 1948-1967. In 1968, certificates of 11 (eleven) unions were cancelled and there was no application from the affected groups of workers for fresh registration.

Ordinance Kesatuan Sekerja, 1959

246. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968, berapa banyak-kah kesatuan² sekerja telah di-beri amaran menurut kuasa Pendaftar Kesatuan Sekerja di-dalam Ordinance Kesatuan Sekerja, 1959; dan berapa-kah di-antara-nya yang di-kenakan apa² hukuman.

Tuan V. Manickavasagam: Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak “memberi amaran” atau “menghukum” Kesatuan² Sekerja.

Registrar of Trade Unions does not “caution” or “penalise” trade unions.

Kesatuan Pekerja Perusahaan Nenas

247. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh adakah Kerajaan bersedia membenarkan di-daftarkan sa-mula Kesatuan Pekerja Perusahaan Nenas (The Pineapple Industry Workers' Union) jika kesatuan itu memohon demikian; dan nyatakan bila-kah ia-nya di-batalkan pendaftaran-nya itu.

Tuan V. Manickavasagam: Tidak ada perbekalan dalam Ordinance Kesatuan Sekerja bagi mendaftarkan sa-mula sa-suatu Kesatuan Sekerja yang telah di-batalkan sijil-nya.

There is no provision in the Trade Unions Ordinance to re-register a trade union, whose certificate was cancelled.

248. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sudah-kah “Jawatan-kuasa Khas” yang di-lantek kerana menyiasat nasib pekerja² di-perayeran Pulau Pinang apabila Dermaga Butterworth di-gunakan, mengangkat penyata-nya kepada Kerajaan dan apa-kah jaminan² yang di-shorkan bagi membela pekerja² atau buroh² tersebut.

Tuan V. Manickavasagam:

(a) Ya.

(b) Jawatan-kuasa itu telah memperakukan supaya rancangan gerakan yang di-chadangkan oleh Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang yang menghendaki semua barang² eksport di-tanah besar itu di-pungguh di-dermaga²-nya di-Butterworth itu hendak-lah di-tanggohkan sa-lama satu tahun. Perakuan ini yang telah di-terima oleh Juma'ah Menteri kesudahan-nya akan menghasilkan keringanan kesusahan² yang mungkin di-wujudkan dengan terbuka-nya Dermaga² Butterworth itu.

(a) Yes.

(b) The Committee had recommended that the Penang Port Commission's proposed plan of operations to require all mainland export cargo to be handled at its Butterworth wharves should be shelved for one year. This recommendation which was accepted by the Cabinet would eventually result in alleviating such hardships as might be created with the opening of the Butterworth Wharves.

249. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh apakah keputusan Mahkamah Perusahaan berkenaan arahan-nya supaya suatu undi sulit di-adakan di-antara dua buah kesatuan yang menda'awa diri-nya mewakili Kesatuan Pekerja² Kejen-teraan Sri Jaya (P.T.M.); dan ada-kah pihak² tersebut patoh kepada keputusan itu.

Tuan V. Manickavasagam: Soalan tersebut tidak di-fahami.

The question is not understood.

Pekerja² Ladang Getah

250. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968 berapa ramai-kah jumlah pekerja² di-ladang² getah di-Malaysia Barat; dan berapa ramai-kah di-antara mereka itu di-berhentikan kerja kerana sebab² yang tertentu.

Tuan V. Manickavasagam: Bilangan pekerja² ladang di-Malaysia Barat dalam tahun 1967 telah di-anggarkan sa-banyak 231,900 menurut siasatan Pekerjaan dan Gaji² dalam Perusahaan² yang di-Pileh yang di-jalankan oleh Kementerian saya. Angka² bagi tahun 1968 tidak boleh di-dapati. Oleh kerana tidak ada undang² menghendaki majikan² melaporkan hal² pemberhentian kerja, Kementerian saya tidak dapat menyatakan berapa banyak pekerja² yang telah di-berhentikan kerja kerana sebab² yang tertentu.

The number of rubber estate workers in West Malaysia in 1967 was estimated to be 231,900 according to the Employment and Wages Survey in Selected Industries carried out by this Ministry. Figures for 1968 are not available. As there is no law requiring employers to report cases of termination of employment, my Ministry is unable to say how many workers were dismissed on specific grounds.

Sharikat Tacam Ltd, Batu Pahat

251. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh apakah usaha² lanjut oleh Kerajaan bagi menyelesaikan pertikaian di-antara buroh dengan majikan di-Sharikat Tacam Ltd, Batu Pahat dalam mana pada tahun 1968 sa-ramai kira² di-antara 60—80 pekerja telah di-gantong kerja.

Tuan V. Manickavasagam: Walau pun usaha² lanjut di-jalankan oleh Kementerian saya, ada-lah tidak mungkin untuk mewujudkan penyelesaian pertikaian ini dan, oleh kerana itu, saya telah merujuk pertikaian ini ka-Mahkamah Perusahaan pada 4hb September, 1968.

Despite further efforts of my Ministry it had not been possible to bring

about a settlement of this dispute and I, therefore, referred the dispute to the Industrial Court on 4th September, 1968.

Pertikaian Perusahaan

252. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) dalam tahun 1968 berapa bilangan pertikaian di-antara buroh dengan majikan telah di-bawa ka-Mahkamah Perusahaan;
- (b) apa-kah keputusan ka-atas kes² itu.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) 29 kes telah di-rujuk ka-Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian dari 1hb Januari hingga 17hb Disember, 1968.
- (b) Tidak seperti pengadilan dalam kes² jenayah dan kes 'awam, ada-lah tidak mungkin memberi senarai keputusan² Mahkamah Perusahaan bagi tiap² yang di-rujukkan. Chara untuk mengetahui keputusan² Mahkamah tersebut hanya-lah dengan membaca tiap² "awards"-nya.

- (a) 29 cases were referred to the Industrial Court for determination from 1st January to 17th December, 1968.
- (b) Unlike judgments in criminal and civil cases, it is not possible to list decisions of the Industrial Court in respect of each of the references. The only way of finding out the decisions of the Court is to read each of the awards.

253. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) dalam tahun 1968 berapa kes yang di-bawa ka-Mahkamah Timbang-antara atau Mahkamah Perusahaan telah terpaksa di-serahkan kepada Mahkamah Federal; dan
- (b) berapa banyak kes yang di-buang bichara dan berapa pula yang di-kenakan hukuman.

Tuan V. Manickavasagam:

Tiada.
Nil.

254. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh :

- (a) dalam tahun 1968 berapa buah kesatuan sekerja yang mempunyai ahli² di-bawah 100 orang yang maseh berjalan; dan
- (b) ada-kah Kerajaan akan mengambil tindakan supaya kesatuan² kecil seperti itu disuruh bersatu.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Ma'alumat-nya terbit di-muka 3 Laporan Tahunan Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja tahun 1967.
- (b) Tiap² galakan ada-lah di-beri kepada Kesatuan² Sekerja untuk bergabung menjadi kesatuan² yang lebih besar mengikut sebagaimana perbekalan² Act tersebut.
- (a) The information appears on page 3 of the Registry of Trade Unions Annual Report 1967.
- (b) Every encouragement is given to Trade Unions to amalgamate into larger Unions in accordance with the provisions of the Act.

Malaysian Air Charter

255. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sa-jauh mana-kah kejayaan di-chapai oleh Kerajaan dalam usaha-nya hendak menolong menyelesaikan pertikaian yang berlaku di-antara pihak buroh dengan pihak majikan Malaysian Air Charter sejak bulan Mach, 1968.

Tuan V. Manickavasagam: Di-dalam meshuarat yang terakhir dengan pegawai² Kementerian saya, pihak Pengu-rusan Sharikat telah menunjukkan kerelaan mereka untuk menimbangkan menurut Kesatuan tersebut sama ada pengi'tirafan terhad atau pengi'tirafan 'am bergantung kepada kedudukan perwakilan kesatuan tersebut berkaitan dengan pekerja² yang bekerja dengan Sharikat tersebut pada masa ini. Kesatuan tersebut telah pun di-beritahu tentang perkara ini dan telah di-nasihatkan supaya memberitahu Kementerian ini pendirian-nya.

During the last meeting with officers of my Ministry the Management of the Company had indicated their willingness to consider according to the Union either limited recognition or general recognition depending on the representative position of the Union in respect of the employees currently employed by the Company. The Union had been informed of this and advised to let my Ministry know its stand.

Estet di-Labis, Johor

256. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sa-jauh mana-kah usaha² yang telah di-buat oleh Kerajaan bagi menyelesaikan pertikaian yang membawa akibat mogok oleh kira² 1,700 pekerja atau penoreh getah Estet Labis di-Johor dalam bulan Februari dan Mach, 1968.

Tuan V. Manickavasagam: Berikutan dengan langkah² yang terdahulu, Kementerian saya mengadakan satu meshuarat bersama pihak² yang berkenaan di-Kuala Lumpur pada 8hb Jun, 1968 dan sebagai hasil meshuarat tersebut persetujuan telah di-chapai di-antara pihak² tersebut mengenai perkara² yang di-pertikaikan itu. Mogok tersebut dengan sebab itu, telah di-batalkan dan pekerja² kembali bekerja pada 10hb Jun, 1968.

Following its earlier efforts, my Ministry convened a joint meeting of the parties in Kuala Lumpur on 8th June, 1968 and as a result of this meeting agreement was reached between the parties on the issues in dispute. The strike was, therefore, called off and the workers returned to work on 10th June, 1968.

The Workers' (Minimum Standards of Housing) Act, 1966

257. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh adakah Kerajaan berchadang hendak membuat apa² pindaan kepada The Workers (Minimum Standards of Housing) Act, 1966 dengan tujuan hendak membaiki lagi keperluan rumah pekerja² Kerajaan dan juga pekerja² Badan² Sa-paroh Kerajaan di-negeri ini; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Tuan V. Manickavasagam: Act (Piawai Terendah Perumahan) Pekerja² tahun 1966 berkuatkuasa hanya ka-atas perumahan yang di-adakan oleh majikan² di-sektor bersendirian dan Jabatan² separa-Kerajaan. Pegawai² Kementerian saya dalam masa menjalankan pemereksaan² ka-atas tempat² pekerjaan juga meninjau perumahan yang di-adakan oleh majikan² bersendirian dan Jabatan separa-Kerajaan. Langkah² ada-lah juga di-ambil supaya majikan² atau Jabatan² separa-Kerajaan yang berkenaan memperbaiki keadaan² perumahan, jikalau dan apabila di-dapati mustahak.

Kerajaan sedar akan keadaan perumahan yang di-adakan untuk pekerja²-nya; dan langkah² sedang di-ambil untuk memperbaiki keadaan² tersebut, di-mana perlu.

The Workers' (Minimum Standards of Housing) Act, 1966 is applicable only to housing provided by employers in the private sector and Quasi-Government Departments. Officers of the Ministry in the course of their inspections of places of employment also look into housing provided by private employers and Quasi-Government Departments. Steps are taken to get the employers or the Quasi-Government Departments concerned to improve housing conditions, if and when found necessary.

Government is aware of the conditions of accommodation provided for its employees; and measures are being taken to improve the conditions, where necessary.

South Indian Labour Fund Ordinance

258. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) dalam tahun 1968 berapa bilangan biasiswa telah di-beri kepada anak² orang Selatan India di-bawah South Indian Labour Fund Ordinance;
- (b) nyatakan ka-mana-kah pelajar² yang di-beri biasiswa itu di-hantar belajar.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Lembaga South Indian Labour Fund mengeluarkan 64 biasiswa²

di-Sekolah² Menengah dalam tahun 1968 kepada anak² buroh² Selatan India untuk menuntut dari Tingkatan I hingga Sijil Tinggi Persekolahan.

- (b) Lembaga tersebut tidak mengeluarkan biasiswa² dari Kumpulan Wang-nya untuk menuntut di-luar negeri.
- (a) The South Indian Labour Fund Board awarded 64 secondary school scholarships in 1968 to children of South Indian labourers for studies from Form I up to the Higher School Certificate level.
- (b) The Board does not award scholarships from the Fund for overseas studies.

259. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) dalam tahun 1968, berapa ramai-kah orang yang mendapat penchen di-bawah South Indian Labour Fund Ordinance;
- (b) nyatakan jumlah wang yang di-keluarkan dari tabong tersebut untuk maksud itu di-Malaysia Barat.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Lembaga tersebut tidak memberi penchen dari Kumpulan Wang tersebut tetapi bayaran² hadiah sa-banyak \$10 sa-bulan bagi tiap² orang dewasa dan \$5 sa-bulan bagi tiap² orang belum dewasa ada-lah di-buat dari Kumpulan Wang tersebut kepada orang² yang telah tua dan buroh² Selatan India serta tanggungan² mereka yang menderita yang tidak mempunyai tempat bergantung. Lebih kurang 330 orang menerima bayaran² sagu-hati dari Kumpulan Wang tersebut di-sepanjang tahun 1968.
- (b) Jumlah wang yang di-bayar sa-bagai sagu-hati dari Kumpulan Wang tersebut di-Malaysia Barat bagi tahun 1968 ia-lah \$38,440.

- (a) The Board does not give pensions from the Fund but ex-gratia payments of \$10 p.m. per adult and \$5 p.m. minor are being paid from the Fund to aged and destitute South Indian labourers and their dependants who have no visible means of livelihood. Approximately 330 persons received the above ex-gratia payments from the Fund during 1968.
- (b) The total sum paid from the Fund as ex-gratia payments in West Malaysia for 1968 amounted to \$38,440.

Act Perhubungan Perusahaan, 1967

260. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) dalam tahun 1968 berapa buah Jawatan-kuasa atau Lembaga di-tubuhkan bagi maksud membuat penyiasaan di-bawah Fasal VII Act Perhubungan Perusahaan, 1967; dan
- (b) nyatakan tarikh penubuhan Jawatan-kuasa atau Lembaga itu.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Hanya satu Jawatan-kuasa Penyasat telah di-lantek dalam tahun 1968. Tidak ada Lembaga Penyasat yang telah di-lantek.
- (b) Jawatan-kuasa Penyasat yang di-sebut dalam (a) di-atas telah di-lantek pada 16hb Februari, 1968.
- (a) Only one Committee of Investigation was appointed in 1968. No Board of Inquiry was appointed.
- (b) The Committee of Investigation mentioned in (a) above was appointed on 16th February, 1968.

261. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968 berapa bilangan pertikaian di-antara buroh dengan majikan yang telah di-rujokkan kepada Lembaga Penyasat dan Jawatan-kuasa Penyasat menurut Act Perhubungan Perusahaan, 1967.

Tuan V. Manickavasagam: Hanya satu pertikaian sahaja telah di-rujokkan kepada Jawatan-kuasa Penyasat dalam tahun 1968 dan tidak ada pertikaian yang di-rujokkan kepada Lembaga Penyasat.

Only one dispute was referred to the Committee of Investigation in 1968 and no dispute was referred to the Board of Inquiry.

262. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sahaja mana-kah kemajuan sudah ter-chapai dalam usaha Kerajaan hendak meminda Act Perhubungan Perusahaan dengan tujuan hendak menahan keputusan Mahkamah² Perusahaan daripada di-batalkan oleh Mahkamah Undang².

Tuan V. Manickavasagam: Ada-lah benar bahawa keputusan² Mahkamah Perusahaan boleh di-batalkan oleh Mahkamah Undang² sa-bagaimana maksud soalan ini.

It is true that decisions of the Industrial Court can be annulled by the Law Courts, as this question implies.

Kesatuan² Baru

263. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) dalam tahun 1968 berapa buah kesatuan di-luluskan pendaftaran-nya di-Malaysia Barat; dan
- (b) nyatakan jumlah kesatuan² baharu dalam tiap² negeri.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) 9 buah kesatuan² telah di-daftarkan di-Malaysia Barat dalam tahun 1968.
- (b) Selangor 6
Perak 1
Penang 1
Johor 1
- (a) 9 unions were registered in West Malaysia in 1968.
- (b) Selangor 6
Perak 1
Penang 1
Johore 1

Ahli² Kesatuan² Sekerja

264. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968 berapa ramai-kah pekerja atau buroh yang menjadi Ahli Kesatuan² Sekerja di-Malaysia Barat dengan menyatakan jumlah mereka itu di-tiap² negeri.

Tuan V. Manickavasagam: Kementerian Buroh tidak menyimpan senarai pekerja² yang telah menjadi ahli² kesatuan² tahun demi tahun dalam tiap² Negeri.

The Ministry of Labour does not maintain list of employees who have become members of unions year after year in each State.

Gaji Pekerja² Kedai

265. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh dalam tahun 1968 ada-kah Kerajaan telah melakukan pemereksaan terhadap kedai² untuk mengetahui sama ada kedai² itu membayar gaji atau upah yang menasabah kepada pekerja²-nya seperti mana yang di-lakukan-nya dalam bulan Mei, 1966 terhadap 150 buah kedai di-Melaka dan mendapati 10 buah kedai yang boleh di-hukum, jika ya, berapa buah-kah kedai yang di-pereksa dan berapa-kah di-antara-nya di-dapati boleh di-hukum.

Tuan V. Manickavasagam: Dalam tahun 1968 jumlah bilangan kedai² yang di-pereksa di-bawah Perintah Peratoran² Gaji² (Pembantu² Kedai) tahun 1963 dan Perintah Peratoran² Gaji² (Rumah Penginapan dan Perhidangan Makanan) tahun 1967 sehingga akhir bulan Oktober, 1968 ialah 5,810. 531 pekerja² telah di-dapati di-bayar berkurangan sa-hingga \$40,911. Oleh kerana ini ada-lah kesalahan² pertama, majikan² yang berkenaan telah di-beri amaran. Mereka bersetuju membayar-nya dan pembayaran² telah di-buat.

In 1968 the total number of shops inspected under the Wages Regulations (Shop Assistants) Order, 1963, and the Wages Regulation (Catering and Hotel) Order, 1967, up to end of October, 1968 was 5,810. 531 workers were

found to have been underpaid to the extent of \$40,911. These being first offences, the employers concerned were warned. They agreed to pay up, and payments were made.

Kilang Revertex Berhad, Kluang

266. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) apa-kah kesudahan notis mogok yang di-kemukakan oleh kira² 170 orang pekerja Kilang Revertex Limited, Keluang, Johor, dalam akhir² bulan Ogos, 1968; dan
- (b) apa-kah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menolong menyelesaikan pertikaian itu.

Tuan V. Manickavasagam: Pertikaian yang menimbulkan notis mogok telah di-selesaikan berikut-nya dan mogok tersebut tidak berlaku.

Pegawai² Kementerian saya telah menemui pehak Pengurusan Kilang Sharikat Berhad Revertex dan Kesatuan Sekerja pekerja²-nya dan menolong menyelesaikan pertikaian mereka.

The dispute which gave rise to the strike notice was subsequently settled and the strike did not take place.

Officers of my Ministry met the Management of Revertex and the Union and assisted them in resolving their dispute.

Pekerja² Mahir

267. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) ada-kah benar bahawa kekurangan pekerja² mahir pada masa ini menghalang kemajuan Malaysia seperti yang di-uchapkan oleh-nya pada 10hb Mei, 1968, ketika merasmikan seminar kakitangan pengurus anjoran Institut Pengurusan Malaysia, Kuala Lumpur; jika ya, dalam lapangan apa-kah kekurangan itu di-alami; dan
- (b) nyatakan usaha Kerajaan bagi mengatasi masaalah tersebut.

Tuan V. Manickavasagam: Dalam ucapan yang di-maksudkan itu, saya telah menitek beratkan terutama-nya kepada perlu-nya perusahaan, dengan sendi-nya mengambil bahagian tanggung-jawab bagi melateh pekerja² dan tidak-lah hanya bergantung kepada ranchangan² latehan Kerajaan. Saya telah menekankan bahawa apa yang di-terima sechara 'am-nya dalam bidang tenaga manusia sa-bagai polisi latehan yang baik, ia-itu, bahawa latehan ada-lah sa-baik²-nya di-beri di-atas pekerjaan itu atau pun dengan bekerjasama dengan badan² perusahaan tertentu yang akan menggunakan hasil dari sistem latehan itu. Ini, sudah tentu-lah, asas dasar Kementerian Buroh dalam hal melateh pelateh² di-Pusat Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur bagi perusahaan dan baharu² ini, dalam hal memulakan kursus² latehan yang di-percepatkan, dalam bulan Ogos, 1968.

Saya tidak-lah pula bermaksud bahawa ada kekurangan kemahiran² tertentu yang menghalang kemajuan ekonomi tetapi saya menyebut lebih 'am mengenai perlu-nya di-pertinggikan mutu kemahiran² dalam tenaga buroh yang ada pada masa ini di-Malaysia. Walau bagaimana pun, ada-lah di-aku² pada 'am-nya oleh berbagai² siasatan² yang telah di-buat dan telah di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama (1966-70) bahawa keperluan² bagi tenaga manusia yang berkeelayakan akan bertambah dengan kemajuan perusahaan.

Untuk memenohi chabaran ini Kementerian Buroh telah melancharkan satu achara pergerakan dalam bidang tenaga manusia untuk memberi sokongan perlaksanaan kepada langkah² kemajuan yang di-maksudkan oleh Ranchangan tersebut. Dengan bantuan teknik daripada Pejabat Pertubohan Buroh Antarabangsa, Kementerian Buroh sedang menyatukan berbagai² kegiatan² tenaga manusia-nya ka-dalam sa-buah Jabatan Tenagamanusia yang mengandongi tiga perkhidmatan penting: Perkhidmatan Pekerjaan, Perkhidmatan Latehan dan Perkhidmatan Ma'alumat Pasaran Tenaga Buroh untuk memenohi dengan lebih baik

lagi kemahuan² perusahaan bagi pengambilan dan latehan pekerja² yang berkeelayakan dan untuk menilai dengan lebih baik lagi kemahuan² negara ini yang bergerak berkaitan dengan kemajuan² sosial dan ekonomi.

Ranchangan perlatehan yang dilaksanakan sejak tahun 1957 pada masa ini di-tambah dengan ranchangan perlatehan perusahaan yang di-percepatkan yang dalam bulan November, 1968 telah mengeluarkan hasil-nya yang pertama pelateh² yang telah diberikan kemahiran² asas kejuruteraan. Ranchangan latehan ini akan di-perluaskan lagi dan di-pelbagaikan dalam tahun 1969, dengan pertolongan dibawah Tabong Khas Bangsa² Bersatu, dengan memperkenalkan latehan "in-plant" yang bertujuan untuk memenohi keperluan² kemahiran khas dalam badan² perusahaan yang ada pada masa ini dan perusahaan² yang akan di-dirikan.

Untuk bergerak bersama² dengan kedudukan tenaga manusia di-Malaysia, Kementerian Buroh juga sedang menjalankan ranchangan penyeledekan dan ma'alumat tenaga manusia untuk mewujudkan keterangan yang berpanjangan mengenai pengeluaran dan permintaan tenaga buroh. Satu pusingan siasatan² pekerjaan oleh perusahaan² tertentu telah di-lancharkan dalam bulan September, 1968, dan satu achara laporan pasaran tenaga buroh sedang di-sediakan untuk di-perkenalkan dalam pejabat² pekerjaan tempatan yang mana ada terdapat 18 buah di-Malaysia Barat dan 5 buah di-Malaysia Timor.

In the speech referred to, I gave particular emphasis to the need for industry itself to assume its share of responsibility for the training of workers and not depend solely upon Government training schemes. I stressed what is generally accepted in manpower circles as good training policy, that is, that training is best given on-the-job or in close collaboration with the specific industrial establishments which are to employ the end product of the training system. This, of course, is the basic policy of the Ministry of Labour in training

apprentices for industry in the Industrial Training Institute at Kuala Lumpur and, more recently, in introducing accelerated training courses in August 1968.

I did not refer then to specific skill shortages impeding economic development but talked more generally of the need to up-grade the skills in the existing work force in Malaysia. However, it is generally recognised by the various surveys that have been made and incorporated in the First Malaysia Plan (1966-70) that the requirements for qualified manpower will increase with the pace of industrialisation.

To meet this challenge the Ministry of Labour has launched an operational programme in the manpower field to give implementing support to the development measures envisaged by the Plan. With technical assistance from the International Labour Office, the Ministry is integrating its various manpower activities into a Manpower Department consisting of three main services: the Employment Service, the Training Service and the Labour Market information Service in order to better meet the needs of industry for the recruitment and training of qualified workers and to better assess the evolving needs of the country in relation to economic and social development.

The apprenticeship programme in operation since 1957 has now been supplemented by an accelerated industrial training programme which in November 1968 produced its first crop of trainees who have been given the basic engineering trade skills. This training programme will be further extended and diversified in 1969, through assistance under the United Nations Special Fund, by the introduction of in-plant training designed to cater to the specific skill needs of both existing industrial establishments and new industries to be created.

In order to keep current with the evolving manpower situation in Malaysia, the Ministry of Labour is also undertaking a programme of manpower information and research to

generate reliable and continuing data on labour supply and demand. A cycle of occupational surveys by specific industries was launched in September 1968 and a programme of labour market reporting is presently being prepared for introduction in the local Employment Offices, of which there are 18 in West Malaysia and 5 in East Malaysia.

Ramli bin Abdul Rashid

268. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh adakah benar bahawa sa-orang buroh Kerajaan yang bernama Ramli bin Abdul Rashid telah mati akibat kereta Land Rover yang membawa-nya telah tergelincir lalu terhumban ka-dalam gaung di-selekoh Jalan Chenderoh, Sauk, Perak pada 8hb September, 1968; dan jika ya, apa-kah pertolongan yang di-hulorkan oleh Kerajaan kepada keluarga Ramli.

Tuan V. Manickavasagam: Pada 8hb September, 1968 sa-orang pekerja bernama Mohd. Razali bin Abdul Rashid, KP. No.1027872 (bukan Ramli bin Abdul Rashid) di-timpa kemalangan yang dahshat di-Jalan Chenderoh, Sauk, Perak. Land Rover yang beliau naik untuk pergi bekerja tergelincir dan jatuh ka-dalam gaung. Akibat-nya, beliau telah terbunuh.

Pekerja yang terbunuh itu bukan pekerja Kerajaan. Beliau telah bekerja dengan Enche' Lee Choo Fuat, sa-orang pemborong Jabatan Kerja Raya di-No. 14-A, Jalan Taiping, Kuala Kangsar.

Apabila laporan kemalangan tersebut telah di-terima oleh Penolong Pesuruhjaya Buroh, Kuala Kangsar pada 13hb September, 1968, tindakan telah di-ambil di-bawah perbekalan² Ordinance Pampasan Pekerja tahun 1952 untuk menolong tanggungan² pekerja yang maut itu menda'awa pampasan pekerja. Walau bagaimana pun mula' pada 14hb November, 1968 tindakan ini telah di-gantungkan oleh kerana M/s. L. H. Singh dan Sharikat, Peguambela dan Peguamchara, 21 Hale Street, Ipoh, bertindak bagi pehak tanggungan²-nya, telah memberi tahu bahawa mereka berchadang hendak

mengambil langkah di-bawah "Common Law for civil damages". Kalau sekira-nya tanggungan² mengambil keputusan melanjutkan dakwaan mereka untuk pampasan pekerja, dan tidak menuntut ganti-rugi, Kementerian ini akan membuka semula perkara ini dan langkah selanjut-nya akan diambil.

On 8th September, 1968, a workman named Mohd. Razali bin Abdul Rashid, NRIC No. 1027872 (not Ramli bin Abdul Rashid) met with a fatal accident along Jalan Chenderoh, Sauk, Perak. The Land Rover in which he was travelling to work skidded and fell into a ravine. As a result, he was killed.

The deceased workman was not a Government employee. He was employed by one Enche' Lee Choo Fuat a P.W.D. Contractor of No. 14-A, Jalan Taiping, Kuala Kangsar.

As soon as a report of this accident was received by the Asst. State Commissioner for Labour, Kuala Kangsar on 13th September, 1968, action was taken under the provisions of the Workmen's Compensation Ordinance, 1952 to assist the dependants of the deceased workman to claim workmen's compensation. However, with effect from 14th November, 1968, this action has been suspended, as M/s. L. H. Singh & Co, Advocates & Solicitors, 21 Hale Street, Ipoh, acting for the dependants, had intimated that they were contemplating instituting action under Common Law for civil damages. If subsequently the dependants should decide to pursue their claim for workmen's compensation, instead of their claim for civil damages, this Ministry will no doubt re-open this case and further action will be taken.

Rombongan Kesatuan Sekerja Russia

269. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) ada-kah benar bahawa satu perwakilan Kesatuan Sekerja Russia telah melawat Malaysia dalam bulan Oktober, 1968; jika ya, nyatakan jumlah ahli rombongan itu;

- (b) atas jemputan siapa;
- (c) maksud lawatan itu; dan
- (d) tempoh mereka berada di-Malaysia.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Lawatan perwakilan Kesatuan Sekerja dari U.S.S.R. berlaku dalam bulan November, dan tidak bulan Oktober, 1968. Ianya merupakan perwakilan 3 orang.
- (b) Pemimpin² Kesatuan Sekerja Soviet telah datang melawat sebagai memenuhi jemputan dari dua buah Kesatuan Sekerja Kebangsaan Pekerja² Malaysia dan Konggres Kesatuan Sekerja Malaysia (M.T.U.C.) bertugas sa-bagai yang menguruskan-nya.
- (c) Lawatan tersebut berupa lawatan muhibbah sa-bagai menyambong satu lawatan yang serupa itu juga di-Indonesia.
- (d) Perwakilan tersebut telah berada di-negara ini dari 24hb November hingga 2hb Disember, 1968.
- (a) The visit of the trade union delegation from the U.S.S.R. took place in November, not October, 1968. It was a three-man delegation.
- (b) The Soviet trade union leaders came in response to an invitation from two National Unions of Malaysian Workers and the Malaysian Trades Union Congress (M.T.U.C.) acted as sponsors.
- (c) The visit was in the nature of a goodwill visit in continuation of a similar visit to Indonesia.
- (d) The delegation was in this country from the 24th November to the 2nd December, 1968.

Buroh dan Tenaga Kerja Perusahaan

270. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh berikan angka² yang terakhir sa-hingga akhir tahun 1968 bagi perkara yang berikut:

- (a) jumlah buroh atau pekerja yang terator (organised);

- (b) jumlah tenaga kerja perusahaan (Industrial Work Force) di-tiap² negeri di-Malaysia Barat.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) 357,582 pekerja ada-lah ahli² kesatuan² sekerja.
- (b) Ma'alumat tersebut tidak boleh di-dapati.
- (a) 357,582 workers are members of trade unions.
- (b) Such information is not available.

Pertubohan Buroh Antarabangsa

271. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh sejak tertuboh-nya Malaysia, sudah berapa kali-kah Kerajaan kita di-wakili di-dalam sidang Pertubohan Buroh Antarabangsa (I.L.O.); dan nyatakan:

- (a) tarikh meshuarat² atau sidang²;
- (b) jumlah anggota perwakilan dalam tiap² sidang;
- (c) jumlah belanja tiap² kali sidang.

Tuan V. Manickavasagam: Semenjak tertuboh-nya Malaysia perwakilan kebangsaan tersebut telah pun menghad-ziri tiap² persidangan tahunan, Pertubohan Buroh Antarabangsa di-Geneva. Dapat di-perhatikan bahawa perwakilan tersebut berchorak tiga pihak berikutan dengan Perlembagaan Pertubohan Buroh Antarabangsa, ia-itu mengan-dongi wakil² bukan sahaja wakil² Kerajaan tetapi juga wakil² majikan² dan pekerja² di-negara ini. Butir² yang di-minta ada-lah saperti berikut:

Tarikh Persidangan	Jumlah-orang ¹ menyertai Perwakilan	Jumlah Perbelanjaan
Persidangan ke-48 14hb Jun hingga 11hb Julai, 1964 ..	9	\$52,015.50
Persidangan ke-49 2hb-24hb Jun, 1965	6	33,918.47
Persidangan ke-50 1hb-23hb Jun, 1966	8	42,636.95
Persidangan ke-51 7hb-29hb Jun, 1967	8	38,459.70
Persidangan ke-52 5hb-27hb Jun, 1968	6	34,352.21

Since the formation of Malaysia a national delegation has attended every annual session of the International Labour Conference in Geneva. It will be noted that the national delegation

is tripartite in nature in accordance with the I.L.O's Constitution, i.e., it consists of representatives not only of Government but also of employers and workers of the country. The particulars asked for are as follows:

Dates of Conference	No. of persons in Delegation	Total Expenditure
48th Session 14th June to 11th July, 1964	9	\$52,015.50
49th Session 2nd-24th June, 1965	6	33,918.47
50th Session 1st-23rd June, 1966	8	42,636.95
51st Session 7th-29th June, 1967	8	38,459.70
52nd Session 5th-27th June, 1968	6	34,352.21

272. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) berapa kadar penganggoran ber-banding dengan tenaga buroh di-Sabah dalam tahun 1968; dan
- (b) berapa ramai-kah buroh dari Malaysia Barat di-hantar ka-Sabah dalam tahun yang sama.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Kadar penganggoran tidak dapat di-pastikan. Terdapat hanya 86 penchari kerja yang mendaftar di-Pejabat² Pekerjaan di-sana untuk mendapat pekerjaan.
- (b) Jumlah pekerja² dari Malaysia Barat yang di-hantar ka-Sabah dalam tempoh Januari-November, 1968 di-bawah naongan Ranchangan Lembaga Kum-pulan Wang Perpindahan Malay-sia ia-lah 1,234 yang di-sertai oleh 1,177 tanggungan² mereka.
- (a) The rate of unemployment is negligible. There were only 86 job-seekers registered for employment in the four Employment Offices there. Most of them, however, are in employment but are seeking changes of occupation.
- (b) The number of workers from West Malaysia sent to Sabah during period January-November, 1968, under the aegis of Malaysian Migration Fund Board Scheme was 1,234 who were accompanied by 1,177 dependants.

Pusat² Latehan

273. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Buroh :

- (a) ada-kah Kerajaan telah mendirikan Pusat² Latehan bagi melateh pekerja² dalam pekerjaan masing²; dan
- (b) nyatakan jumlah pekerja yang sudah menerima latehan samupama itu.

Tuan V. Manickavasagam:

- (a) Ya.
